Tambahan pula, kerajaan telah menggantikan KBSR dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. KSSR diperkenalkan untuk melahirkan insan yang seimbang, berfikiran kreatif, kritis dan inovatif melalui tunjang-tunjang komunikasi, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika, keterampilan diri, kemanusiaan dan kerohaniaan serta sikap dan nilai diutamakan. KSSR ini berlandaskan FPK dan DPK negara kita. KSSR ini turut mengambil kira cabaran abad ke-21 dan Model Baru Ekonomi (MBE) serta teori pembelajaran terkini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Berbalik kepada sejarah penubuhan sekolah vernakular, menurut Marimuthu (1995), antara sebab utama sistem persekolahan vernakular adalah ditubuhkan untuk mengurangkan masalah perkauman di Tanah Melayu pada ketika itu. Pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

permulaannya, sistem sekolah pondok digunakan untuk proses pengajaran bahasa Tamil. Sekolah pondok ini biasnnya terletak berhampiran dengan rumah pendeta kuil. Tapak berpasir berperanan sebagai papan hitam manakala jari murid murid bertindak sebagai alat tulisan (Marimuthu, 1995).

Sedikit demi sedikit, sekolah pondok ini mula digantikan dengan sekolah-sekolah Tamil. Sekolah-sekolah Tamil ini boleh dibahagikan kepada sekolah rendah Tamil yang dikendalikan oleh pihak pengurusan ladang dan sekolah rendah Tamil di bandar yang dikendalikan oleh kaum India dan mubaligh Kristian. Pada ketika itu, objektif sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British adalah semata-mata untuk memberikan pendidikan kepada segolongan rakyat supaya sebahagian daripada mereka dapat memenuhi keperluan tenaga dan ekonomi kaum masing-masing. Pada pandangan pihak British, sekolah Tamil di ladang-ladang tidak berkepentingan, sebaliknya lebih bersifat *cul-de-suc,* iaitu sebahagian besar muridnya akan kekal di ladang getah dan menjadi buruh kasar (Mohamad b. Abdul Karim, 2009). Bahasa penghantar yang digunakan ialah bahasa Tamil dan sukatan pelajaran serta buku teks diambil dari negara India. Sekolah rendah yang ditubuhkan ketika itu tidak mempunyai sistem pentadbiran yang seragam dan selaras (Sufean Hussin, 2010). Sehubungan ini, asas bagi pendidikan Tamil di negara ini bermula dengan penubuhan sebuah kelas khas di Penang Free School pada 1816. (Abu Bakar Nordin, 1994).

Sekolah vernakular Tamil juga terkesan semasa revolusi pendidikan yang melanda di negara sebelum mencapai kemerdekaan. Laporan Barnes menegaskan bahawa pendidikan sekolah rendah merupakan kunci kepada perpaduan negara. Hal ini membuka peluang kepada kajian semula sistem pendidikan sekolah vernakular.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasilnya, sistem pendidikan kebangsaan diperkenalkan dan dibuka kepada semua kaum. Dua bahasa penghantar pula digunakan pada masa itu, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Laporna Barnes, 1950).

Sistem pendidikan di Malaysia melihat penambah baikan secara berterusan selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Penyata Razak 1956 merupakan salah satu panduan penting untuk menggubal Dasar Pendidikan Negara. Penyata Razak memberi perhatian kepada usaha menggabungkan semua sekolah vernakular di Tanah Melayu dengan sistem pendidikan kebangsaan. Hasil Penyata Razak membolehkan peruntukan wang daripada kerajaan turut disalurkan ke sekolah-sekolah Tamil. Murid-murid dari sekolah Tamil yang berminat melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah diberi peluang dengan mewujudkan kelas peralihan di sekolah menengah (Pelan Induk Sekolah-sekolah Tamil Abad Ke-21, 2000).

Menurut Haji Hamdan (1979), murid-murid yang belajar di sekolah rendah Tamil selama enam tahun dapat mengikuti bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran di sekolah menengah. Menurut Dhandayutham (1982), para pelajar yang berminat boleh meneruskan pengajian Tamil di peringkat universiti, iaitu di Universiti Malaya.

Pada tahun 1960, Laporan Rahman Talib mengkaji semula sistem pendidikan negara seperti yang disyorkan oleh Penyata Razak sebelum ini. Selepas saranan Laporan Rahman Talib dilaksanakan, sekolah-sekolah rendah di Malaysia dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah Melayu, manakala Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan pula terdiri daripada sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina. Pembahagian ini masih diteruskan sehingga kini tanpa sebarang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bantahan dan halangan. Pembahagiaan ini memberi kesan kepada peruntukan wang yang disediakan kerajaan kepada sekolah-sekolah Tamil (Sufean Hussin, 2004).

Jika kita meninjau sistem pendidikan di Malaysia pada masa ini, sistem ini adalah mengikut acuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah ini telah digubal pada tahun 1988 bertujuan untuk mengukuhkan hala tuju dan matlamat pendidikan negara. Demi mencapai matlamat ini, pendidikan yang lebih menyeluruh dan bersepadu dirancang untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Sementara itu, semakan dan penggubalan kurikulum dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan taraf pendidikan semasa selari dengan perkembangan teknologi dan peredaran masa. Semakan ini bukan sahaja ditujukan kepada sekolah kebangsaan, bahkan melibatkan sekolah jenis kebangsaan.Sebagai contoh, pendidikan bahasa Tamil di SJKT juga menepati kehendak Falsafah Pendidikan Negara (Noraini, 2010).

Jika dikaji secara mendalam, kurikulum pendidikan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan menekankan lima kemahiran utama yang wajib dikuasai oleh setiap murid. Kemahiran yang dimaksudkan ialah membaca, bertutur, mendengar, menulis dan mengira.

Dalam pengajaran Bahasa Tamil, peribahasa dinyatakan sebagai komponen bahasa yang terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan serta intonasi, kosa kata dan peribahasa (KPM 2012). Peribahasa merupakan salah satu aspek bahasa yang wajib diajar kepada para pelajar kerana ianya terkandung di dalam DSKP. Terma DSKP ini merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi. Berdasarkan Kurikulum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Standard Sekolah Rendah (KPM 2012), peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan serta perlu diajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil. Dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah, pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Saranan tersebut menjelaskan bahawa penggunaan peribahasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil adalah satu apek penting dalam memupuk nilai-nilai murni di kalangan para pelajar.

Pengkaji berpendapat bahawa kemahiran membaca ialah kemahiran yang paling utama tanpa memperlekehkan kemahiran lain. Hal ini kerana membaca merupakan kemahiran asas kepada kemahiran lain. Murid yang mampu membaca dapat menguasai kemahiran mendengar dan seterusnya dapat menzahirkan apa-apa yang didengar secara penulisan. Kemahiran mengira tidak dapat berkembang sekiranya tidak dapat membaca kehendak sesuatu soalan matematik. Justeru, pengkaji ingin menegaskan pendapat bahawa kemahiran membaca merupakan kemahiran yang paling asas dan bernilai.

Dalam pada itu, peribahasa didefinisikan sebagai sususan perkataan dalam bentuk kiasan dan mempunyai maksud tersirat. Oleh yang sedemikian, peribahasa mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum (DSKP KSSR Bahasa Tamil Tahun Lima). Justeru, pengkaji memilih peribahasa yang terkandung dalam DSKP KSSR Bahasa Tamil SJKT sebagai bahan kajian dan ingin mengkajinya dengan menggunakan teknik teknologi baharu dalam sistem pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terma *Flipped Classroom* mula dicadangkan pada tahun 1984 dan merupakan antara strategi pembelajaran abad ke-21. Menurut kaedah ini, para murid diberi lebih awal bahan atau video berkenaan topik yang akan diajar pada hari berikutnya. Murid perlu melihat dan memahami isi kandungan bahan atau video tersebut lalu murid dapat memahapurataya dengan lebih cepat dan pantas apabila tajuk tersebut diajar oleh guru. Walaupun terdapat sedikit kekangan seperti pelajar tiada bimbingan dan terpaksa berfikir sendiri, namun kaedah ini sebenarnya mempunyai banyak kelebihan. Selain menjimatkan masa guru untuk menerangkan tajuk baru di kelas, guru cuma perlu mengukuhkan pemahaman individu. Teknik ini juga melatih murid untuk berfikir secara kendiri. Stein dan Lane (1996) menegaskan bahawa guru perlu memberi tugasan yang mencabar puratada murid untuk berfikir secara kritikal bermula dari peringkat awal lagi. Justeru, murid perlu diasah kemahiran aras tinggi bermula dari peringkat awal dan bukan pada akhir pembelajaran sebagaimana yang berlaku dalam pengajaran konvensional sedia ada (Smith et al., 2008).

Dalam pembelajaran abad ke-21, penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan turut diberi tekanan dan guru-guru digalakkan menggunakan teknologi di bilik darjah. Pendekatan ini, selain membantu murid mengikuti peredaran masa yang melibatkan penggunaan teknologi di semua peringkat, bahkan merupakan peralihan daripada penggunaan buku teks yang dianggap cara lama. Penggunaan teknologi juga membolehkan murid mencari maklumat sendiri sekiranya mempunyai keraguan atau sebagai maklumat tambahan. Hal ini bertujuan untuk menarik minat pelajar untuk meneroka lebih lanjut pengetahuan yang sedia ada. Penggunaan teknologi juga berbeza dengan sistem lama yang lebih menjurus kepada penggunaan buku teks semata-mata. Penggunaan teknologi membolehkan para pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencari maklumat-maklumat dengan sendiri di samping dapat menajamkan pemikiran, menambahkan ilmu pengetahuan serta mengekalkan asas perpaduan sedia ada dalam kalangan pelbagai etnik di Malaysia melaui sistem pendidikan yang sama (DSKP KSSR Bahasa Tamil SJKT Tahun Lima). Oleh itu, pengkaji menggunakan teknologi berupa aplikasi *Quizlet* dalam kajian ini sebagai pendekatan baharu dalam pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT.

1.3 Permasalahan Kajian

Peribahasa merupakan salah satu cabang tradisi kesusasteraan lisan Bahasa Tamil yang masih dipelajari sehingga kini. Asalnya, peribahasa wujud daripada susunan kata-kata bahasa yang indah dan menawan hati di mana lahir secara semulajadi daripada hati nurani, naluri perasaan dan jiwa dalam kalangan masyarakat India zaman dahulu. Secara khususnya, peribahasa Tamil berperanan sebagai pedoman, panduan dan juga pengajaran yang bermanfaat dalam kehidupan seseorang. Namun, peranan peribahasa dalam pertuturan dan penulisan dilihat semakin kurang digunakan. Fenomena ini telah mencerminkan bahawa bahasa peribahasa tidak digunakan oleh generasi muda dalam percakapan dan penulisan.

Dalam kurikulum sekolah rendah, peribahasa diajar di dalam bilik darjah mengikut sukatan pelajaran di mana ia merangkumi enam jenis peribahasa termasuk pepatah, bidalan, bandingan, simpulan bahasa, perumpamaan dan kata-kata hikmah. Penguasaan peribahasa perlu diterapkan bermula dari sekolah rendah kerana apabila murid mempelajari peribahasa bermula dari peringkat rendah, maka murid lebih faham

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan penggunaan peribahasa. Namun, teknik pengajaran peribahasa Tamil berasaskan penggunaan buku teks di sekolah menyebabkan murid cepat berasa bosan dan kurang memberi perhatian sewaktu guru mengajar. Realitinya, kini pendekatan pengajaran berasaskan buku teks kian menjadi amalan tradisional dalam alam pendidikan yang menjurus era teknologi yang canggih. Sebaliknya, para pelajar mengharapkan pengajaran dan pembelajaran secara kreatif dan inovatif khususnya pembelajaran yang rumit termasuk pembelajaran peribahasa yang penuh merangkumi gaya bahasa yang indah tetapi sukar menghayati maksudnya. Kenyataan ini disokong oleh Yunus (2013) bahawa pada masa kini pelajar kurang memberi perhatian terhadap peribahasa serta mengaami kesukaran memahami makna peribahasa.

Chua Yan Piaw (2016) mengkonsepkan kreativiti sebagai suatu abstrak manakala menurut perspektif psikologi, kreativiti didefinisikan sebagai suatu keupayaan untuk menghasilkan suatu idea atau produk yang baharu dan bernilai.

Menurut kajian Priya (2010), guru-guru Bahasa Tamil di negara Malaysia memberikan sumbangan terbesar kepada pewarisan Bahasa Tamil dari generasi ke generasi. Namun, Sivakumari (2013) menegaskan bahawa guru Bahasa Tamil menjadi punca utama kegagalan pelajar mengingati dan mengaplikasikan peribahasa dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini kerana kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tidak menekankan nilai-nilai klasik dan teladan dalam peribahasa Tamil. Perasaan cinta terhadap sastera tidak terbentuk dalam situasi pembelajaran yang kurang memberangsangkan sehingga pelajar tidak dapat menghayati hasil nukilan sastera ini (Kirtana, 2018; Muniisvaran, K., Kartheges, P., Jose, F.T., Yuniasanti, R., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Thevarajan (2011), guru berpuas hati dengan pengajaran yang menepati keperluan sukatan pelajaran berbanding proses pembelajaran yang bermakna. Pelajar yang hanya mengikut sukatan pelajaran dan lulus peperiksaan dipanggil 'pelengkap silibus'. Kebanyakan mereka tidak pandai mengaplikasikan ilmu dalam menjalani kehidupan yang sempurna (Ponniah, K., Thamburaj, K. P., &Samuvel, S. J., I., 2017). Dalam usaha memastikan pelajar menguasai peribahasa Tamil beserta dengan maksud, masih didapati ramai pelajar di sekolah rendah gagal memahami dengan hanya sekadar membaca dan mendengar penerangan guru mengenai peribahasa di dalam kelas. Selain itu, didapati pelajar juga berasa kurang berminat dan berasa bosan dalam mempelajari peribahasa Tamil. Ekoran daripada itu, faktor kelemahan penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap makna peribahasa bukan sahaja menyebabkan pelajar tidak dapat menjawab soalan objektif malah turut mengalami kesukaran memilih dan menggunakan peribahasa yang betul dalam membina struktur ayat serta karangan Bahasa Tamil. Keadaan ini secara langsung mengakibatkan pelajar berkenaan gagal mendapat skor pencapaian yang tinggi dalam pelaksanaan pentaksiran atau ujian di sekolah.

Menurut Mageswari Thangaraju (2018), seorang guru Tamil berusia 28 tahun yang mempunyai latar belakang yang kuat dalam pengajaran Bahasa Tamil di Institusi Pendidikan Rendah dan Menengah. Menurut beliau warga pendidik mempelajari peribahasa Tamil hanya semata-mata untuk menjawab soalan dalam peperiksaan. Manakala minat peribadi pelajar terhadap penggunaan peribahasa Tamil tidak ditunjukkan oleh pelajar melainkan guru sendiri menggunakannya dalam perbualan harian dengan pelajar. Dalam hal ini, peranan guru amat diutamakan supaya lebih dicontohi dan dipraktikkan dalam penggunaan sastera dalam kehidupan seharian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Fathima Fazmina, A. C., Jazeel, A. M., Saravanakumar A.R., Padmini Devi, K. R. &Ponniah, K., 2020). Selain itu, guru Tamil juga mempunyai jangkauan yang lebih luas terhadap pengaruh bahasa dalam kalangan masyarakat. Walau apapun puncanya, fenomena ini tetap mempengaruhi penggunaan peribahasa Tamil dalam perbualan seharian masyarakat moden. Semakin kurang peribahasa Tamil dituturkan di dalam bilik darjah, semakin kurang ianya digunakan dalam situasi kehidupan sebenar. Kewujudan sastera adalah melalui peningkatan pengetahuan dan kekerapan penggunaannya di dalam bilik darjah dan seterusnya disesuaikan dengan kehidupan seharian. Tanggungjawab ini telah lama dipikul oleh guru Bahasa Tamil di negara ini (Hemamalini, N., Ponniah, K., Thannimalai, T.M. & Nawastheen, F.M., 2020).

Pada sudut lain, Awang Sariyan (2006) dalam kajian beliau menyatakan bahawa amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah berasaskan pendekatan tradisional secara sehala masih dipraktikkan di negara ini. Kajian juga menunjukkan bahawa pendekatan tradisional ini menyebabkan guru berperanan sebagai sumber maklumat utama yang kian menjadi kurang sesuai untuk diaplikasikan lagi (Rozita Radhiah Said 2012). Hal ini menyebabkan murid-murid menganggap pembelajaran peribahasa itu menjadi suatu aktiviti yang membebankan sehingga mengakibatkan mereka kurang dan bermotivasi untuk mempelajarinya. Kebelakangan ini, seperti yang dinyatakan dalam kajian Mageswari Thangaraju (2018), penyelidikan ini juga mendapati bahawa penggunaan komponen sastera khususnya peribahasa amat kurang dipengaruhi oleh pelajar sewaktu dalam proses penghasilan karangan. Kepinggiran penggunaan peribahasa dalam karangan menyebabkan pembaca kurang terdorong dengan ketidakunikan hasil karya pelajar berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di sudut lain, pihak guru juga tidak memandang serius terhadap masalah penggunaan peribahasa Tamil dengan serius. Tambahan pula, guru juga didapati kurang mahir dalam mempraktik atau mempelbagaikan pendekatan dan kaedah pengajaran dalam menangani masalah pelajar menguasai peribahasa Tamil secara berkesan. Pihak guru kurang berinisiatif dalam menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut peredaran zaman. Walaupun zaman berteknologi canggih, masih terdapat segelintir guru yang tidak mengimplementasi bahan bantu mengajar berbantukan ICT yang dapat membantu merangsang minat dan motivasi pelajar dalam mempelajari serta menguasai kefahaman peribahasa Tamil.

Selain itu, Azah dan Jumaeyah (2018) menjelaskan bahawa penggunaan peribahasa dalam karangan bertujuan mengindahkan bahasa dan menimbulkan daya tarikan kepada pembaca. Karangan lebih menarik jika peribahasa digunakan sebagai salah satu unsur gaya penulisan dan penyampaian yang berkesan. Namun, pembelajaran peribahasa tidak lagi diminati dan kurang mendapat perhatian oleh generasi pada masa kini (Nur Irsalina Zahidah & Zurina, 2016; Julaina Nopiah, Nor Hashimah & Junaini, 2017). Dapatan kajian menunjukkan bahawa 60 peratus remaja Malaysia tidak berupaya menguasai peribahasa dengan baik (Nor Hashimah & Junaini, 2010). Terdapat banyak kekangan yang menyebabkan pembelajaran peribahasa tidak diminati oleh murid sebagai asas penjanaan idea dalam penulisan.

.

Agak kian lama pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pembelajaran telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun, teknik ini kurang dipraktikkan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di dalam kelas. Dasarnya, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berkembang secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berterusan sehingga mempengaruhi peningkatan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengimplementasian ICT membuka ruang kepada guru dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai selaras dengan keperluan pelajar. Realitinya, pedagogi yang berorientasi kemahiran teknologi maklumat dan informasi membantu pelajar secara tidak langsung dalam meningkatkan motivasi, semangat mempelajari sesuatu yang baharu yang seterusnya meningkatkan produktiviti dan juga meningkatkan prestasi pencapaian pelajar.

Landasan, menyedari kepentingan ICT dalam mempengaruhi penguasaan, kefahaman pelajar terhadap peribahasa Tamil yang diajar, maka kajian ini dilaksanakan atas dasar melalui pengintegrasian *Quizlet* dalam pedagogi khususnya terhadap penguasaan peribahasa Tamil dalam kalangan pelajar di dalam kelas. *Quizlet* merupakan salah satu pendekatan yang interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa secara efektif di dalam kelas. Menurut Baharudin (2016), dikatakan bahawa *Quizlet* merupakan satu laman web yang menyediakan bahan bantu bagi pengajar dan pelajar secara atas talian tanpa disediakan sebarang modul kurikulum khusus untuk pembelajaran.

Justeru, menyedari kepentingan ICT dalam mempengaruhi penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap peribahasa Tamil yang diajar, maka kajian ini dikendalikan dengan pengintegrasian teknologi maklumat dan informasi khususnya *Quizlet* dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa Tamil dalam kalangan pelajar di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, terdapat pendekatan-pendekatan lain boleh digunakan bagi meningkatkan perhatian murid terhadap pembelajaran peribahasa Tamil. Antara pendekatannya ialah pengajaran yang menggunakan aplikasi multimedia melalui modul pembelajaran. Pengajaran sebegini menarik perhatian murid dan untuk mengikuti pembelajaran. Penggunaan elemen-elemen multimedia dengan warna-warna yang menarik akan meningkatkan lagi perhatian murid terhadap pembelajaran peribahasa Tamil.

Oleh yang demikian, aplikasi Quizlet adalah antara bahan pembelajaran yang boleh digunakan untuk memperbaiki pencapaian murid di sekolah. Hal ini kerana, pembelajaran berteraskan aplikasi multimedia menarik minat murid-murid dan seterusnya memberi keyakinan kepada diri mereka untuk memahami dan mempelajari peribahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji meneliti beberapa aspek, khususnya keberkesanan penggunaan teknologi interaktif aplikasi *Quizlet* dalam proses pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT. Oleh itu, objektif kajian ini menjurus kepada fasa tertentu:

Fasa 1: Analisis Keperluan

i. Mengenal pasti masalah pembelajaran peribahasa Tamil dalam kalangan murid-murid SJKT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Menganalisis keperluan guru dalam penyediaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan

iii. Mendapatkan pandangan pakar dan guru terhadap modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*.

Fasa 3: Penilaian

iv. Mendapatkan pandangan guru dan murid selepas menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*.

v. Mengenal pasti kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dalam kajian lapangan.

1.5 Soalan Kajian

Solan kajian ini berfokus kepada fasa tertentu dalam kajian ini. Berikut ialah soalan tersebut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa 1: Analisis Keperluan

i. Apakah masalah pembelajaran peribahasa Tamil dalam kalangan murid-murid SJKT?

ii. Apakah keperluan guru terhadap penyediaan modul pembelajaran berasaskan aplikasi *Quizlet*?

Fasa 2: Reka bentuk dan Pembangunan

i. Apakah pandangan pakar dan guru terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul pembelajaran berdasarkan aplikasi *Quizlet*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa 3: Penilaian

i. Apakah pandangan guru dan murid selepas menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*?

ii. Sejauh manakah kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dalam kajian lapangan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah pernyataan tentatif tentang penyelesaian masalah. Pernyataan tentatif hubung kait antara dua atau lebih pemboleh ubah. Hipotesis juga memberi angkaan mengenai hubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Hipotesisi dibentuk sebelum pengumpulan data bagi memberi panduan pengumpulan data. Hipotesis merupakan bukti dari kajian yang akan menentukan sama ada sesuatu kajian perlu diterima atau ditolak.

Borg & Gall (1989), mengenal pasti empat kriteria dalam hipotesis. Antaranya hipotesis perlu menerangkan perkaitan yang dijangkakan antara dua atau lebih pembolehubah, hipotesisnya boleh diuji, hipotesis seringkas mungkin tetapi jelas dan penyelidik patut mempunyai sebab kukuh berdasarkan bukti atau teori bagi menentukan hipotesis yang patut diuji. Pengkaji menggunakan hipotesis dalam kajian ini bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan modul melalui ujian pra dan ujian pos. Kajian ini bertujuan menguji hipotesis seperti berikut:

i. H_{o1}

Tiada perbezaan yang signifikasi di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan.

H_{a1}

Terdapat perbezaan yang signifikasi di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. H_{o2}

Tiada perbezaan yang signifikasi di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan kawalan.

H_{a2}

Terdapat perbezaan yang signifikasi di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan kawalan.

iii. H_{o3}

Tiada perbezaan yang signifikasi di antara min skor ujian pos kumpulan kawalan dan min skor ujian pos kumpulan rawatan.

H_{a3}

Terdapat perbezaan yang signifikasi di antara min skor ujian pos kumpulan kawalan dan min skor ujian pos kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kepentingan Kajian

Pada masa ini, terdapat banyak kajian yang berasaskan pembelajaran dan pemudahcaraan abad ke-21 telah dan sedang dijalankan. Namun, kajian melibatkan aplikasi *Quizlet* dan penggunaannya dalam pembelajaran peribahasa bahasa Tamil belum pernah dikaji lagi.

Seterusnya, sistem pendidikan negara kita turut memberi keutamaan kepada semua mata pelajaran tanpa mengira, sama ada mata pelajaran tersebut teras atau elektif. Dalam konteks ini, bahasa Tamil dikelaskan sebagai mata pelajaran teras, iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mata pelajaran wajib kepada semua murid di SJKT. Oleh yang sedemikian, pengkaji memilih mata pelajaran bahasa Tamil sebagai fokus kajian ini. Hal ini kerana pengkaji berhasrat untuk membantu pihak murid dan guru dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Tamil di SJKT.

Robiah Sidin (1980) menyatakan bahawa kreativiti seseorang guru merupakan elemen yang diperlukan untuk menghasilkan suatu bentuk pengajaran yang dinamik. Abd Ghafar Md. Din (2003) juga menyatakan bahawa penggunaan pelbagai kaedah pengajaran atau teknik yang bersesuaian menjadikan pengajaran guru lebih menarik dan pelajar tidak cepat berasa bosan. Berdasarkan pandangan kedua-dua sarjana ini, pengkaji telah memilih aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa bahasa Tamil memandangkan aplikasi ini dapat menjadikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan menjadi lebih menarik dan berkesan serta dapat memenuhi kehendak pembelajaran abad ke-21.

Selanjutnya, penggunaan aplikasi *Quizlet* ini dapat memperkenalkan murid kepada gaya pembelajaran abad ke-21. Sebelum ini, umumnya beranggapan bahawa gaya pembelajaran abad ke-21 ini cuma dapat diaplikasi dalam mata pelajaran seperti sains dan teknologi sahaja. Oleh itu, pengkaji telah terdorong untuk mengubah persepsi ini dan ingin membuktikan bahawa unsur bahasa seperti peribahasa pun boleh diajar mengikut gaya pembelajaran abad ke-21. Oleh itu, pengkaji yakin bahawa penggunaan aplikasi *Quizlet* ini dapat memperkenalkan gaya pembelajaran ini kepada murid yang terlibat dan mampu menarik minat mereka terhadap proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang dijalankan, di samping dapat meningkatkan pemahaman dan pengaplikasian ilmu peribahasa ini kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, penggunaan aplikasi *Quizlet* ini turut dapat mendedahkan gaya pembelajaran abad ke-21 ini kepada pihak guru. Walaupun pihak guru bukan asing kepada terma pembelajaran abad ke-2 ini, namun pihak guru berpeluang untuk mendalami gaya pembelajaran ini apabila mengaplikasi idea ini, iaitu aplikasi *Quizlet* dalam mata pelajaran yang diajar. Pengkaji yakin bahawa aplikasi ini turut menarik minat guru untuk mengajar peribahasa dengan menggunakan teknik ini kerana merupakan pendekatan baru yang tidak pernah digunakan sebelum ini. Pendekatan ini juga mencetuskan minat guru terhadap topik yang diajar lalu lebih bersemangat dan lebih berusaha untuk menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan yang menarik dan berkesan.

Selain itu, pengkaji berharap bahawa penggunaan aplikasi *Quizlet* ini menjadi kaedah alternatif yang cepat dan mudah dalam pengajaran peribahasa Tamil. Sementara itu, murid pula berpeluang untuk merasai sendiri gaya pembelajaran abad ke-21 dan impaknya atas topik yang dipelajari, terutama pembelajaran peribahasa Tamil. Pengkaji juga yakin bahawa penggunaan aplikasi *Quizlet* ini dalam pengajaran peribahasa Tamil memenuhi kehendak dan cita rasa guru mahupun para pelajar.

Dalam pada itu, kajian ini bertujuan untuk menggunakan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan sebanyak 30 peribahasa Tamil yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR (SJKT) Bahasa Tamil dari Tahun Satu hingga Tahun Lima. Pengkaji yakin bahawa penggunaan aplkasi ini membolehkan murid dapat menelaah kesemua 30 peribahasa Tamil ini dengan baik, menulis peribahasa tersebut semula tanpa sebarang bantuan, menghafal maksud peribahasa tersebut dan mengaplikasi peribahasa tersebut dengan tepat mengikut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

situasi tertentu. Penggunaan aplikasi sebegini membantu mewujudkan satu situasi pembelajaran yang berbeza dan unik, namun masih mengekalkan elemen keseronokan. Hal ini kerana aplikasi *Quizlet* tidak terbatas kepada aktiviti pembelajaran semata-mata, tetapi turut mempunyai aktiviti untuk mengukuhkan tahap pemahaman seseorang murid. Penggunaan aplikasi *Quizlet* juga diyakin dapat mencetuskan sepenuh perhatian murid, sama seperti perhatian yang diberikan ketika menggunakan aplikasi dalam telefon pintar.

Sehubungan ini, kajian ini dijalankan untuk meninjau keberkesanan aplikasi *Quizlet* untuk meningkatkan pencapaian murid-murid dalam pembelajaran peribahasa dalam mata pelajaran bahasa Tamil. Teknik ini juga merupakan salah satu cara untuk meningkatkan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid-murid. Di samping itu, kajian ini juga penting untuk mendapatkan gambaran dan pandangan para guru dan pakar bahasa Tamil tentang penggunaan teknologi dan pendekatan tertentu dalam pengajaran peribahasa Tamil di SJKT.

Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat meneliti dan menilai kekuatan dan kelemahan sesuatu pandangan dan kritikan menerusi pengaplikasian teknologi *Quizlet* dalam bidang bahasa. Hal ini secara tidak langsung dapat mengangkat bidang kritikan dalam bidang pembelajaran abad ke-21 dan aplikasi *Quizlet* sebagai satu disiplin dan cabang ilmu setanding dengan bidang lain.

Akhir sekali, pengkaji ingin menegaskan kepentingan dan peranan aplikasi *Quizlet* semasa berlaku sesuatu bencana atau keadaan pandemik. Kebelakangan ini, dunia kita kerap dilanda pelbagai bencana alam seperti kebakaran hutan seperti di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Amazon dan Australia, kejadian banjir di serata dunia termasuk di negara kita atau jerebu yang melanda negara kita hampir saban tahun. Selain menganggu perkembangan ekonomi, bencana seperti ini turut menjejaskan kehidupan sosial seharian masyarakat, khasnya proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Misalnya, penyebaran virus Covid 19 telah dikelaskan sebagai pandemik oleh WHO. Apabila wabak ini berada di luar kawalan, kerajaan terpaksa mengambil keputusan untuk menutup sekolah dan proses pembelajaran dan pemudahcaraan terpaksa dijalankan secara dalam talian. Semasa itu, proses PdPc masih dapat diteruskan secara biasa dengan menggunakan pelbagai aplikasi. Sehubungan ini, aplikasi *Quizlet* ini membolehkan pembelajaran maya dapat dijalankan. Oleh itu, para murid boleh berada dalam keadaan selamat dan selesa di rumah, di samping masih dapat menimba ilmu baru walaupun tidak dapat hadir secara fizikal ke sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya, aplikasi *Quizlet* ialah satu teknik baharu dalam pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT. Teknik ini merupakan suatu kaedah alternatif yang cepat dan mudah dalam pengajaran peribahasa Tamil. Pendekatan ini juga menjadikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan itu menarik dan berkesan. Di samping itu, teknik ini turut memenuhi tuntutan pembelajaran abad ke-21. Selain itu, aplikasi *Quizlet* ini berperanan penting semasa berlaku sesuatu bencana alam atau tercetus pandemik.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada peribahasa Tamil yang tersenarai dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR (SJKT) Bahasa Tamil dari Tahun Satu hingga Tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lima. Terdapat sebanyak 30 peribahasa Tamil yang tersenarai dalam DSKP KSSR (SJKT) bahasa Tamil ini. Pengkaji memilih peribahasa Tamil kerana didapati murid-murid Tahun Satu hingga Tahun Lima menghadapi kesukaran untuk menghafal dan menelaah peribahasa Tamil itu bersama dengan maksudnya. Hal ini menyebabkan murid-murid tidak dapat menguasai dan menghayati peribahasa Tamil. Oleh itu, pengkaji menggunakan aplikasi *Quizlet* agar dapat mengajar peribahasa Tamil dengan lebih menarik dan berkesan.

Selanjutnya, pengkaji telah memilih dua buah sekolah SJKT untuk menjalankan kajian ini. Salah sebuah sekolah itu dijadikan sebagai rintis dan sebuah sekolah lagi dijadikan sebagai sekolah kawalan dan eksperimental untuk kajian ini. Sekolah-sekolah ini dipilih di daerah Kuala Muda, Kedah. Responden kajian ini ialah murid-murid Tahun Lima. Pengkaji memilih seramai 60 orang murid dari Tahun Lima sebagai responden kajian berdasarkan Krejcie & Morgan Table. Pengkaji ingin mengkaji keberkesanan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan dua kumpulan responden ini.

Akhir sekali, pengkaji ingin mengukur tahap pemahaman murid-murid terhadap peribahasa Tamil dan maksudnya dengan menggunakan aplikasi *Quizlet* ini. Pengkaji menggunakan beberapa instrumen seperti ujian pra dan pos, soal selidik dan temu bual untuk mengkaji dan mengenal pasti pemahaman murid terhadap 30 peribahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi *Quizlet* ini. Sehubungan ini, pengkaji telah memilih sebanyak 30 peribahasa yang tersenarai dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR (SJKT) Bahasa Tamil dari Tahun Satu hingga Tahun Lima sebagai bahan kajian ini. (Lampiran A)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Sumber Kajian

Kepentingan sumber kajian dalam melaksanakan sesuatu kajian tidak boleh dipertikaikan. Sumber kajian inilah membekalkan data yang diperlukan dalam sesebuah kajian. Seseorang pengkaji bergantung sepenuhnya kepada data untuk menghurai, menjelas atau merumuskan sesuatu fenomena yang dikaji itu. Secara umumnya, data dapat diperoleh daripada dua sumber kajian. Dua sumber kajian itu ialah sumber primer dan sumber sekunder.

1.9.1 Sumber Primer

Menurut Abdul Halim Ali (2019), sumber primer ialah data atau maklumat yang diperoleh secara langsung daripada hasil kajian. Oleh sebab kajian ini ialah kajian lapangan, pengkaji menjalankan kajian di dua buah sekolah SJKT melibatkan 30 orang murid masing-masing untuk memperoleh data kajian ini. Seterusnya, kajian ini dijalankan dalam dua peringkat, iaitu ujian pra dan pos. Pengkaji menggunakan instrumen seperti temu bual, soal selidik dan pemerhatian semasa ujian tersebut dijalankan. Temu bual dijalankan dengan guru dan instrumen soal selidik diedarkan kepada murid sebelum dan selepas menggunakan modul berasaskan aplikasi *Quizlet.* Borang soal selidik diedarkan kepada murid untuk mengumpulkan maklumat. Data daripada ujian pra dan pos dipindahkan dalam perisian SPSS. Seterusnya, pemerhatian dilakukan oleh Ketua Panitia semasa PdPc dijalankan dengan menggunakan modul berasaskan aplikasi *Quizlet.* Segala data dan maklumat yang dikumpulkan melalui instrumen tersebut merupakan data primer yang dianalisis dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, pengkaji menggunakan sebanyak 30 peribahasa Tamil yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR (SJKT) Bahasa Tamil dari Tahun Satu hingga Lima sebagai bahan kajian ini.

1.9.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder kajian ini ialah kajian kepustakaan melibatkan aktiviti merujuk buku, kamus. ensiklopedia dan artikel untuk memperoleh maklumat tentang aplikasi *Quizlet*, peribahasa Tamil dan perkara-perkara lain yang berhubung kait dengan kajian ini. Pengkaji turut merujuk tesis, disertasi, artikel e-prosiding, artikel, jurnal, buku-buku rujukan, buku ilmiah, majalah, sukatan kurikulum, buku teks dan laman-laman web untuk memperoleh maklumat sampingan berkaitan dengan kajian-kajian lepas dan hal-hal berkaitan dengan peribahasa Tamil untuk menjayakan kajian ini.

1.10 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa konsep atau istilah yang perlu difahami untuk memastikan perbincangan pengkaji selaras dengan objektif kajian. Oleh itu, pengkaji menyenaraikan beberapa istilah atau konsep dan definisinya untuk memudahkan pembaca dan pengkaji lain memahami istilah atau konsep yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.1 Aplikasi Dalam Talian (*Online Application)*

Aplikasi atau perisian tertentu, sama ada secara dalam talian *(online)* atau tanpa talian *(offline)* merupakan salah satu bentuk teknologi atau suatu produk yang dihasilkan oleh teknologi sebagaimana diterangkan oleh Finn (1960), Galbraith (1967), Heinich, Molenda dan Russell (1989) dan Romizowski (1988).

Istilah 'Dalam Talian' merupakan terjemahan kepada istilah bahasa Inggeris *Online* (ada yang menterjemahkannya sebagai 'Atas Talian'), bermaksud *connected to and under the control of a central processor* (e-Kamus 5.02 – *Dictionary of Computer*, 2007) dan *actively using a computer sistem, especially the Internet* (http://foldoc.org/online, 29 Januari 2014). Berdasarkan definisi ini, istilah 'Dalam Talian' merupakan sesuatu aktiviti yang melibatkan penyambungan kepada sesuatu sistem alatan teknologi tertentu, iaitu komputer dan sistem itu biasanya dihubungkan oleh perkhidmatan internet.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa aplikasi dalam talian adalah melibatkan sesuatu perisian yang dapat diakses melalui sambungan internet. Dalam kajian ini, apa-apa yang dimaksudkan dengan aplikasi dalam talian ialah aplikasi *Quizlet* yang tersedia dalam laman sesawang *Quizlet.com* yang dapat dicapai melalui sambungan internet dengan menggunakan peralatan teknologi seperti komputer, telefon pintar dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.2 *Quizlet*

Quizlet ialah suatu bentuk alat hafalan membenarkan pengguna berdaftar mencipta set istilah dan definisi yang disesuaikan untuk keperluan mereka sendiri. Set istilah ini kemudiannya boleh diakses oleh murid dengan mempelajari pelbagai mod. Produk utama aplikasi *Quizlet* ialah kad imbasan digital, latihan penilaian elektronik dan kuiz langsung. Aplikasi *Quizlet* ini dapat dicapai melaui *Quizlet.com. Quizlet.com* ialah suatu laman sesawang yang menyediakan alat bantu belajar untuk pelajar dan alat bantu mengajar bagi pengajar secara dalam talian. Laman sesawang ini telah dibangunkan sejak tahun 2005 oleh seorang anak muda, Andrew Sutherland, berumur 15 tahun. Pada awalnya, beliau telah membangunkan laman ini untuk tujuan peribadinya ketika sedang mengikuti kelas Perancis, iaitu untuk memudahkannya mempelajari perbendaharaan kata bahasa Perancis. Selepas itu, beliau telah berkongsi laman ini kepada rakan-rakannya, dan mulai saat itu, laman ini telah berkembang dengan pesat (*The Quizlet story*: http://Quizlet.com/mission, 29 Januari 2014).

Perkhidmatan *Quizlet.com* adalah percuma kecuali untuk menambakhan fungsi-fungsi tertentu dan menjadi tarikan kepada pengguna untuk memanfaatkan laman ini tanpa had. Pada hari ini, *Quizlet.com* sangat popular dan merupakan salah satu laman sesawang pendidikan yang terkenal di seluruh dunia. Jutaan pelajar dan pengajar dari seluruh dunia menggunakan laman ini. *Quizlet.com* berpusat di San Francisco, California, Amerika Syarikat (*The Quizlet story*: http://Quizlet.com/mission, 29 Januari 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, *Quizlet.com* menawarkan akaun langganan *Quizlet Plus* dengan mengenakan bayaran sebanyak USD15 setahun dan akaun *Quizlet Teacher* dengan bayaran sebanyak USD25 untuk menambahkan fungsi yang lebih terperinci seperti gambar daripada simpanan peribadi, mengadakan kelas secara dalam talian tanpa had dan beberapa kemudahan lain tanpa sebarang gangguan iklan.

Selanjutnya, misi *Quizlet.com* menyediakan satu perisian yang menarik dan mesra pengguna (mudah dikendalikan) untuk membantu para murid dan gemar akan proses pembelajaran tersebut. Fungsi perisian atau aplikasi ini hampir keseluruhannya disediakan secara percuma.

Secara umumnya, *Quizlet.com* berfungsi sebagai satu medium atau alat bantu tanpa sebarang modul kurikulum khusus untuk pembelajaran. Seseorang pelajar atau pengajar bebas memilih pelajaran atau silibus, atau modul tertentu untuk dipelajari atau diajarkan sesuatu set pelajaran. *Quizlet.com* menyediakan hanya satu ruang, iaitu perisian pengajaran dan pembelajaran dengan pelbagai pilihan aturan dan tema (*How Quizlet works*:http://Quizlet.com/ mission, 29 Januari 2014).

Secara umumnya, pengkaji menggunakan kesemua ciri-ciri yang terdapat dalam aplikasi *Quizlet* dalam kajian ini. Ciri-ciri ini dapat menarik perhatian murid-murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.2.1 Peribahasa

Peribahasa ialah salah satu bentuk unsur bahasa yang digunakan oleh masyarakat sejak dahulu lagi untuk menyampaikan sesuatu perkara dengan cara berkias. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), peribahasa ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu bersifat nasihat, ajaran dan kata-kata orang tua-tua. Peribahasa merupakan unsur bahasa yang melambangkan keistimewaan sesuatu bangsa. Peribahas adalah kaya dengan kosa kata yang menarik dan digunakan oleh ahli masyarakat secara lisan dan tulisan untuk menegaskan sesuatu ujaran. Peribahasa telah digunakan secara meluas pada zaman dahulu berbanding dengan sekarang.

Dalam konteks ini, peribahasa dikenali sebagai *pazhamozhi* dalam bahasa Tamil. Kata *pazhamozhi* itu bermaksud bahasa indah yang diguna pakai sejak zaman dahulu (Parameswaran, 2016). *Pazhamozhi* ialah suatu unsur bahasa yang sangat penting dalam bahasa Tamil. Oleh itu, masyarakat India sejak zaman dahulu lebih gemar menggunakan peribahasa atau *pazhamozhi* itu untuk menyampaikan sesuatu hasrat tanpa menyinggung perasaan seseorang individu atau sekumpulan manusia kerana masyarakat dahulu mementingkan kesopanan dan keakraban yang juga menjadi budaya masyarakat India sehingga kini. Masa kewujudan peribahasa Tamil ini sebenarnya tidak dapat ditentukan. Namun, perkara yang penting ialah peribahasa Tamil telah digunakan oleh ahli masyarakat India seiring dengan perkembangan bangsanya. Penggunaan peribahasa Tamil ini telah sebati dalam kehidupan masyarakat India sejak zaman dahulu kala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.2.2 Pembelajaran dan Pemudahcaraan

Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, kita tidak boleh mengamalkan sifat berlengah-lengah lagi dalam bidang pendidikan. Oleh itu, Malaysia perlu melaksanakan perubahan besar terhadap keseluruhan sistem pendidikan semasa untuk melonjakkan pencapaian semua murid. Tidak dapat dinafikan bahawa proses pelaksanaan transformasi pendidikan memerlukan pendekatan dan strategi baharu agar setiap murid mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Oleh yang demikian, transformasi pendidikan bukan sekadar menambah bilangan kakitangan dan kemudahan, malah perlu menjurus kepada usaha untuk memahami dan menambah baik proses pembelajaran dan pemudahcaraan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, pembelajaran abad-21 merupakan suatu bentuk transformasi dalam sistem pendidikan negara yang menuntut perubahan, terutamanya dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan abad ke-21 ini bermatlamat untuk menganjak paradigma kehidupan masyarakat dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia dan juga di peringkat antarabangsa (Tan Sri Datuk Dr. Madinah Mohamad, 2014).

YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Hj. Mohd Yassin pernah menyatakan bahawa kerajaan berkomited melaksanakan transformasi sistem pendidikan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang. Tranformasi pendidikan ini bermatlamat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melengkapkan setiap murid di negara ini dengan segala kemahiran baharu yang diperlukan oleh mereka untuk merebut peluang dan menangani cabaran abad ke-21. Dalam usaha untuk bersaing dengan negara termaju di dunia, sistem pendidikan negara perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan di peringkat global.

Dalam Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21 (2017), turut dinyatakan bahawa kemahiran-kemahiran yang kritikal seharusnya dikuasai dalam PAK21 dikemukakan oleh Persatuan Pendidik Amerika. Mereka juga menyatakan bahawa terdapat empat kemahiran spesifik yang paling penting dalam PAK21, iaitu kemahiran pemikran kritikal, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti (4C). Menurut James (2017), kebelakangan ini terdapat usaha untuk menambahkan 4C itu dengan 2C lagi dalam PAK21, iaitu kewarganegaran (citizenship) dan karektor (character).

1.11 Teori Pembelajaran

Teori didefinisikan sebagai satu sistem idea yang digunakan untuk menerangkan sesuatu perkara berdasarkan idea-idea yang umum. Menurut Stanovich (1992) pula, teori merupakan set konsep-konsep yang saling berkaitan dan digunakan untuk menjelaskan sesuatu data serta meramal keputusan kajian-kajian yang akan datang. Oleh itu, teori pembelajaran merujuk kepada penjelasan tentang cara manusia dan haiwan mempelajari sesuatu perkara (Noriati, Boon dan Sharifah Fakhriah, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, mengikut Arends (1997), model pembelajaran ialah suatu pola yang digunakan sebagai pedoman dalam pembelajaran di kelas. Menurut Trianto (2010), model pembelajaran tertumpu pada pendekatan pembelajaran yang digunakan bagi tujuan-tujuan pengajaran, tahap-tahap dalam kegiatan pembelajaran, lingkungan pembelajaran dan pengelolaan kelas.

Secara keseluruhan, teori pembelajaran boleh disimpulkan sebagai kerangka konseptual yang berfungsi sebagai panduan dalam perancangan dan pelaksanaan pembelajaran serta penyusunan dan penyeragaman pengalaman pembelajaran. Sehubungan ini, teori pembelajaran yang digunakan oleh pengkaji ialah Teori Pembelajaran Aktif. Mengikut teori ini, pola yang digunakan dalam suatu proses pembelajaran itu perlu mengajar peserta didik untuk belajar secara aktif dan turut serta dalam semua proses pembelajaran. Menurut Hisyam Zaini (2008), pembelajaran aktif ialah suatu pembelajaran yang mengajak peserta didik untuk belajar secara aktif. Teori Pembelajaran Vygotsky mengutamakan pemikiran kritis dan Teori Pembelajaran Koneksionisme Thorndike mengutamakan minat dan sikap para pelajar.

1.12 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian didefinisikan sebagai satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan ringkasan sesuatu kajian, hala tuju kajian serta peringkat atau fasa kajian tersebut. Kerangka ini ialah satu rantaian yang menghubungkan kesemua aspek dalam sesuatu kajian. Kerangka konseptual kajian boleh diasaskan berdasarkan teori yang ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau dibentuk melalui kajian sebelumnya. Menurut Merriam (2001) set soalan yang perlu dijawab boleh dirangka berdasarkan kerangka teoritikal kajian.

Dalam konteks ini, kerangka konseptual kajian berperanan sebagai peta ringkas yang menghubungkan kesemua penemuan kepada pengkaji. Hal ini memberi gambaran secara lebih jelas dan terperinci tentang hubungan antara pembolehubah yang berkaitan dengan teori-teori yang diterapkan pengkaji. Oleh hal demikian, kerangka konseptual kajian boleh dijadikan sumber panduan oleh pengkaji semasa meneliti elemen-elemen dalam kajiannya.

Sementara itu, kerangka konseptual kajian bertindak sebagai gambaran visual dan membantu pengkaji menghubung kaitkan kata kunci yang digunakan dalam rajah tersebut. Rajah yang mempunyai penerangan visual memudahkan pembaca untuk memahami sesuatu kajian dengan lebih cepat.

Sehubungan ini, pengkaji menjalakan kajian terhadap pembelajaran 30 peribahasa yang tersenarai dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR (SJKT) Bahasa Tamil dari Tahun Satu hingga Lima dengan menggunakan aplikasi *Quizlet*. Teori kajian yang digunakan pengkaji ialah Teori Pembelajaran Aktif, Teori Pembelajaran Vygotsky dan Teori Koneksionisme Thorndike. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah analisis data dan kaedah lapangan.

Di samping itu, pengkaji turut menggunakan analisis kuantitatif dan kaedah kualitatif deskriptif untuk menghuraikan data yang diperoleh. Dapatan kajian ini \disampaikan dalam bentuk kesimpulan, implikasi dan cadangan. Secara keseluruhan,


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini dijalankan berdasarkan kerangka konseptual kajian ini. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Pengkaji mengumpulkan data berdasarkan demografi terhadap tahap pengaplikasian kemahiran penelitian sebab dan akibat dalam keberkesanan teknologi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Data yang dikumpulkan dijadikan kriteria penilaian keberkesanan teknik aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, satu kesimpulan dan dapatan kajian dibuat oleh pengkaji untuk menjawab soalan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Koseptual kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.13 Kerangka Teoritikal Kajian


Kerangka Teoritikal Kajian digunakan untuk menentukan soalan kajian yang sedang dijalankan. Kerangka ini boleh menentukan skop sesebuah kajian yang sedang dijalankan serta dapat mengenal pasti minat pengkaji dan soalan yang mungkin timbul. Sehubungan itu, pengkaji dapat menggunakan kerangka teokritikal untuk menentukan konsep, terma, definisi, model dan teori yang menjadi asas dalam sesuatu kajian.

Teori boleh ditafsirkan dari pelbagai sudut. Menurut Garrison (2020), teori merupakan satu penyusuan idea, konsep dan model secara sistematik bagi tujuan membina makna untuk menjelas, mentafsir dan mencorakkan amalan. Mengikut pandangan Troye (1994), teori ialah andaian tentang hubungan antara konsep- konsep yang berlainan. Memillan dan Schumacher (1984) berpendapat bahawa teori ialah satu penjelasan atau pemberian sistematik yang saling perhubungan dengan satu himpunan penyataan dan bertujuan untuk menyusun serta menjelaskan satu himpunan pemerhatian.

Dalam kajian ini, pengkaji menggabungkan Teori Pembelajaran Aktif, Teori Pembelajaran Vygotsky dan Teori Koneksionisme Thorndike untuk mengkaji keberkesanan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Penggunaan teori ini membantu pengkaji memahami apa-apa dan sebabnya sesuatu berlaku. Di samping itu, teori juga memberi penjelasan tentang cara dan sebab konsep-konsep tertentu saling berkait antara satu sama lain. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka teori yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2. Kerangka Teoritikal Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.14 Kesimpulan

Aplikasi *Quizlet* merupakan satu teknologi maya yang boleh digunakan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Selari dengan kehendak peredaran masa, penggunaan teknologi maya sangat ditekankan dalam pembelajaran abad ke-21. Penggunaan aplikasi *Quizlet* ini selain memudahkan pemahaman murid semasa pembelajaran peribahasa Bahasa Tamil, kajian ini juga dapat memperkenalkan penggunaan teknologi maya dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan kepada murid-murid tahap dua, atau secara lebih spesifik Tahun Lima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Tinjauan literatur ini dibuat untuk menjelaskan lebih terperinci lagi kajian-kajian yang lepas yang mempunyai hubung kait dan persamaan dengan bidang yang dikaji oleh pengkaji. Sorotan literatur biasanya dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan, tetapi proses ini adalah berterusan sehingga kajian tamat. Sorotan literature penting untuk membantu pengkaji dalam membina masalah kajian serta menjawab soalan kajian.

Tinjauan literatur juga dijalankan untuk memberi idea kepada pengkaji mengenai pembolehubah yang boleh digunakan dalam penyelidikan. Antara perkara itu adalah mengumpulkan maklumat tentang penyelidikan yang telah dibuat, mengetahui status kajian, memperoleh makna dan hubungan antara pembolehubah, mengenal pasti masalah sebenar, membina metodologi yang sesuai dan membina hipotesis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Marshall & Rossman (1999), literatur mempunyai empat fungsi utama. Antara fungsi itu adalah menjelaskan andaian-andaian asas di sebalik soalan kajian secara umum, menunjukkan pengkaji berpengetahuan tentang kajian yang berkaitan dan menyokong kajian pengkaji, mengenal pasti lompang dalam kajian lepas dan kajian dicadangkan akan memenuhinya, dan memperhalusi dan mendefinisi semula soalan kajian dengan meletakkan soalan-soalan tersebut dalam tradisi empirikal yang luas.

Seterusnya, menurut Morse (1994), sorotan literatur adalah untuk mengulang kaji semua kajian yang telahpun dibuat secara tidak bijak dan mengelakkan daripada tertiru hasil kerja orang lain. Menurut Merrian (2001) pula, cara yang paling mudah untuk membina kerangka teori dalam kajian kualitatif adalah dengan menyoroti literatur berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, tinjauan literatur ini membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang terperinci yang akan membantu membuat penyelidikannya. Tinjauan literatur turut memberi idea yang baru kepada pengkaji untuk mengenal pasti masalah penyelidikan dan merancang metodologi yang sesuai untuk penyelidikan selanjutnya. Tinjauan pengkaji menunjukkan bahawa beberapa pengkaji peringkat kedoktoran dan sarjana telah mengkaji beberapa aspek berkaitan peribahasa, PAK21 dan aplikasi *Quizlet* di luar negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Perkembangan Pendidikan Di Malaysia

Penyata Razak 1956 yang dikuatkuasakan menerusi Ordinan Pelajaran 1957 dan Laporan Rahman Talib 1960 menjadi perintis ke arah pengukuhan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Selepas merdeka 1957, Malaysia merupakan negara baru dan memulakan zaman mengukuhkan semula pendidikan negara supaya selari dengan matlamat perpaduan nasional. Akta Pelajaran 1961 pula bukti usaha murni yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk mengembalikan kepercayaan rakyat semula supaya mereka memahami dasar pendidikan yang dilaksanakan kerajaan demi kepentingan masyarakat Malaysia yang majmuk.

Penyata Razak 1956 boleh dijadikan sebagai batu loncatan terhadap dasar dan sistem pendidikan kebangsaan yang mempunyai perubahan yang positif, terutama dalam membentuk dan memupuk perpaduan negara (Abu Bakar Nordin, 1994). Perpaduan antara masyarakat majmuk merupakan asas utama yang diberi perhatian oleh kerajaan Malaysia ketika menggubal dasar pendidikan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hal demikian menjadikan dasar-dasar penting dalam Penyata Razak 1956 dan laporan Rahman Talib 1960 yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan melalui Akta Pendidikan 1961. Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 telah mengubah lanskap politik, ekonomi dan sosial masyarakat Malaysia. Selepas peristiwa itu berlaku, pihak kerajaan telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermatlamat mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional. Peristiwa berdarah itu turut memberi impak yang besar kepada dasar pendidikan. Semasa Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, rancangan pendidikan negara ditumpukan kepada tiga bidang, iaitu menyatukan sistem pelajaran untuk menggalakkan perpaduan negara,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperluaskan rancangan pelajaran untuk memenuhi keperluan negara mengenai tenaga rakyat dan memperbaiki mutu pelajaran ke arah mencapai masyarakat yang maju berasaskan sains dan teknologi moden.

Demi mencapai matlamat rancangan itu, strategi untuk melaksanakannya disediakan, iaitu melaksanakan bahasa Malayu sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah secara berperingkat-peringkat, mengurangkan jurang perbezaan dalam peluang pelajaran di antara kawasan dan antara kaum melalui pembinaan sekolah dan kemudahan sekolah di luar bandar, dan meningkatkan mutu pelajaran. Pada tahun 1983, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) di semua sekolah rendah di seluruh negara dan selanjutnya melaksanakan rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di semua sekolah menengah di seluruh Malaysia pada tahun 1989. Kedua-dua rancangan itu mempunyai objektif yang sama, iaitu sebagai alat perpaduan kaum dan negara. Selepas DEB tamat pada tahun 1990, Dasar Pembangunan Negara (DPN) telah dibentuk sebagai kesinambungannya dan dilaksanakan dari tahun1991 hingga 2000 ketika berlangsungnya Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan merangka untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf dunia.

2.3 Perkembangan Pendidikan Tamil Di Malaysia

Kaum Tamil dari India merupakan golongan terbesar yang berpindah ke Tanah Melayu sebagai buruh imigran. Berikutan perpindahan beramai-ramai orang Tamil, pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tamil di Malaysia juga bermula pada penghujung abad ke-19. Namun, perkembangan pesat hanya dikesan pada tahun 1921. Menurut Rama Subbiah (1959), sumber sejarah tentang keadaan sebenar pendidikan Tamil sebelum tahun 1921 tidak dapat dikesan dengan jelas daripada mana-mana sumber.

Menurut Marimuthu (1995), sistem persekolahan vernakular diperkenalkan supaya tidak wujud masalah perkauman di Tanah Melayu. Dengan itu, wujudlah tidak keseragamaan dalam orientasi dan kurikulum pendidikan di Tanah Melayu. Pada awal permulaannya, pendidikan Tamil di Tanah Melayu berkonsepkan sekolah pondok yang bertujuan mengajar bahasa Tamil. Lazimnya, sekolah pondok ini terletak di rumah-rumah pendeta kuil di ladang-ladang berkenaan. Tapak berpasir dijadikan sebagai bahan tulisan dan jari murid-murid menjadi alat tulisan dalam pendidikan informal ini (Marimuthu, 1995).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada masa itu, sekolah-sekolah Tamil didirikan di ladang-ladang dan dikendalikan oleh pihak pengurusan ladang. Hal ini kerana kerajaan pada masa itu tidak membenarkan masyarakat India keluar dari ladang-ladang dan ingin mengekalkan anak-anak mereka terus menjadi buruh di ladang itu. Oleh itu, bahasa Tamil dijadikan bahasa penghantar, dan sukatan pelajaran dan buku teks diimport dari India. Dalam konteks ini, sebuah bangunan khas di Penang Free School di Pulau Pinang telah ditubuhkan untuk pendidikan Tamil pada tahun 1816 (Marimuthu, 1995). Sekolah ini ialah sekolah Tamil pertama di negara ini dan seterusnya sekolah Tamil mula ditubuhkan di seluruh negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikutan ini, sekolah Tamil ketika itu dapat dibahagikan kepada dua jenis sekolah, iaitu sekolah rendah Tamil yang dikendalikan oleh pihak pengurusan ladang dan sekolah rendah Tamil di bandar yang dikendalikan oleh kaum India dan mubaligh Kristian. Oleh itu, banyak sekolah rendah Tamil telah ditubuhkan di seluruh negara, baik di ladang ataupun di bandar. Sekolah rendah yang ditubuhkan ketika itu didapati mempunyai pelbagai sistem pentadbiran yang tidak seragam dan selaras (Suffean Hussein, 2004).

Perubahan dalam sistem pendidikan berlaku apabila Laporan Barnes tahun 1950 diperkenalkan. Laporan tersebut menyatakan bahawa pendidikan sekolah rendah ialah alat perpaduan masyarakat. Berikutan hasil kajian ini, sistem pendidikan kebangsaan telah pun diperkenalkan dan terbuka kepada semua kaum. Bahasa penghantar di sekolah kebangsaan adalah dijalankan dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Laporan Barnes, 1950).

Sistem pendidikan di Malaysia telah terus dikemaskan selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Penyata Razak pada tahun 1956 merupakan salah satu panduan penting untuk menggubal Dasar Pendidikan Negara. Penyata Razak memberi perhatian kepada usaha menggabungkan semua sekolah vernakular di Tanah Melayu dengan sistem pendidikan kebangsaan. Hasil Penyata Razak membolehkan peruntukan wang daripada kerajaan turut disalurkan ke sekolah-sekolah Tamil. Murid-murid dari sekolah Tamil yang berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah diberi peluang dengan mewujudkan kelas peralihan di sekolah menengah (Pelan Induk Sekolah-sekolah Tamil Abad Ke-21, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Haji Hamdan (1979), murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah Tamil selama enam tahun berpeluang mempelajari bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran di sekolah menengah. Para pelajar yang berminat boleh meneruskan pengajian Tamil hingga peringkat universiti, iaitu di Universiti Malaya.

Pada tahun 1960, Laporan Rahman Talib mengkaji semula sistem pendidikan negara yang disyorkan dalam Penyata Razak. Selepas Laporan Rahman Talib dilaksanakan, sekolah-sekolah rendah di Malaysia dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Sekolah Kebangsaan yang termasuk sekolah Melayu dan Sekolah Jenis Kebangsaan yang terdiri daripada sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina. Pembahagian ini masih diteruskan tanpa sebarang bantahan dan halangan sehingga kini, dan pembahagiaan ini memberi kesan kepada peruntukan wang yang disediakan oleh kerajaan kepada sekolah-sekolah Tamil (Sufean Hussein, 2004).

Kini, dasar pendidikan di Malaysia berubah mengikut peredaran masa. Sistem pendidikan di Malaysia terikat pada Falsafah Pendidikan Malaysia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah digubal pada tahun 1988 untuk memperkukuh hala tuju dan matlamat pendidikan negara. Falsafah ini menekankan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu untuk membantu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pendidikan bahasa Tamil pada masa sekarang di SJKT juga diajar mengikut kehendak Falsafah Pendidikan Negara (Mok Soon Sang, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum sekolah rendah turut diubahsuai mengikut Falsafah Pendidikan Negara untuk semua jenis sekolah rendah di Malaysia. Kurikulum pendidikan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan juga turut menekankan lima kemahiran utama. Antara kemahiran tersebut ialah kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, dan komponen tatabahasa dan sastera. Komponen sastera ini terbahagi kepada dua, iaitu s*eyyul* dan *mozhiyani* (unsur bahasa). Oleh itu, pengkaji memilih *pazhamozhi* (peribahasa) yang merupakan salah satu unsur dalam *mozhiyani* sebagai bahan kajian. Pengkaji telah memilih sebanyak 30 peribahasa yang tersenarai dalam DSKP KSSR Bahasa Tamil SJKT Tahun Satu hingga Lima dan akan menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan dengan menggunakan aplikasi *Quizlet* yang merupakan tekonologi baharu dalam bidang pendidikan.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pembelajaran abad ke-21, penggunaan teknologi diberi tekanan. Guru-guru digalakkan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah. Hal ini bertujuan untuk menarik minat pelajar untuk meneroka lebih lanjut pengetahuan sedia ada. Penggunaan teknologi ini berbeza dengan sistem lama yang lebih menjurus kepada buku teks semata-mata. Penggunaan teknologi ini membolehkan para pelajar dapat mencari maklumat dengan sendiri dan dapat menajamkan pemikiran, menambahkan ilmu pengetahuan dan mengekalkan asas perpaduan sedia ada antara pelbagai etnik di Malaysia melalui sistem pendidikan yang sama (DSKP KSSR Bahasa Tamil Tahun 5). Oleh itu, pengkaji menggunakan aplikasi *Quizlet* dalam kajian ini sebagai pendekatan baharu dalam pembelajaran dan pemudahcaraan peribahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Pembelajaran Abad Ke-21

Sejak munculnya gerakan global yang menguar-uarkan model pembelajaran baru untuk abad ke-21, telah berkembang pendapat bahawa pendidikan formal harus diubah. Perubahan ini penting untuk mewujudkan bentuk-bentuk pembelajaran baru yang diperlukan untuk mengatasi cabaran global yang kompleks. Usaha mengidentifikasi kompetensi murid yang perlu dikembangkan merupakan hal yang sangat penting untuk menghadapi abad ke-21. Pendekatan tradisional yang menekankan penghafalan atau penerapan prosedur sederhana tidak akan mengembangkan keterampilan berfikir kritis atau kemandirian seseorang murid. Oleh itu, setiap individu harus terlibat dalam proses pembelajaran berdasarkan inkuiri yang bermakna, memiliki nilai kebenaran dan relevan untuk mengembangkan keterampilan berfikir aras tinggi yang diperlukan oleh mereka (Barron and Darling-Hammond, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, menurut Ismail (2014), pembelajaran abad ke-21 meliputi kemahiran pembelajaran dan inovasi, kemahiran maklumat, media dan teknologi serta kemahiran hidup dan kerjaya. Kemahiran pengajaran menurut Ariffin (2005) pula merupakan kebolehan seseorang individu itu untuk menguruskan segala aktiviti fizikal dan mental di dalam kelas.

Seterusnya, Mahamod (2011) menyatakan bahawa pengetahuan terkini berkenaan teknik pembelajaran abad ke-21 sangat diperlukan oleh para guru dalam memastikan sistem pendidikan negara berada pada landasan yang betul untuk memacu negara menjadi negara maju. Berikutan ini, pembelajaran abad ke-22 menjadi salah satu panduan atau landasan kepada semua warga pendidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, mengikut kajian Badrul Hisham (2013), setiap guru tidak kira lelaki atau perempuan haruslah menguasai enam dimensi atau aspek utama untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Enam dimensi tersebut ialah menguasai subjek dengan baik, mahir dan berketrampilan dalam pedagogi, memahami perkembangan murid-murid dan menyayangi mereka, memahami psikologi pembelajaran, memiliki kemahiran kaunseling dan kemahiran inovasi.

Sehubungan ini, hasrat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) itu adalah melahirkan murid yang menguasai kemahiran abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni (DSKP KSSR Semakan 2017 Bahasa Melayu Tahun 2). Seiring dengan hasrat ini, pembelajaran abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri tertentu supaya berupaya bersaing pada peringkat global turut ditekankan. Berikutan ini, DSKP KSSR yang dihasilkan telah menyatupadukan enam tunjang kerangka KSSR, iaitu mengintegrasikan kemahiran komunikasi, perkembangan fizikal dan estetika, kemanusiaan, keterampilan diri, sains dan teknologi serta kerohanian, sikap dan nilai untuk membangunkan insan seimbang yang berfikiran kreatif, kritis dan inivatif. DSKP KSSR bertujuan melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai serta memasukkan secara eksplisit kemahiran abad ke-21 dan Kemahiran BerfiKIR Aras Tinggi (KBAT) untuk mencapai tujuan ini. Demi menjayakan pelaksanaan KSSR, proses pembelajaran dan pemudahcaraan guru harus memberi fokus kepada pendekatan berasaskan projek supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21 ini (DSKP KSSR Semakan 2017 Bahasa Melayu Tahun 2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Penggunaan Teknologi Dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan

Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah dibina berasaskan enam tunjang, iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, ketrampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika serta sains dan teknologi. Keenam-enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain secara bersepadu untuk melahirkan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif (DSKP KSSR Bahasa Melayu SK Tahun 2, 2017)

Tema sains, teknologi dan inovasi pula merujuk kepada ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Elemen ini sesuai diajar kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berupaya menjana idea untuk menghasilkan sesuatu inovasi (DSKP KSSR Bahasa Melayu SK Tahun 2, 2017).

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) juga merupakan salah satu unsur tambahan yang diterapkan dalam proses PdPc selain ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Salah satu elemen EMK ialah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). TMK diterapkan dalam PdPc supaya murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari. TMK bukan sahaja mendorong para murid menjadi kreatif malah menjadikan PdPc lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran (DSKP KSSR Bahasa Melayu SK Tahun 2, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan ini, matlamat utama Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 adalah memanfaatkan penggunaan teknologi dalam sistem pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, murid-murid didedahkan teknologi yang tersiri daripada perkakasan komputer, gajet, perisian dan aplikasi serta dilatih bagi tujuan pembelajaran. Mohsin, Aqmal, & Hassanmatlm (2011) turut menegaskan bahawa kemahiran abad ke-21 merujuk kepada proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang ditunjangkan kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) untuk melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif.

Dalam pada itu, revolusi teknologi telekomunikasi dan multimedia yang melanda dunia telah banyak mempengaruhi masyarakat secara global. Kerajaan Malaysia yang menyedari hakikat ini, telah mengambil tindakan untuk mengintegrasikan penggunaan teknologi dan komunikasi, iaitu ICT dalam pembelaran dan pemudahcaraan untuk menghadapi cabaran ini serta merealisasikan matlamat Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Wawasan 2020.

Seterusnya, Learnfarm (2001) menyatakan bahawa *e-learning* ialah kaedah pembelajaran yang menggunakan komputer, internet, alat bantu audio visual dan sebagainya. Kaedah *e-learning* juga membolehkan pembelajaran dalam talian pada bila-bila masa dengan menggunakan animasi interaktif, bunyi, teks dan grafik yang berwarna-warni serta bersimulasi.

Dalam konteks ini, penggunaan ICT dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dilihat dari dua aspek, iaitu dari sudut pengajaran yang melibatkan guru-guru menggunakan ICT dan yang kedua ialah pembelajaran yang melibatkan murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan ICT. Oleh itu, hal ini juga meliputi peranan pemimpin sekolah dalam pembentukan budaya ICT melalui pembinaan polisi dan pelan pembangunan, pemantauan sumber dan program perkembangan staf di samping peranan guru dan sokongan pihak luar terhadap integrasi ICT dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan.

Selanjutnya, Chee (2000) menyatakan bahawa penciptaan komputer mikro pada awal tahun 70-an telah mencetuskan impak yang besar terhadap penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan di Malaysia. Oleh yang demikian, teknologi maklumat terus berkembang sehingga PAK21. Ledakan inovasi dan teknologi ini telah mendorong penggunaan teknologi secara meluas dalam semua sektor dan bidang termasuk bidang pendidikan juga tidak terkecuali. Kebelakangan ini, penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan semakin hari semakin meluas dan berkembang pesat mengikut peredaran masa di seluruh dunia. Justeru, perkembangan pesat dalam bidang teknologi membuka peluang baru dalam sistem pendidikan yang sedia ada.

Mengikut Pelan Induk Peningkatan Pendidikan (2007), penggunaan ICT dalam pembelajaran dan pemudahcaraan perlu dirancang dan bersesuaian untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Matlamat pembangunan ICT dalam bidang pendidikan adalah untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur ICT dengan memperluaskan akses dan ekuiti dalam kemudahan ICT, memperluas kurikulum berasaskan ICT, meningkatkan sistem pentaksiran dengan menggunakan ICT, menekankan pengintegrasian ICT dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT dalam kalangan pelajar, tenaga pengajar dan personal Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya, PAK21 menekankan penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah. Salah satu elemen dalam PAK21 ini ialah literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Oleh itu, rupa dan bentuk baru yang sesuai diperlukan untuk generasi abad ke-21. Kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan yang lama, iaitu *chalk dan talk* perlu berubah dan penggunaan kaedah teknologi baru harus diperkenalkan seiring dengan perkembangan teknologi siber dan akses kepada internet yang semakin giat maju.

2.4.2 Kurikulum Pendidikan di Malaysia

Kurikulum dimaksudkan sebagai satu perancangan pendidikan yang dirangka oleh sesebuah sekolah atau institusi pendidikan untuk mencapai objektif dan matlamat pendidikan. Perancangan dalam kurikulum ini meliputi semua aspek ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai dan unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan. Menurut Naegley dan Evan (1992), kurikulum adalah koleksi pengalaman yang dirancang dan dikemukakan oleh pihak sekolah. Menurut Abdullah Mohd Noor dan Ahmad Jaffin Hassan (1992), kurikulum adalah gabungan pengalaman pembelajaran yang diorganisasikan untuk pelajar-pelajar dari setiap peringkat dalam institusi pendidikan.

Menurut Robert S. Zais (1976), kurikulum adalah satu kesatuan yang tidak dapat dikesan tujuannya. Kesatuan ini terdiri daripada integrasi empat komponen yang berlainan iaitu tujuan, isi, aktiviti dan penilaian. Keempat-empat komponen ini berhubungan antara satu dengan yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saylor dan Alexander (1974) menyatakan bahawa kurikulum adalah rancangan tentang kesempatan pembelajaran untuk mencapai matlamat am pendidikan dan objektif spesifik yang berkaitan. Merujuk kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, kurikulum merupakan suatu wadah program pendidikan yang melibatkan aktiviti kurikulum dan kegiatan kokurikulum. Bidang ini membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menyemai dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Salah satu hasrat utama kurikulum adalah untuk membina dan melahiran anak murid yang berpendidikan serta menguasai asas 3M iaitu menulis, membaca dan mengira. Selain itu, kurikulum juga berhasrat untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahian berfikir, kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kurikulum Bahasa Tamil meliputi empat kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kurikulum Bahasa Tamil mempunyai enam bidang yang utama iaitu pendengaran, pertuturan, membaca, menulis, tatabahasa dan sastera.

Kemahiran mendengar dan bertutur adalah untuk mendengar, memahami dan memberi respons dengan membuat pentafsiran terhadap soalan tertumpu atau bercapah, suruhan, pesanan atau permintaan; menyebut frasa, ayat tunggal dan ayat majmuk secara betul dan tepat. Kemahiran bertutur adalah untuk menjelaskan sesuatu maklumat yang tersurat atau tersirat dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif secara tatasusila mengikut konteks (DSKP KSSR Semakan 2017 Bahasa Tamil Tahun 2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran membaca menekankan kebolehan untuk membaca perkataan, ayat, perenggan dan petikan dengan menggunakan sebutan yang betul dan inotasi yang sesuai. Selain itu, kemahiran membaca juga menekankan kebolehan untuk memahami dan mengenal pasti kosa kata, isi tersurat, idea utama, idea sampingan dan idea keseluruhan sesuatu petikan. Kemahiran menulis pula memberi tumpuan kepada kebolehan menulis sebarang perkataan, ayat, perenggan dan petikan.

Kemahiran tatabahasa ialah cabang ilmu yang menumpu kepada kebolehan untuk mengatur penggunaan bahasa. Ilmu ini merupakan sebahagian daripada bidang ilmu yang mempelajari bahasa iaitu linguistik. Secara amnya, tatabahasa merupakan asas untuk melahirkan sesuatu bahasa yang indah dan mudah difahami. Tatabahasa Dewan Edisi Baharu oleh Nik Safiah Karim (1996), mentarifkan bahasa sebagai kumpulan ayat yang tidak terbilang jumlahnya. Ayat pula terdiri daripada rentetan perkataan yang bermakna. Penguasaan terhadap tatabahasa biasanya dilakukan dari dua aspek, iaitu dari cara perkataan dibentuk daripada bunyi-bunyi bahasa dan dari segi cara perkataan-perkataan ini disusun menjadi ayat.

Kurikulum Bahasa Tamil juga menekankan tulisan, penggunaan struktur ayat dan kesalahan ayat. Kemahiran sastera pula meliputi *Thirukkural, seiyul*, *palamozhi* (peribahasa), *inaimozhi, marabuttodar, uvamaittodar* dan *iraitaikkilaivi.* Kandungan ini diselitkan bagi mengindahkan serta mengukuhkan lagi penggunaan bahasa. Hasil pembelajaran dapat dicapai dengan penguasaan keenam-enam kemahiran bahasa, sistem bahasa dan pengisian kurikulum. Pendekatan yang berfokus kepada gaya pembelajaran yang pelbagai dapat membantu dalam membuat pengukuhan dan penilaian pencapaian setiap murid (Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Buku *Tholkapiyam* pula membuktikan bahawa kesusateraan dan tatabahasa Tamil telah lama wujud di bumi ini. Tholkapiyam merupakan sebuah buku tatabahasa yang tertua di dunia dan dikarang pada 300 tahun SM. Dalam buku Tholkapiyam, tatabahasa dibahagikan kepada empat jenis iaitu *Iyalchol, Thirichol, Thisaichol* dan *Vadachol. Iyalchol* adalah perkataan yang digunakan dalam kehidupan harian kita. *Thirichol* merupakan perkataan yang mempunyai *ceiyul* iaitu sajak. *Thisaichol* merujuk kepada perkataan yang digunakan di India. *Vadachol* pula perkataan Tamil yang berasal daripada Bahasa Sanskirt.

Menurut M.Varadarajan (2001), sejarah sastera Tamil telah wujud lebih kurang 25 abad yang dahulu. Peribahasa Tamil merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam bidang sastera. Dengan menyedari keistimewaan yang dapat disampaikan oleh peribahasa, KPM telah menyelitkan komponen peribahasa dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil pada peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Berikutan hal ini, sebanyak 30 peribahasa Tamil telah dipilih untuk sukatan pelajaran Bahasa Tamil sekolah rendah dari tahun satu hingga tahun lima.

Ornstein dan Hunkins (2004), menegaskan bahawa kurikulum adalah satu rancangan untuk pelaksanaan atau satu dokumen bertulis yang merangkumi strategi untuk mencapai objektif tertentu. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan kewujudan aktiviti yang terancang mahupun tidak terancang yang dapat mempengaruhi pembelajaran dan pelaksanaan kurikulum yang telah ditetapkan lebih awal. Didapati juga bahawa kurikulum bukan terhad kepada pengalaman pembelajaran yang direka untuk pelajar sahaja, namun ianya juga termasuk aspek keadaan sekolah (Kemmis, 1986).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Peribahasa Tamil

Peribahasa merupakan salah satu bentuk bahasa yang digunakan oleh masyarakat sejak dahulu lagi untuk menyampaikan sesuatu perkara secara berkias. Mengikut Norrick (1985), terdapat ciri-ciri tertentu yang perlu dipunyai oleh sesuatu peribahasa. Norrick (1985) menyatakan bahawa peribahasa adalah bernas, mempunyai kandungan yang bersifat tetap, berbentuk puitis dan memberikan pengajaran. Selain itu, unit tatabahasa penting yang wujud dalam sesebuah peribahasa itu pula tidak boleh diganti. Selanjutnya, Nabifar (2013) pula menjelaskan bahawa peribahasa merupakan ayat-ayat yang mengandungi unsur kebenaran atau realiti, kebijaksanaan, moral dan sudut pandang secara tradisional. Nabifar (2013) turut menyatakan bahawa peribahasa merupakan suatu bentuk bahasa yang kaya dengan pelbagai unsur yang membinanya. Selain itu, ciri-ciri tersebut menjadikan peribahasa itu relevan ketika membantu menyampaikan sesuatu perkara dengan cara yang berbeza daripada penyampaian secara terus.

Seterusnya, menurut Za'ba (1965), peribahasa ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat pada mulut orang ramai sejak beberapa lama kerana sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dan menjadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran. Selain itu, penggunaannya mempunyai matlamat yang tersendiri, iaitu orang yang mendengar atau membacanya tidak mudah rasa tersinggung dalam sesuatu komunikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peribahasa dikenali sebagai *pazhamozhi* dalam bahasa Tamil. Menurut Parameswaran (2016), perkataan *pazhamozhi* itu dapat dipisahkan kepada dua kata, iaitu *pazha* yang bermaksud keindahan bahasa yang diguna pakai sejak zaman dahulu dan perkataan *mozhi* pula bermaksud bahasa. Beliau juga menyatakan bahawa orang dahulu lebih gemar menggunakan peribahasa atau *pazhamozhi* itu untuk menyampaikan sesuatu hasrat tanpa menyinggung perasaan seseorang individu atau sekumpulan orang kerana masyarakat dahulu mementingkan kesopanan dan keakraban yang juga menjadi budaya masyarakat India sehingga kini (Murthy dan Subet, 2018). Beliau juga menyatakan bahawa peribahasa Tamil dibawa ke negara kita apabila orang Tamil datang ke Tanah Melayu sebagai pekerja. Masyarakat Tamil yang datang ke negara kita turut membawa bersama tradisi, budaya, amalan, bahasa dan kepercayaan mereka. Jika dilihat dengan teliti, penggunaan peribahasa Tamil merupakan amalan masyarakat Tamil sejak dahulu lagi dan mempunyai makna tersirat. Makna tersirat di sebalik peribahasa ini pula menceritakan bahawa kita sebagai manusia biasa akan menghadapi kesenangan serta kesusahan dalam hidup kita. Makna yang dikemukakan secara tersirat mempunyai kaitan dengan budaya, konteks penggunaan, pengalaman, persekitaran, emosi, pendidikan dan pandangan tentang dunia (Subet & Daud, 2018).

Selanjutnya, peribahasa merupakan salah satu instrumen untuk melihat akal budi sesuatu masyarakat (Parameswaran, 2016). Menurutnya, limpahan peribahasa Tamil yang sedia ada pada masa ini merupakan bukti bahawa masyarakat Tamil dahulu telah menggunakan bahasa yang halus dan implisit dalam pertuturan seharian mereka agar tidak menyakiti perasaan seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, menurut Sellvara dan Annamalai (2019) pula, peribahasa Tamil lahir daripada pengalaman, pemerhatian yang teliti, pengamatan dan pandangan yang mendalam terhadap segala kejadian yang berlaku di sekeliling seseorang individu.

Peribahasa Tamil merupakan komponen sastera klasik Tamil yang menunjukkan pengalaman, kebudayaan dan cara hidup orang bangsa Tamil. Setiap pandangan dan hasil buah pemikiran Orang Tamil disampaikan secara mendalam dalam perbualan mereka. (ThuraiSingham, 2004; Thamburaj, K. P., &Ponniah, K., 2016). Peribahasa Tamil juga menunjukkan ianya sebagai satu rujukan dalam menghadapi cabaran hidup dan menyelesaikan sebarang permasalahan secara adil dan saksama (Muthukumaran, 2000). Penggunaan Peribahasa Tamil masih digunakan di semua peringkat umur kerana ianya merupakan amalan dalam komunikasi. (Pathamavathy, 2019). Di Malaysia, Peribahasa Tamil telah digunakan dalam perbualan harian dan penulisan sejak sekian lamanya. Hal ini kerana Peribahasa Tamil telah diajar di sekolah Tamil semenjak 200 tahun yang lalu (Educator Magazine, Nov 2016). Walaupun telah bertapak agak lama, namun pendekatan klasikal Peribahasa Tamil hampir tenggelam dalam era pemodenan kini (Kamala Kanthasamy, 1996). Selain itu, guru bahasa Tamil di sekolah kebangsaan bertindak sebagai pengguna dan penyampai utama Peribahasa Tamil. Golongan ini merupakan golongan terpenting yang menyebarkan penggunaan bahasa Tamil di peringkat sekolah rendah (Ponniah,K., Kumar, M.,Moneyam, S., &Sivanadhan, I., 2019; Ponniah, K., Sivanadhan, I., Kumar, M., &Nadarajan, P., 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Aplikasi *Quizlet*

Menurut Zakaria Ahamad (2003), penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan, terutama dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan adalah sangat penting. Beliau menyatakan bahawa literasi komputer yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1996 ialah salah satu langkah untuk mengaplikasi teknologi komputer dalam bidang pendidikan. Menurut Muhammad Uthman (2008) pula, kemahiran TMK dalam sesuatu bidang pendidikan secara tidak langsung banyak memberi kebaikan. Antara kebaikan tersebut ialah pembelajaran dapat dilaksanakan dengan menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu mata pelajaran tertentu.

Sehubungan ini, warga pendidik kini mencari kaedah serta pendekatan baru yang lebih berkesan dan di luar kotak pemikiran biasa untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan. Sebagai suatu pembaharuan, aplikasi *Quizlet* merupakan salah satu teknologi yang dapat dijadikan suatu kebiasaan dalam dunia pendidikan hari ini. *Quizlet* ialah aplikasi pembelajaran mudah alih dan berasaskan web yang membolehkan murid memperoleh maklumat melalui alat pembelajaran dan permainan. Penciptanya, Andrew Sutherland, menyatakan bahawa pada saat ini, aplikasi ini digunakan oleh dua pertiga pelajar sekolah menengah dan separuh pelajar universiti di Amerika Syarikat. Aplikasi *Quizlet* ini melatih pelajar dengan menggunakan kad imbasan serta pelbagai permainan dan ujian. Pada tahun 2016, *Quizlet* diiktiraf oleh *Similar Web* sebagai tapak pendidikan Amerika Syarikat yang paling pesat berkembang. Oleh itu, aplikasi *Quizlet* semakin mendapat perhatian ramai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut kajian Rote Rapid mengenai penggunaan aplikasi *Quizlet*, beliau mendapati bahawa kebanyakan pelajar lebih suka aplikasi *Quizlet* kerana lebih mudah diguna, diakses serta mesra penggunanya. Selain itu, aplikasi *Quizlet* menawarkan lebih banyak ciri ujian penyesuaian. Aplikasi ini juga lebih bersifat kolaboratif dan berdaya saing.

Menurut Anjaniputra, aplikasi *Quizlet* dalam laman web membolehkan penggunanya mempelajari sesuatu dengan menggunakan kad imbasan dan pelbagai alat pembelajaran seperti permainan dan ujian. Aplikasi ini juga tersedia dengan sistem *Android* dan *iOS* yang membolehkan pengguna menggunakannya pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Pihak guru pula dapat mewujudkan kelas maya untuk menguruskan pembelajaran pelajar tertentu dengan item leksikal tertentu. Set kad imbasan adalah mudah digunakan oleh semua pengguna *Quizlet* untuk membuat set pembelajaran bergantung kepada bahan untuk belajar. Pelajar juga boleh menyumbang kepada set yang dicipta oleh guru atau membuat set pembelajaran mereka sendiri untuk belajar. Sesuatu set itu terdiri mengandungi istilah untuk item dan definisi leksikal sebagai keterangan serta gambar atau bunyi boleh ditambah. Alat seperti permainan terdiri daripada dua kategori utama, iaitu pembelajaran dan permainan. (*How Quizlet works:http://Quizlet.com/ mission, 29 Januari 2014*).

Dalam sesuatu set pembelajaran, terdapat lima jenis mod yang melibatkan aspek belajar (*learn*), kad imbasan (*flashcard*), menulis (*write*), eja (*spell*) dan uji (*test*). Mod belajar melibatkan pelajar menjawab soalan yang semakin menjadi sukar. Mod pembelajaran jenis ini mencipta urutan pembelajaran yang personal berdasarkan kebiasaan pengguna dengan kandungan set dan membantu pengguna meguasai segala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran yang perlu dikuasai. Manakala, kad imbasan seperti namanya memberi jawapan kepada pengguna secara kad imbasan digital yang boleh dibalikkan dengan hanya mengklik pada kad. Kad ini memberi ulasan tentang istilah dan definisi serta membekalkan soalan dan jawapansama seperti kad imbasan tradional (*How Quizlet works*:http://*Quizlet.com/ mission, 29 Januari 2014*).

Selanjutnya, mod tulis menjawab soalan dengan menulis respons pengguna. Sekiranya, pengguna terlepas sesuatu soalan, dapat dijawab kemudian. Mod eja pula menyediakan pengguna dengan kemudahan ejaan. Pengguna mendengar istilah dan definisi lalu menaip apa-apa didengar. Mod ini memudahkan pengguna mempelajari sesuatu bahasa baharu atau dapat melatih mengeja dalam bahasa penggunan itu sendiri. Akhir sekali, mod ujian sememangnya direka untuk menilai pencapaian pengguna. Pengguna diberi soalan secara rawak berdasarkan set yang diberikan dan hasilya ditunjukkan secara langsung selepas menjawab semua soalan (*How Quizlet works:http://Quizlet.com/ mission, 29 Januari 2014*).

Pada masa yang sama, terdapat tiga pilihan aktiviti didapati dalam permainan (*Play*) yang merangkumi *Match*, *Gravity* dan *Live*. Aktiviti *Match* membolehkan pengguna memadankan istilah dengan definisi yang terpapar dalam skrin sepantas yang boleh. Aktiviti *Gravity* pula membentangkan meteor dengan kata-kata di atasnya lalu pengguna hendaklah menaip jawapan untuk kata-kata itu sepantas boleh sebelum meteor itu melanda di bumi. *Live* ialah aktiviti kolaboratif dalam talian, iaitu setiap kumpulan pengguna bersaing untuk mencapai kriteria tertentu dengan menjawab betul kerana satu jawapan yang salah akan menyebabkan kumpulan itu bermula semula dari awal. Aktiviti *Live* juga boleh dijalankan secara individu. Semua mod dan aktiviti boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipantau oleh guru selagi murid dimasukkan di dalam kelas maya yang diciptanya. (*How Quizlet works:http://Quizlet.com/ mission, 29 Januari 2014*).

Aplikasi *Quizlet* dapat membantu para pelajar dalam pembelajaran kendiri dan meningkatkan kemahiran berfikir dan kritis seperti yang dinyatakan dalam PAK21. Kemahiran berfikir kritis ialah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Kemahiran berfikir kreatif pula ialah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mnegikut kelaziman. (DSKP KSSR Semakan 2017 Bahasa Tamil Tahun 5). Oleh itu, pengkaji memilih aplikasi *Quizlet* untuk kajiannya untuk meningkatkan kebolehan pembelajaran kendiri para murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran kendiri ialah suatu proses yang membolehkan murid belajar dengan sendiri dengan menggunakan bahan pembelajaran, memilih aktiviti, menilai hasil kerja serta memantau kemajuan diri sendiri agar murid dapat berdikari dan bertindak sendiri dalam proses pembelajarannya (DSKP KSSR Semakan 2017 Bahasa Tamil Tahun 5). Teknik pembelajaran *Quizlet* juga suatu proses pembelajaran kendiri yang membolehkan murid belajar secara sendiri.

Generasi kini tentunya akan berasa terbantu dengan adanya aplikasi *Quizlet* yang dapat mempermudahkan proses pembelajaran. Malahan, mereka merupakan generasi yang hampir tidak pernah terlepas daripada telefon pintar dalam genggaman mereka. Aplikasi *Quizlet* hadir sebagai suatu terobosan baru dalam media pembelajaran untuk semua usia dan disiplin ilmu. Ciri-ciri menarik juga disogohkkan agar dari hari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ke hari, pengguna *Quizlet* makin bertambah. Oleh itu, terdapat banyak kelebihan diperoleh melalui penggunaan aplikasi ini.

Menurut Crandell (2017), *Quizlet* merupakan aplikasi yang tidak berbayar dan mudah digunakan baik oleh murid mahupun guru. Para murid tentunya akan lebih memberi tumpuan semasa proses pembelajaran kerana aplikasi *Quizlet* berperana semacam permaianan yang bisa dimainkan oleh mereka meskipun permainan dalam *Quizlet* berisi dengan pelbagai pertanyaan yang berasal daripada bahan pembelajaran ajar telah ditampilkan pada kad imbasan. Aplikasi ini membantu pihak guru lebih mudah menyediakan bahan pembelajaran dengan menggunakan kad imbasan dan dapat menyesuaikan bahan pembelajaran dengan apa-apa saja yang diperlukan oleh murid.

Seterusnya, mengikut Barr (2015), aplikasi *Quizlet* merupakan media pembelajaran yang membantu peserta didik untuk lebih bebas ketika belajar, baik ketika menggunakan komputer riba, komputer peribadi mahupun telefon pintar. Dalam pada itu, menurut Wolff (2016), dengan menggabungkan pembelajaran dengan permainan sosial yang mengasyikkan, ciri-ciri *Quizlet Live* dalam aplikasi *Quizlet* dapat memotivasikan murid untuk mulai belajar secara mandiri sebagai usaha untuk mempersiapkan permainan dalam *Quizlet*. Oleh demikian, *Quizlet Live* hadir sebagai terobosan baru dalam media pembelajaran yang dapat meningkatkan pengilbatan murid di dalam kelas (Wolff, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Model ADDIE

Model ADDIE ialah rangka kerja reka bentuk sistem pengajaran (*Instructional System Designs*) yang digunakan oleh ramai pereka bentuk pengajaran dan pembangunan latihan untuk membangunkan kursus atau modul pembelajaran. Nama ADDIE itu ialah akronim untuk lima fasa modul yang terdiri daripada *Analysis, Design, Development, Implementation and Evaluation* yang ditakrifkannya untuk membina modul pembelajaran dan sokongan prestasi (ADDIE Model, 2009).

Model ADDIE ialah model pembelajaran yang dikembangkan oleh Dick and Carry untuk perancangan sistem pembelajaran dan digunakan sebagai panduan dalam perkembangan pembelajaran agar efektif dan dinamis untuk mendukung pembelelajaran kendiri (Barokati & Annas, 2013 dan Mulyatiningsih, 2016). Pengkaji telah memilih model ADDIE kerana menjadi paksi utama dalam mereka bentuk modul pembelajaran peribahasa Tamil yang akan dihasilkan. Model ADDIE ini berfungsi sebagai pemandu arah dalam menghasilkan modul pembelajaran peribahasa Tamil bersaskan teknologi *Quizlet.*

Model ADDIE juga merupakan salah satu model pembelajaran sistematik yang disusun secara teratur dengan urutan kegiatan yang dapat memecahkan pembelajaran berkaitan dengan sumber belajar dan disesuaikan dengan keperluan dan sifat-sifat murid (Tegeh & Kirna, 2013). Terdapat beberapa sebab model ADDIE ini digunakan dalam kajian ini sebagai modul pembelajaran peribahasa Tamil. Antara sebab tersebut adalah dapat disesuaikan dengan pelbagai keadaan pembelajaran, mempunyai tingkat fleksibiliti yang cukup tinggi dan efektif untuk digunakan dalam pembaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pembelajaran, terdapat kerangka kerja yang berstruktur dan latihan ulang kaji pada setiap tahapannya (Mustaji, 2013). Berdasarkan huraian di atas, tujuan penelitian model ini adalah untuk mengetahui cara memperkembangkan inovasi pembelajaran dengan menggunakan model ADDIE.

Model ADDIE merangkumi lima fasa, iaitu fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Model ini merupakan salah satu modul pengajaran yang sistematik dalam menghasilkan bahan pembelajaran berkomputer yang berkesan dan mesra pengguna (Baharuddin et al., 2002). Hasil kajian yang dilakukan oleh Johari, Nor Hasniza & Mohamad Yusof (2006) menunjukkan bahawa perisian yang dibangunkan oleh mereka menggunakan model ADDIE berjaya memberi impak yang positif sebagai alat pembelajaran tambahan. Abd. Wahid & Mohammad Faizal (2010) turut mengaplikasikan model reka bentuk ADDIE dalam perisian mereka. Hasil pengujian terhadap perisian tersebut mendapati model ini memenuhi ciri-ciri multimedia interaktif serta memenuhi objektif-objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, kajian Megat Aman & Nurul Shuhadah (2010) menunjukkan bahawa model ADDIE yang digunakan itu berjaya menarik minat pelajar terhadap proses pembelajaran dam pemudahcaraan.

Selain itu, reka bentuk Model ADDIE ini akan melalui lima fasa, iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Pada setiap fasa itu, modul itu akan dikemaskan. Oleh itu, pengkaji harus mengikuti kesemua fasa ini untuk menghasilkan sebuah modul yang berkesan dan sempurna. Rajah 2.1 menunjukkan aliran dan reka bentuk pembelajaran model ADDIE.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Model ADDIE

Secara kesimpulan, pembinaan modul pembelajaran Peribahasa berasaskan aplikasi *Quizlet* merupakan proses sistematik dalam pembangunan sumber teknologi yang merangkumi analisis pembelajaran dan pencapaian, reka bentuk aplikasi, pembangunan, implementasi dan penilaian. Proses pembangunan modul pembelajaran ini melibatkan lima fasa utama yang diadaptasi daripada Model ADDIE. Model ini dipilih oleh pengkaji untuk membangunkan aplikasi pembelajaran kerana ianya menekankan pengulangan dilakukan bagi setiap fasa. Setiap fasa pula saling berkait rapat antara satu sama lain. Sekiranya fasa tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan baik, proses tersebut boleh diulang sehingga ianya dapat disiapkan dengan lengkap. Dengan mengintegrasikan model ADDIE dalam pembangunan perisian pendidikan, ianya berpotensi mengingkatkan prestasi dan kualiti aplikasi *Quizlet* yang sedang dibangunkan. Hal ini menjadikan proses pembangunan lebih sistematik dan serta meyakinkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Model ADDIE sesuai diaplikasikan dalam pembinaan modul peribahasa Tamil. Model ini juga berorientasikan bilik darjah memandangkan guru berperanan sebagai pelaksana sistem. Pembinaan Modul Peribahasa ADDIE berasaskan aplikasi *Quizlet* ini dapat menyokong proses pembelajaran peribahasa Tamil murid. Proses pembelajaran secara berperingkat melalui aplikasi *Quizlet* ini akan membantu murid mengingati peribahasa Tamil dan maksudnya. Modul ini menyediakan aktiviti dan latihan pengukuhan untuk membantu murid menguasai peribahasa Tamil dengan sepenuhnya. Aktiviti pengukuhan pula adalah latihan berterusan supaya dapat meningkatkan keyakinan murid menguasai peribahasa. Modul ini sesuai digunakan untuk murid berprestasi lemah, sederhana dan cemerlang kerana terdapat set aktiviti yang berbeza mengikut keupayaan murid. Penyelidik mendapati konsep sebegini, iaitu aktiviti permainan peribahasa dengan menggunakan modul yang terancang, bersistematik dan teratur belum terdapat di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Teori Pembelajaran Aktif

Pengkaji menggunakan Teori Pembelajaran Aktif sebagai salah satu daripada tiga teori dalam kajian ini. Pembelajaran aktif merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran baharu yang semakin diberi perhatian pada masa ini dan menjurus kepada Pembelajaran Berasaskan Hasil (*Outcome Based Learning*) (Intan Shafinaz Abd. Razak, 2011) Pembelajaran aktif ialah sebarang kaedah yang berkaitan dengan penglibatan murid secara maksimum untuk memastikan isi pelajaran dapat diterima (Prince, M. 2004). Teori ini adalah berpusatkan murid berbanding dengan cara konvensional yang berpusatkan guru. Teori ini membolehkan guru berperanan sebagai fasilitator dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid akan bergerak sendiri semaksimum untuk memperoleh maklumat dan bahan. Teori ini mempunyai banyak kelebihan seperti dapat meningkatkan kebolehan komunikasi murid, keupayaan berfikir secara kritis, memberi pendedahan kepada cara mengatasi konflik dan secara tidak langsung mewujudkan situasi sebenar alam pembelajaran (Prince, M. 2004 & Barraket, J. 2011). Oleh itu, teori ini sangat bersesuaian dengan kajian pengkaji yang mengutamakan pembelajaran kendiri dengan menggunakan teknik *Quizlet*.

Menurut Khatib (2003), pembelajaran aktif boleh dilaksanakan secara individu dan berkumpulan serta dalam bentuk permainan yang menjurus ke arah pemahaman. Teori Pembelajaran Aktif merupakan strategi belajar dan mengajar bertujuan berlakunya keterlibatan murid dalam proses pembelajaran mereka. Teori Pembelajaran Aktif sangat sesuai dengan pandangan kontruktivisme, iaitu proses pembelajaran dilakukan secara sendiri oleh si pembelajar itu sendiri.

Teori Pembelajaran Aktif merupakan perkembangan daripada teori *learning by doing* pada tahun 1859 – 1952. Dewey menerapkan prinsip-prinsip *learning by doing* supaya murid terlibat dalam proses pembelajaran secara spontan. Hamzah B. Uno (2012), menyatakan bahawa untuk mencipta pembelajaran yang aktif, salah satunya ialah murid belajar daripada pengalamannya, selain itu murid harus belajar memecahkan masalah yang dihadapinya. Suprijono (2013), menyatakan bahawa terdapat beberapa jenis pembelajaran aktif seperti *learning starts with a question, plantet question, team question, silent demonstration, learning contract* dan*index card match*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, menurut Silberman (2013) salah satu cara untuk melakukan pembelajaran tetap dalam fikiran adalah dengan menglokasikan waktu untuk meninjau kembali apa-apa yang telah dipelajari. Penggunaan model pembelajaran aktif dalam kelas dapat lebih memotivasikan murid untuk belajar kerana terlibat secara aktif melalui kegiatan-kegiatan yang dirancang dan disediakan oleh guru sebagai fasilitator di dalam kelasnya. Melalui Teori Pembelajaran Aktif, guru dapat mencetuskan stimulus dan respons dalam diri murid agar pembelajaran berjalan dengan lancar dan lebih menyenangkan serta jauh daripada membosankan.

Mengikut Khatib (2003), pada era teknologi moden yang sedang berkembang pesat ini, Teori Pembelajaran Aktif masih merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sering dipraktikkan. Guru juga digalakkan beralih daripada pengajaran pasif kepada pengajaran aktif dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang berkesan dalam kalangan murid.

Berdasarkan huraian di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Teori Pembelajaran Aktif memberi keutamaan kepada para murid untuk bertindak dengan sendiri tanpa bantuan pihak lain. Hal ini akan membantu para murid menjalakan pembelajaran kendiri di mana-mana jua tanpa bantuan dan gangguan pihak lain semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlaku. Pada pandangan pengkaji, teori ini dapat memenuhi kehendak kajian ini serta tuntutan pembelajaran abad ke-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 Teori Pembelajaran Koneksionisme Thorndike

Teori Pembelajaran Koneksionisme (*Theory Connectionism*) ialah teori yang paling awal daripada rumpun behaviorisme. Teori ini ditemui dan dikembangkan oleh Edward Lee Thorndike (1874-1949) berdasarkan eksperimen yang lakukannya pada tahun 1890-an. Thorndike menggunakan haiwan-haiwan, terutama kucing untuk mengetahui fenomena-fenomena belajar. Pada awalnya, teori ini dikenali sebagai *connectionism* kerana aktiviti belajar merupakan proses pembentukan stimulus dan respon secara percubaan dan kesilapan (*trial and error*). Thorndike membuat kajian tentang teori ini berdasarkan tingkah laku berberapa ekor binatang termasuk kucing serta kanak-kanak dan orang dewasa. Beliau berpendapat bahawa pembelajaran koneksionisme ialah suatu proses *stamping in* (diingat), *forpuratag (*dibentuk*)* dan hubungan antara stimulus dengan respons. Menurut Thorndike, teori ini ialah proses interaksi antara stimulus dengan respons (Yahya Othman, 2008).

Menurut Thorndike (1890), belajar ialah proses interaksi antara stimulus dengan respons. Stimulus ialah apa-apa sahaja dapat merangsangkan kegiatan belajar seperti fikiran, perasaan atau hal-hal lain yang dapat dikesan oleh alat indera. Manakala, respons ialah reaksi pelajar ketika belajar, yang juga berupa fikiran, perasaan atau gerakan/tindakan. Stimulus dan respons berupaya mengaktifkan pelajar secara utuh dan menyeluruh dari segi fikiran, perasaan dan perlakuan. Salah satu indikator keberhasilan belajar terletak pada kualiti respons yang dihasilkan oleh pelajar terhadap stimulus yang diterima daripada guru (Yahya Othman, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut Thorndike belajar merupakan proses koneksi antara stimulus dengan respons yang membawa perubahan tingkah laku. Meskipun aliran behaviorisme ini sangat mengutamakan pengukuran, namun tidak dapat menjelaskan cara mengukur tingkah laku yang tidak dapat diamati. Namun demikian, teorinya telah banyak menjadi buah pemikiran dan inspirasi kepada tokoh-tokoh lain yang datang kemudian (Yahya Othman, 2008).

Berdasarkan kajian, Thorndike berpendapat bahawa usaha cuba berulang kali mengakibatkan adanya hubungan antara corak daripada situasi masalah dengan respons tertentu yang dibuatnya. Oleh itu, Thorndike menyimpulkan bahawa belajar adalah proses peningkatan. Belajar bukan sahaja dilakukan berdasarkan idea-idea atau gagasan-gagasan malah belajar bersifat langsung yang mempengaruhi pemikiran. Menurut Slameto (2010), belajar ialah suatu proses usaha yang dilakukan seseorang untuk memperoleh suatu perubahan tingkah laku yang baru secara keseluruhan.

Mengikut Thorndike, hukum pembelajaran ini terbahagi kepada tiga, iaitu *Law of Readiness, Law of Exercise* dan *Law of Effect*. Mengikut Hukum Kesiapan (*Law of Readiness)* seseorang harus berada dalam keadaan siap untuk menerima perubahan tingkah laku. Oleh itu, seseorang yang ingin belajar perlu menunaikan keberhasilannya. Menurut Moreno (2010), hukum kedua, iaitu Hukum Latihan (*Law of Exercise*) bererti merespons suatu stimulus secara pengulangan lalu seseorang harus mengadakan percubaan dan latihan yang berulang-ulang. Pengulangan yang banyak dapat mengekalkan sesuatu pembelajaran dalam ingatan seseorang sepanjang hayatnya. Hukum ketiga ialah Hukum Akibat (*Law of Effect*). Hukum ini menerangkan bahawa sama ada hubungan antara stimulus dengan respons adalah kuat atau lemah, masih ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hasil daripada konsekuensi (akibat) respons itu. Jika sesuatu respons diikuti dengan keadaan yang menyenagkan, hubungan itu akan meningkat dan jika keadaan itu tidak menyenangkan, hubungan akan menurun.

Sehubungan ini, pengkaji memilih teori ini kerana penggunaan aplikasi *Quizlet* akan memberi impak yang baik dengan menarik minat murid untuk mempelajari peribahasa Tamil. Perubahan sikap ini akan mendorong seseorang murid itu lebih bermotivasi dan bersiap sedia untuk mempelajari pengajaran yang disampaikan oleh guru. Tambahan pula, penggunaan teknologi ini juga membolehkan seseorang murid cuba mempelajari sesuatu peribahasa Tamil secara berulang-ulang sehingga difahami kerana modul yang dibina itu menggunakan kemudahan animasi dan visual yang memudahkan pemahaman peribahasa itu. Sebenarnya, murid-murid sekolah rendah lebih berminat bahan-bahan yang menghasilkan animasi dan visual yang menarik. Di samping itu, ciri aplikasi *Quizlet* yang membolehkan seseorang murid cuba membelajari sesuatu peribahasa Tamil secara berulang-ulang sampai mengusainya adalah sejajar dengan hukum latihan dan akibat dalam Teori Pembelajaran Koneksionisme.

2.10 Teori Pembelajaran Vygotsky

Perkataan kognitif bermaksud berfikir. Perspektif ini menegaskan kepentingan dan kebolehan manusia berfikir secara kritis serta dapat memproses dan menilai data-data serta maklumat sebelum berindak terhadapnya. Salah seorang pakar bidang psikologi kognitif ialah Jean Piaget. Beliau merupakan salah seorang pakar dalam bidang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan kanak-kanak menggunakan konsep 'kesimpulan empatik' untuk melakukan peninjauan atas perlakuam kanak-kanak. Salah satu teori beliau ialah perkembangan kognitif manusia yang tidak boleh diterangkan dengan cara pengumpulan maklumat lampau, tetapi berlaku secara semula jadi dalam proses perkembangan manusia.

Vygotsky merupakan ahli sosiologi yang memberi sumbangan besar terhadap kajian Teori Kognitif selepas Jean Piaget. Dua idea Vygotsky yang sangat penting ialah penghayatan (*internalization*) dan Zon Perkembangan Proksimal (ZPP) yang menekankan peranan persekitaran dan perkembangan intelek kanak-kanak. Pada pandangan beliau, perkembangan kognitif bergerak daripada aspek luaran kepada aspek dalaman melalui penghayatan, iaitu penerimaan ilmu pengetahuan daripada konteks. Jerrey Wilhelm (2001) pula menegaskan konsep ZPP yang menyediakan metafora yang menarik untuk para pelajar membentuk arahan dan menganalisis pembelajaran.

Dengan ini, Vygotsky menyarankan bahawa peluang komunikasi dan interaksi bersama ibu bapa, rakan-rakan dan orang luar dengan kanak-kanak akan membantu penerimaan ilmu pengetahuan dan pembelajaran apabila elemen-elemen di dalam persekitaran menerangkan sebab berlakunya sesuatu perkara (Luis C. Moll, 2014).

Zakaria & Habib (2006) menyatakan bahawa komunikasi dan interaksi antara pelajar membolehkan pelajar yang lemah bermaklum balas cepat dengan mencontohi teknik dan strategi yang digunakan oleh rakan-rakan yang lebih pandai. Hal ini menunjukkan bahawa interaksi di dalam kelas adalah penting untuk perkembangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kognitif pelajar dengan menyediakan panduan dalam membentuk aktiviti pembelajaran yang sesuai bagi pelajar.

Berdasarkan hujah-hujah di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa psikologi kognitif menerangkan kepentingan manusia berfikir. Teori ini akan membantu pengkaji untuk mengenal pasti sejauh manakah aplikasi *Quizlet* dapat mempengaruhi pemikiran kritis dan kemahiran berfikr aras tinggi (KBAT) murid-murid. Secara tidak langsung, teknologi *Quizlet* dapat mencungkil kemahiran KBAT para murid.

Selain itu, Teori Vygotsky adalah salah satu teori yang membantu dalam menyelesaikan masalah pembelajaran peribahasa di kalangan murid. Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, murid-murid mengalami masalah dalam menghafal dan menghayati maksud peribahasa Tamil. Penggunaan aplikasi seperti *Quizlet* dapat membantu murid-murid dalam mengatasi masalah-masalah seperti yang dihadapi di atas. Interaksi sosial seperti aplikasi *Quizlet* juga dapat membantu perkembangan mental murid-murid.

2.11 Kajian-kajian Lepas

Pengkaji telah membuat penelitian dan tinjauan terhadap beberapa kajian dahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian-kajian yang diteliti adalah terdiri daripada tesis peringkat kedoktoran dan sarjana. Pengkaji juga berpeluang untuk meneliti kajian-kajian yang dijalankan oleh guru-guru berkaitan dengan isu-isu pendidikan. Berikut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah tinjauan literatur tentang kajian-kajian lepas yang sedikit senbanyak mempunyai kaitan dengan tajuk dan bahan pilihan pengkaji.

2.11.1 Kajian Berkaitan Kepentingan Modul Pembelajaran

Zulkifli Osman (2013) menjalankan kajian yang bertajuk Pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Melayu Secara Bersepadu peringkat kedoktoran di Universiti Malaya. Tujuan kajian ini adalah membentuk, membina dan menilai modul pengajaran bahasa Melayu secara bersepadu. Kajian ini ialah kajian kualitatif. Data diperoleh melalui pemerhatian, temu bual, ulasan dan komen secara langsung daripada peserta kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa modul ini boleh dilaksanakan dalam pengajaran bahasa Melayu, khususnya dari aspek kandungan, pedagogi dan reka bentuk dengan syarat beberapa pindaan dilakukan. Hasil daripada sorotan kajian, pengkaji mendapati kajian ini secara keseluruhannya menjurus kepada satu matlamat utama iaitu untuk meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia khususnya dalam kemahiran pengajaran dalam kalangan guru di Malaysia.

Di samping itu, Samu Qhaniah (2012) telah menjalankan kajian bertajuk Pembentukan Model Keberkasanan Pengintegrasian Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Malaysia peringkar kedoktoran di Universiti Malaya. Pendekatan model persamaan struktural digunakan untuk menerangkan hubungan antara faktor demografi, iaitu peranan, lokasi sekolah dan mata pelajaran. Model pengukuran dan struktur diuji dalam kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa padanan model itu memuaskan semua kumpulan murid. Kajian ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan bahawa pemahaman yang lebih mendalam tentang kesan faktor pengantaran kepimpinan teknologi dengan keberkesanan pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menyimpulkan bahawa kebanyakan pelajar Melayu tidak dapat menguasai kemahiran menulis ayat dalam bahasa Arab. Kelemahan ini disumbang pelbagai faktor, antaranya adalah kaedah pengajaran guru serta cara pembelajaran pelajar itu sendiri, pengaruh bahasa Melayu serta pengolahan terhadap ayat dalam buku teks dan sukatan pelajaran yang tidak meluas terhadap semua bentuk ayat serta aspek-aspek yang berkaitan dengannya.

Akhir sekali, kajian bertajuk Pembinaan Modul Pengajaran Sajak Berlandaskan Pendekatan Respons Pembaca dijalankan oleh Fadzilah bt Hj Amzah (2007) di peringkat kedoktoran di Universiti Malaya. Kajian ini ialah kajian kuantitatif. Kajian ini menerangkan kepentingan modul dalam pembelajaran sajak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan modul dalam pembelajaran sajak amat berkesan dan berlaku peningkatan dalam tahap pembelajaran pelajar. Dapatan kajian ini mendapati dua perkara penting untuk diteliti oleh semua pihak yang terlibat dalam pengajaran bahasa Melayu. Pertama, mutu kemahiran sajak dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Malaysia masih rendah. Keduanya, punca utama kepada kelemahan ini telah dikenal pasti iaitu strategi pengajaran dan pembelajaran yang membabitkan sukatan itu sendiri, pengaruh bahasa ibunda dan sikap pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11.2 Kajian Berkaitan Peribahasa

Murthy, T. (2018) menjalankan kajian bertajuk Imej Rumput dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif di Universiti Kebangsaan Malaysia peringkat sarjana. Peribahasa Tamil merupakan cabang seni sastera lisan dalam budaya masyarakat India. Peribahasa juga dicipta hasil daripada pengamatan lapisan masyarakat terhadap keistimewaan alam semula jadi ciptaan Tuhan yang juga mempunyai makna tersurat dan tersirat. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti makna implisit di sebalik peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan, khususnya rumput serta pengaruh budaya yang menyebabkan lahirnya peribahasa yang melibatkan imej tumbuhan di samping mengenali makna harfiah peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan. Kajian ini bukan sahaja dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis makna implisit di sebalik sebanyak 25 peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan malah juga untuk menganalisis pengaruh budaya dan akal budi dari aspek semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil yang mempunyai imej tumbuhan. Di samping itu, kajian ini juga dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu temu bual dengan empat orang informan dan ulasan yang dibuat terhadap peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat India mencipta setiap peribahasa menggunakan alam semula jadi di sekeliling mereka. Selain itu, setiap peribahasa yang dicipta mempunyai makna implisit di sebaliknya dan setiap makna itu mempunyai satu ikatan yang kukuh dengan budaya serta akal budi masyarakat tersebut. Kesimpulannya, penelitian terhadap peribahasa Tamil telah menyerlahkan ketinggian pemikiran dan akal budi masyarakat India dalam penciptaan peribahasa Tamil yang menggunakan imej

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tumbuhan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapatnya pengaruh budaya dan akal budi dari aspek semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil.

Dalam pada itu, Rowdella Raymond Raimi (2017), membuat kajian tentang Tema dan Fungsi Peribahasa Masyarakat Kadazandusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Masyarakat Kadazandusun sangat kaya dengan unsur dan nilai sastera yang mencakupi puisi, prosa tradisional, adat resam, kebudayaan dan banyak lagi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis tema dan fungsi peribahasa masyarakat Kadazandusun sebagai lambang cerpurataan budayanya. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan mengaplikasikan Teori Budaya dan gagasan Za'ba. Penyelidikan ini menjelaskan secara terperinci jenis-jenis peribahasa, tema dan fungsi peribahasa serta menghuraikan hubungan peribahasa dengan budaya. Justeru, penyelidikan peribahasa merupakan sebagai usaha memperkaya sebahagian khazanah budaya masyarakat Kadazandusun yang dapat membentuk jati diri mahupun didikan sebagai moraliti masyarakat itu.

Peribahasa turut mengajar nilai hidup bermasyarakat dan membentuk masyarakat yang beradab sopan serta sebagai alat didaktik untuk memperluas pengetahuan bahasa. Oleh itu, hasil kajian ini mendapati bahawa peribahasa dapat dibahagi kepada empat jenis, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan yang dibuktikan melalui seni percakapan dan golongannya dalam bahasa kiasan. Di samping itu, tema dan fungsi dapat menjelaskan secara terperinci keunikan peribahasa, yakni mengelompokkan peribahasa semula dan mengaitkan maklumat tersirat dan tersurat. Tema dan fungsi ini selaras dan berkait rapat dengan budaya masyarakat Kadazandusun yang ditonjolkan dari segi ekonomi, adat resam, perkahwinan dan sosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat itu. Menyedari hakikat peribahasa yang kian dilupakan oleh masyarakat Kadazandusun khususnya, pendapat para tokoh berkaitan dengan peribahasa dan pembudayaan akan membuktikan kepentingan peribahasa yang mampu membuka puratada masyarakat serta mengingatkan semula peribahasa sebagai lambang kebanggaan bahasa dan bangsa. Implikasinya, kajian ini dapat dikongsi bersama dengan seluruh masyarakat tentang pentingnya peribahasa kepada generasi muda dalam masyarakat.

Seterusnya, Ragini Ragavan (2016) telah menjalankan kajian peringkat sarjana yang bertajuk Perbandingan Aspek Leksikal dan Makna dalam Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil di Universiti Putra Malaysia. Kajian ini merupakan satu kajian persamaan dan perbezaan antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dari aspek leksikal dan semantik. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan leksikal dalam peribahasa Melayu dan Tamil dalam kalangan masyarakat Melayu dan Tamil. Kaum Melayu dan Tamil telah mewarisi himpunan peribahasa yang banyak dan setiap peribahasa tersebut menggambarkan kebudayaan dan cara pemikiran masing-masing. Kedua-dua masyarakat memilih peribahasa untuk menyampaikan perasaan ataupun pesanan secara halus kepada orang lain agar orang berkenaan tidak berasa kecil hati. Perkara ini menyerlahkan budi baik masyarakat Melayu dan Tamil yang tidak gemar berterus terang untuk menyuarakan baik buruk orang lain. Kelainan budaya mungkin akan menimbulkan kekeliruan dalam memahami makna peribahasa dan perkara ini akan mewujudkan situasi salah faham antara masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahan kajian ini diambil daripada buku *Peribahasa Sekolah Rendah*, *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*, *Kamus Istimewah Peribahasa Melayu, Peribahasa Tamil Kuil, Tamil Karka Venduma* dan *Ilakkana Ilakkiya Vizhakavurai.* Selain itu, kaedah temu bual juga digunakan untuk mendapatkan pengesahan makna peribahasa Melayu dan Tamil. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan Teori Segi Tiga Makna. Teori ini menjelaskan makna simbol melalui segi tiga, iaitu simbol, fikiran dan rujukan. Leksikal yang terdapat dalam peribahasa juga dibincang dari sudut semantik dan sintaksis yang mempengaruhi konsep makna sesuatu peribahasa tersebut. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu dan Tamil mempunyai persamaan pemikiran dalam penggunaan simbol yang sama dalam peribahasa, terutama dari segi leksikal benda, haiwan, anggota badan dan alam. Terdapat juga beberapa peribahasa yang dapat dikaitkan dengan nilai dan pemikiran masyarakat majmuk seperti tingkah laku dan nilai manusia, persahabatan, kasih sayang, usaha, nasihat, serta alam flora dan fauna.

Selanjutnya, Nur Afiqah Wan Mansor (2016) menjalankan kajian bertajuk Deria Rasa dalam Kiasan Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif di Universiti Kebangsaan Malaysia peringkat sarjana. Kajian ini merupakan kajian semantik dan akal budi Melayu yang menyelidik deria rasa masam, masin, manis dan pahit dalam kiasan Melayu. Kajian ini menghuraikan makna implisit dan implisit kompleks bahasa kiasan, khususnya peribahasa dan kaitannya dengan akal budi Melayu. Data kiasan peribahasa Melayu dikumpulkan daripada tiga buah kamus, iaitu Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, Kamus Simpulan Bahasa dan Kamus Peribahasa Melayu serta dikukuhkan dengan data korpus yang diperoleh daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pustaka (DBP) dan *Malay Concordance Project* (MCP). Kajian berbentuk kualitatif ini mengaplikasikan teori semantik dan kaedah inkuisitif yang menggabungkan data, teori, kognitif dan falsafah sehingga membawa kepada tafsiran akal budi Melayu. Analisis pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) dilakukan terhadap data korpus deria rasa dalam kiasan peribahasa Melayu. Seterusnya, kaedah inkuisitif dilakukan untuk mencungkil makna sebenar yang ingin disampaikan. Hasil kajian mendapati bahawa kiasan peribahasa Melayu mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya dan akal budi Melayu. Ketersiratan makna masam, manis, masin dan pahit serta makna yang berkaitan dengan rasa juga dapat dicungkil dan dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Pengkategorian mengikut medan makna juga membuktikan bahawa kiasan peribahasa berunsurkan deria rasa tidak hanya memperlihatkan makna teras rasa malah juga mendukung makna pinggiran lain. Berdasarkan pendekatan yang digunakan, kajian kiasan peribahasa juga dapat membuktikan hubungan antara bahasa, masyarakat dan pemikiran.

Di samping itu, kajian yang bertajuk Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif dihasilkan oleh Muhammad Zaid (2020). Beliau menjalankan kajian ini peringkat sarjana di Universiti Malaysia Sabah. Kewujudan unggas dalam peribahasa Melayu telah diasimilasikan dengan perlakuan manusia yang dapat dilihat melalui makna harfiah peribahasa tersebut. Unggas atau nama saintifiknya *Aves* telah dikelaskan sebagai haiwan yang mempunyai sayap, sama ada boleh terbang mahupun tidak, berdarah panas, berkaki dua dan bertelur. Unggas juga ialah haiwan vertebrata yang terdapat di serata dunia termasuk di sekitar gurun hingga kutub utara dan selatan serta di kawasan hujan tropika. Data kajian ini diperoleh daripada Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima oleh Rahman (2017), Kamus Istimewa Peribahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu Edisi Kedua oleh Hussain (2016) dan Kamus Peribahasa Melayu oleh Said (2013). Analisis data dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif.

Analisis dokumen melibatkan data peribahasa Melayu ini telah dibukukan dengan memuatkan sebanyak 207 unggas dalam peribahasa Melayu. Dalam kajian ini, imej unggas telah dipecahkan kepada beberapa subunggas seperti, ayam (*Gallus gallus domesticus*), burung (*Bird*), itik (Anas platyrhynchos) dan angsa (*Anserini*). Peribahasa yang memaparkan unggas-unggas ini seterusnya dipecahkan lagi kepada lapan domain khusus, iaitu domain kebiasaan, sia-sia, rezeki, ironi/sindiran, khianat, hati-hati/teliti, kekuasaan dan jodoh. Sebanyak 11 peribahasa Melayu dijadikan sampel dan dianalisis menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) oleh Jalaluddin (2014). Pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986) yang berpandukan data korpus diperoleh daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta *Malay Concordance Project* (MCP). Pendekatan ini diaplikasikan adalah untuk mengesahkan makna peribahasa dengan lebih lanjut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemilihan leksikal unggas dalam peribahasa Melayu dikaitkan dengan makna implisit berdasarkan kognitif dan falsafah kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Kajian ini turut mendapati bahawa makna sebenar peribahasa tersebut diketengahkan dengan mengambil kira akal budi dan keintelektualan pemikiran masyarakat Melayu.

Secara umumnya, banyak kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji berkenaan dengan peribahasa. Namun, hingga kini masih belum ada kajian yang berkaitan dengan penguasaan peribahasa Tamil di peringkat rendah dalam kalangan murid-murid sekolah. Hasil daripada sorotan kajian, pengkaji mendapati secara keseluruhannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian-kajian ini menjurus kepada aspek semantik, leksikal, perbandingan antara peribahasa Melayu dan Tamil dan sebagainya.

2.11.3 Kajian Berkaitan *Quizlet*

Rizky Setiawan (2020) dari Universiti Yogyakarta menghasilkan artikel bertajuk *The Effectiveness of Quizlet Application towards Students' Motivation in Learning Vocabulary.* Mengikut pengkaji, aspek motivasi pelajar sangat penting dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Semakin tinggi minat seseorang pelajar, semakin tinggi tahap penguasaan bahasa pelajar tersebut. Namun, minat menjadi isu semasa pembelajaran bahasa Inggeris, terutamanya minat pelajar sekolah menegah yang berada pada tahap yang rendah. Sehubungan itu, guru perlu mencari jalan untuk meningkatkan tahap minat pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai kesan penggunaan aplikasi *Quizlet* terhadap minat pelajar. Seramai 65 pelajar terlibat dalam kajian ini dan mereka dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Senarai semak digunakan untuk menilai tahap minat pelajar. Data diproses menggunakan kaedah Ujian Wilcoxon. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi *Quizlet* sangat berkesan dalam meningkatkan motivasi dan minat pelajar semasa pembelajaran bahasa Inggeris. Pelajar lebih teruja, tidak cepat bosan dan memperlihatkan minat yang tinggi di samping mampu menyiapkan tugasan menerusi aplikasi tersebut tanpa bantuan pihak luar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, artikel bertajuk *Quizlet In The Efl Classroom: Enhancing Academic Vocabulary Acquisition Of Japanese University Students* dihasilkan oleh Gilbert Dizon dari Himeji Dokkyo University pada tahun 2018. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan aplikasi *Quizlet* untuk mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Kajian ini disertai oleh sembilan pelajar dari Universiti Jepun. Kesemua pelajar ini mempelajari kosa kata menggunakan aplikasi *Quizlet* selama 10 purataggu. Keputusan ujian pra dan pos membuktikan bahawa pelajar terbabit menunjukkan perubahan positif yang ketara. Hasil analisis soal selidik menunjukkan bahawa pelajar tersebut mempunyai pandangan positif terhadap penggunaan aplikasi *Quizlet* untuk mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar mendapati aplikasi ini berkesan, mudah dan senang digunakan, di samping itu pelajar ingin menggunakan aplikasi ini untuk mencatatkan skor purata lebih daripada 4 pada skala Likert. Berdasarkan semua penemuan ini, pengkaji itu menyokong penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris.

Seterusnya, artikel bertajuk *The Merits Of Quizlet For Vocabulary Learning At Tertiary Level Students* dihasilkan oleh Gilbert Dizon dari Universiti Suryakancana pada tahun 2018. Aspek tatabahasa merupakan tunjang kepada pembelajaran sesuatu bahasa kerana penguasaan tatabahasa dapat membantu dalam komunikasi bahasa tersebut. Walaupun berkepentingan tinggi, namun pembelajaran tatabahasa mempunyai cabaran yang tersendiri seperti penyertaan pelajar secara aktif adalah rendah dan kesukaran untuk memastikan minat pelajar kekal sepanjang proses pengajaran. Kajian ini dijalankan untuk menilai penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran tatabahasa serta respons daripada pengguna aplikasi ini. Oleh itu, pengkaji telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjalankan pemerhatian secara berterusan dan temu bual secara terus dengan pelajar yang terlibat untuk mendapatkan kesimpulan yang jitu, Pengkaji mendapati bahawa penggunaan aplikasi *Quizlet* telah meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari tatabahasa dan turut meningkatkan pemahaman mereka terhadap tatabahasa secara mendadak. Pelajar yang menggunakan *Quizlet* juga berpendapat cara ini merupakan cara yang lebih baik dan menarik untuk mempelajari tatabahasa. Kesimpulannnya, pengkaji menyarankan penggunaan aplikasi *Quizlet* sebagai teknik pengajaran yang baru, menarik dan kriteria untuk memenuhi pengajaran abad ke-21.

Selanjutnya, artikel bertajuk *Enhancing English Language Learning and Teaching Via Qgram (Telegram And Quizlet) Innovation* dihasilkan oleh Faridza binti Mohd Shuraimi dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2018. Penggunaan teknologi semakin meluas dalam kehidupan seharian kita, tidak terkecuali golongan pelajar. Penggunaan teknologi perlu diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kerana hal ini sejajar dengan kehendak pembelajaran abad ke-21. Pengkaji mendapati bahawa pengajaran bahasa Inggeris pada masa ini lebih menumpukan kepada hafalan fakta kerana guru gagal untuk menarik minat para pelajar. Pengkaji menjalankan kajian ini untuk mewujudkan platform untuk pembelajaran interaktif, baru dan boleh digunakan atas semua pelajar tanpa mengira tahap kemahiran mereka. Pengkaji telah menggabungkan aplikasi *Telegram* dan *Quizlet* untuk mencapai matlamat ini. Seramai 50 pelajar tingkatan lima telah dipilih untuk menyertai kajian ini. Pelajar ini dipilih dari dua buah sekolah di Kluang, Johor dan di Petaling Perdana, Selangor dan kajian ini berlangsung selama 4 purataggu. Arahan dan perbincangan dengan pelajar dijalankan menerusi *Telegram* dan pelajar membuat latihan dengan menggunakan aplikasi *Quizlet*. Temu bual dan pemerhatian turut dijalankan atas pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini. Kajian ini mendapati bahawa pelajar lebih gemar menggunakan aplikasi *Telegram* dan *Quizlet* dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris. Hal ini kerana pelajar berpendapat penggunaan aplikasi tersebut menjadikan proses pembelajaran lebih menarik, interaktif dan sangat mudah. Pengkaji merumuskan bahawa aplikasi seperti *Telegram* dan *Quizlet* harus digunakan secara lebih meluas agar pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik.

Di samping itu, artikel bertajuk *The Effect of Quizlet on Vocabulary Acquisition* dihasilkan oleh Abdulaziz Sanosi dari Prince Sattam ibn Abdulaziz University pada tahun 2018. Kajian ini dijalankan untuk menilai tahap penguasaan tatabahasa semasa pengajaran bahasa asing. Pengkaji berpendapat bahawa perkembangan teknologi dan penggunaan cara pengajaran yang lebih moden telah menjadikan proses pengajaran kini lebih menarik kerana dapat dijalankan secara dalam talian dan sesuatu topik dapat diajar menggunakan aplikasi tertentu. Oleh itu, pengkaji ingin menilai keberkesanannya apabila cara-cara seperti ini digunakan dalam proses pengajaran. Salah satu cabang kajian adalah mengkaji kesan penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam penguasaan tatabahasa. Seramai 42 responden dari Universiti Putera Sattam Abdul Aziz di Arab Saudi mengambil bahagian dalam kajian ini. Mereka kemudiannya menjalankan ujian pra dan ujian pos untuk menilai tahap penguasaan tatabahasa. Pengkaji mendapati bahawa kumpulan yang menggunakan aplikasi *Quizlet* menunjukkan penguasaan tatabahasa yang lebih baik.

Dalam pada itu, artikel bertajuk Penggunaan Aplikasi Atas Talian Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan Kepada *Quizlet.Com* dihasilkan oleh Ahmad Zaki bin Amiruddin dari Universiti Malaysia Kelantan pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahun 2014. Pembelajaran kursus bahasa ketiga dilihat sangat penting dan mula diperkenalkan di institut pengajian tinggi (IPT) untuk meningkatkan kebolehpasaran para graduan. Pelbagai teknik dan pendekatan diketengahkan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ketiga lebih menarik dan efisien. Sejajar dengan kemajuan global, para pengajar mula tertarik untuk menggabungkan proses pengajaran dan pembelajaran dengan kemajuan teknologi seperti aplikasi dalam talian (*Online Application*) sama ada secara percuma mahupun secara berbayar. Menyedari kepentingan ini, sebuah laman sesawang, iaitu *Quizlet.Com* yang menyediakan aplikasi dalam talian khas bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran telah diperkenalkan. Kajian ini melibatkan pengenalan aplikasi tersebut, kelebihan dan fungsi secara umum dan fungsi secara khusus untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa ketiga yang difokuskan kepada bahasa Arab serta hasil pembelajaran yang mampu diperoleh daripada proses pengajaran dan pembelajaran setelah menggunakan aplikasi tersebut beserta lampiran contoh bergambar. Dapatan kajian mendapati bahawa aplikasi dalam talian ini, bukan sahaja lebih menarik minat para pelajar, bahkan amat sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ketiga berdasarkan fungsi yang disediakan dalam aplikasi tersebut. Menerusi kajian ini, diharapkan penggunaan aplikasi *Quizlet* dapat merancakkan perkembangan teknik dan pendekatan lagi dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang digabungkan dengan kemajuan teknologi terkini.

Hasil perbincangan dalam bahagian ini sangat penting untuk pengkaji merancang dan mengatur strategi yang baik bagi pembinaan modul pembelajaran berasaskan aplikasi *Quizlet.* Selain itu, tinajauan-tinjauan ini juga akan dijadikan panduan bagi pengkaji semasa melaksanakan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.12 Kesimpulan

Berdasarkan penelitian terhadap kajian yang dilaksanakan di dalam dan di luar negara, pengkaji dapat mengesan beberapa kajian berkaitan dengan modul pengajaran, peribahasa dan aplikasi *Quizlet*. Pengkaji mendapati bahawa beberapa kajian tentang penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan modul amat berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, pengkaji mendapati kajian turut dijalankan tentang peribahasa, terutama peribahasa Tamil. Di samping itu, terdapat juga banyak artikel yang membincangkan kelebihan penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam pengajaran bahasa. Namun, pengkaji tidak dapat mengesan sebarang kajian berkaitan dengan pembinaan modul untuk pembelajaran peribahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi *Quizlet*. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa wujudnya lompang berkaitan dengan penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Justeru, pengkaji terdorong untuk menjalankan kajian bertajuk ‘Pembinaan dan Penilaian Modul Pembelajaran Peribahasa Berasaskan Aplikasi *Quizlet* dalam Pembelajaran dan Pemudacaraan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METEDOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan secara terperinci tentang metodologi kajian, kaedah-kaedah kajian dan prinsip-prinsip berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Metedologi didefinisikan sebagai sitem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kajian atau kegiatan. Metedologi digunakan dalam sesebuah kajian sebagai suatu bentuk kawalan dalam memperoleh data dan maklumat supaya pengkaji dapat menjawab objektif-objektif yang ditetapkan dalam kajiannya. Metodologi turut membincangkan hubungan antara teori dengan penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Dalam usaha melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan. Bersandarkan pendekatan ini, pengkaji menghasilkan sebuah modul pembelajaran peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet* yang menekankan penggunaan teknologi. Kajian pembangunan reka bentuk modul ialah suatu kajian yang merangkumi proses amat teratur dan sistematik yang meliputi proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian sesuatu modul yang dihasilkan.

Pengkaji telah mengambil kira hukum dan prinsip Teori Pembelajaran Aktif, Teori Pembelajaran Koneksionisme Thorndike dan Teori Pembelajaran Vygotsky yang memandu kajian ini agar aplikasi dan modul pembelajaran peribahasa Tamil yang dipilh dan dihasilkan itu memenuhi kehendak ketiga-tiga teori ini, iaitu menggalakkan pembelajaran kendiri, murid lebih bermotivasi dan berminat untuk mengikuti pembelajan dan mencetuskan pemikiran kritis. Selain daripada prinsip dan hukum penting daripada ketiga-tiga teori ini, pengkaji turut mengambil kira hasil kajian lepas berkaitan dengan aplikasi *Quizlet.* Berdasarkan penelitian ini, pengkaji telah memilih aplikasi *Quizlet* ini yang digunakan sebagai modul dalam pembelajaran dan pemudahcaraan peribahasa Tamil murid Tahun 5 di SJKT.

Pengkaji turut menggunakan kaedah campuran untuk menjalankan kajian ini. Kaedah campuran ini merujuk kepada penggunaan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk membantu pengkaji mendapatkan data yang relevan dengan kajiannya. Data boleh diperoleh dalam bentuk pemerhatian atau numerikal. Data yang dikumpulkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui cara ini juga bersifat fokus dan mendalam serta sangat sesuai digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis data kajiannya.

Dari perspektif pendekatan kualitatif, proses penelitian adalah berdasarkan metodologi yang menyelidik sesuatu fenomena sosial dan masalah manusia. Sehubungan ini, menurut Bogdan penghasilan data deskriptif berupa kata-kata tertulis mahupun lisan daripada orang-orang dan perilaku yang diamati dalam sesuatu fenomena sosial dan masalah manusia. Berdasarkan pendekatan ini, penelitian dibuat berdasarkan suatu gambaran yang meluas, meneliti kata-kata, mengambil kira laporan terperinci berasakan pandangan responden dan membuat kesimpulan berdasarkan fasa-fasa reka bentuk, pelaksanaan dan penilaian modul yang yang dihasilkan.

Menurut Denzin dan Lincol (1994), kaedah kualitatif meibatkan pelbagai kaedah secara berfokus, termasuk penggunaan pendekatan *naturalistic* (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek atau kajian. Menurut Cresswell (1994), penyelidikan kualitatif ialah proses inkuiri ke arah pemahaman yang berdasarkan kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial dalam kajian.

Kaedah kualitatif ini bukan sahaja tertumpu kepada pengutipan maklumat yang banyak malah berusaha memperoleh maklumat yang berkualiti dalam sesebuah kajian. Kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel. Dalam penyelidikan berbentuk kualitatif, sebahagian maklumat kajian diperoleh secara langsung daripada peserta kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis kuantitatif digunakan untuk menganalisis data secara statistik. Pengkaji menggunakan analisis deskriptif dan inferens dalam kajiannya. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data dengan cara menghuraikan data yang telah terkumpul. Analisis inferens bersifat memaparkan data untuk membuat kesimpulan dan keputusan berdasarkan analisis yang telah dilakukan.

Kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif merupakan pendekatan campuran yang dipilih oleh pengkaji bertujuan mendapatkan gambaran lebih lengkap tentang keberkesanan pembelajaran peribahasa Tamil di Sekolah Rendah Jenis Tamil. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat memahami isu-isu yang dikaji itu dengan lebih baik untuk menjawab soalan kajian. Justeru, Cresswell (2009) menegaskan bahawa prosedur kaedah campuran ialah reka bentuk triangulasi serentak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, data pula berbentuk perkataan atau ayat yang dikumpulkan melalui temu bual yang dirakam dalam bentuk gambar atau video. Reka bentuk kajian pula bersifat fleksibel dan boleh diubah suai mengikut keadaan dan keperluam situasi kajian. Saiz sampel dalam kaedah kualitatif adalah kecil dan dipilih secara bertujuan dan tidak berasaskan kebarangkalian. Instrument utama dalam kajian ini ialah pemungutan data. Pengkaji perlu berada dalam situasi yang dikaji, mendengar dan memerhati sendiri fenomena yang ingin dikaji dalam kajiannya.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan model ADDIE dalam mereka bentuk kajian. Terdapat lima prinsip utama dalam model ADDIE. Antaranya analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian (Kruse, 2004). Pengkaji mengaitkan kelima-lima prinsip dalam model ADDIE dalam kaedaha kajian. Lima pembahagian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

utama dalam model ADDIE mempunyai objektif yang berlainan yang membantu dalam pembinaan sesuatu modul, iaitu modul pembelajaran peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizle*t.

3.3 Model ADDIE

Model merupakan suatu perencanaan atau suatu pola yang digunakan dalam pembentukan kajian. Model juga merupakan ialah kerangka konseptual yang melukiskan prosedur yang sistematis dalam menyusun pengalaman belajar untuk mencapai tujuan pembelajaran tertentu. Oleh itu, sesuatu model adalah penting dalam pembinaan sesebuah modul. Hal ini kerana, model pembelajaran ini secara tidak langsung menjawab semua kehendak soalan yang ditujukan dalam soalan kajian.

Dengan adanya model, titik permulaan, tujuan dan kepentingan sesuatu modul pembelajaran dikenal pasti dan dapat dinyatakan dengan lebih jelas. Oleh itu, tujuan, objektif, pemilihan kandungan, aktiviti pembelajaran dan ukuran penilaian yang sesuai dapat dipilih tanpa sebarang raguan. Biasanya, modul pembelajaran dapat dibina dengan mudah tetapi perancangan yang mencukupi diperlukan untuk membuat reka bentuk dan menyediakan pakej pendidikan supaya modul yang dibina dapat memenuhi kehendak pengguna.


Menurut Trianto (2010), fungsi model pembelajaran adalah sebagai pedoman kepada perancang, pengajar dan para guru dalam melaksanakan pembelajaran. Menurut Kardi dan Nur (2011), istilah model pembelajaran mempunyai makna lebih luas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada strategi, metode atau prosedur. Menurut Richardson (1995), manusia menerima maklumat melalui lima deria, iatu rasa, sentuh, bau, pendengaran dan penglihatan. Oleh yang demikian, penggunaan kaedah penyampaian maklumat yang lebih luas seperti video, audio, komputer dan teknologi digital yang lain dapat melibatkan lebih banyak deria pengguna dalam proses pembelajaran. Penggunaan pelbagai bentuk perwakilan yang berbeza dapat meningkatkan daya tarikan modul yang dihasilkan.

Menurut Gustafson dan Branch (2007), terdapat pelbagai model reka bentuk pengajaran dan sebahagian model tersebut merupakan pengubah suaian model ADDIE. Model ADDIE terbahagi kepada lima fasa, iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Dalam proses pembinaan modul, pengkaji harus mengikuti kesemua fasa ini untuk menghasilkan sebuah modul yang berkesan dan sempurna. Rajah 3.1 menunjukkan aliran dan reka bentuk pembelajaran Model ADDIE.



Rajah 3.1. Reka Bentuk Model ADDIE

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembangunan modul berasaskan aplikasi *Quizlet* dilakukan berpandukan langkah-langkah yang terkandung dalam Model ADDIE yang merangkumi fasa analisis *(analyze),* reka bentuk *(design),* pembangunan *(development),* pelaksanaan *(implementation)* dan penilaian *(evaluation)* serta mengikut panduan Branch (2009). Pemilihan dan penggunaan Model ADDIE dalam pembinaan dan penilaian modul pembelajaran ini bertujuan untuk menerapkan pendekatan berpusatkan murid dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna kepada murid (Peterson, 2003).

3.3.1 Fasa 1: Analisis Keperluan

Peringkat analisis merupakan asas bagi semua peringkat lain dalam mereka bentuk modul pembelajaran, yang bertujuan untuk mengenal pasti objektif, kandungan, kesesuaian terhadap sasaran, dan capaian model pembelajaran dan pengajaran (Gustafson & Branch, 2007, Larson & Lockee, 2014, McKenney & Reeves, 2012 dan Morrison, Ross, & Kemp, 2007). Berdasarkan model pembelajaran ADDIE, analisis dijalankan untuk mengetahui keperluan khusus murid dan tujuan pengajaran. Dalam kajian ini, pengkaji membuat analisis untuk mengenal pasti keperluan modul pembelajaran peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet*. Pendekatan yang digunakan ialah penggunaan soal selidik yang dirancang untuk diedarkan di beberapa daerah di negeri Kedah. Selain mengenal pasti keperluan modul berasakan aplikasi *Quizlet*, pengkaji juga dapat memperoleh maklumat tambahan seperti permasalahan, tujuan, objektif dan kemahiran yang diperlukan dalam pembinaan modul pembelajaran. Hasil penganalisisan ini memberi input daripada pelbagai sudut kepada pengkaji dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh digunakan untuk pembangunan modul berasakan aplikasi *Quizlet* yang lebih bersifat spesifik atau khusus.

3.3.2 Fasa 2 : Reka bentuk

Peringkat seterusnya ialah peringkat reka bentuk. Pada fasa ini, hasil atau input daripada analisis keperluan modul pembelajaran peribahasa digunakan untuk merancang dan mereka cipta modul. Ciri-ciri modul yang baik ialah modul mempunyai objektif pembelajaran, perancangan pembelajaran, pembinaan butiran ujian, pengenal pastian sumber pembelajaran dan cara untuk mencapai tujuan pembelajaran dan pemudahcaraan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, pengkaji menjelaskan cara untuk mencapai matlamat umum pengajaran seperti ditetapkan di peringkat analisis. Selepas mengenal pasti matlamat umum pengajaran dan menganalisis maklumat murid, objektif pembelajaran yang lebih khusus boleh ditetapkan dengan lebih baik. Objektif pembelajaran ini boleh digunakan untuk menerangkan jangkaan pengkaji terhadap tahap pengetahuan dan kemampuan murid (Gustafson & Branch, 2007; Larson & Lockee, 2014; McKenney & Reeves, 2012; Morrison, Ross, & Kemp, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 Fasa 2 : Perkembangan & Pembangunan Modul

Selepas peringkat analisis dan reka bentuk, peringkat seterusnya ialah perkembangan dan pembangunan modul. Perkembangan modul membawa maksud pembinaan atau proses penjanaan rancangan serta bahan pelajaran yang bakal digunakan dalam aplikasi *Quizlet*. Semasa peringkat ini, rangka cerita dibentuk, kandungan modul ditulis, grafik dibentuk, unsur teknologi diterapkan, halaman maklumat disediakan dan dokumentasi sokongan dibangunkan.

Peringkat pembangunan Modul pula merujuk kepada penyediaan modul pembelajaran kepada murid-murid untuk mencapai objektif pembelajaran seperti yang telah ditetapkan di peringkat reka bentuk. Peringkat ini melibatkan pembangunan rancangan pembelajaran, bahan bantu mengajar dan dokumen sokongan (Gustafson & Branch, 2007; Larson & Lockee, 2014; McKenney & Reeves, 2012; Morrison, Ross, & Kemp, 2007). Demi menepati skop kajian ini, pengkaji membina modul pembelajaran peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet*.

3.3.4 Fasa 3: Pelaksanaan Modul

Peringkat seterusnya ialah pelaksanaan modul. Pelaksanaan membawa maksud menjalankan sesuatu idea yang telah dijana atas kumpulan sasaran untuk menilai keputusan akhir. Peringkat ini merujuk kepada penyampaian modul PdPc sebenar yang telah disediakan kepada kumpulan sasaran, iaitu murid-murid Tahun Lima. Penyampaian modul ini akan dijalankan sama ada di dalam kelas, makmal, atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui komputer secara efektif dan efisien (Gustafson & Branch, 2007; Larson & Lockee, 2014; McKenney & Reeves, 2012; Morrison, Ross, & Kemp, 2007).

Pengkaji menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet* di SJKT sebagai modul kajian sebenar. Guru Bahasa Tamil Tahun Lima menjadi fasilitator, manakala murid-murid menjadi sampel kajian. Berdasarkan pendekatan ini, pengkaji mempunyai peluang untuk menilai kedua-dua pihak, iaitu guru dan murid-murid. Oleh sebab modul ini berlandaskan teknologi, murid-murid masih boleh menggunakan modul ini selepas waktu persekolahan, iitu di rumah atau pada masa lapang. Cara ini membolehkan pengkaji membuat pemerhatian untuk mencatatkan sebarang penemuan kesan positif atau negatif. Hasil pemerhatian ini boleh digunakan untuk menilai modul yang telah disediakan lalu sebarang penambahbaikan dapat dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.5 Fasa 3 : Penilaian Modul

Dalam fasa ini, modul pembelajaran yang telah disediakan dan digunakan atas guru dan murid dinilai. Secara asasnya, penilaian ini perlu bersifat berterusan, iaitu perlu dijalankan pada setiap tahap, antara tahap dan selepas pelaksanaan. Penilaian dibuat berdasarkan penilaian formatif dan penilaian sumatif.

Penilaian formatif merupakan penilaian berterusan yang dijalankan semasa membentuk sesuatu tahap dan antara tahap. Penilaian ini penting kerana hasil analisnya boleh digunakan untuk memperbaiki modul pembelajaran sehingga satu versi terakhir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau muktahir dapat disediakan. Manakala penilaian sumatif pula dijalankan selepas versi muktahir ini ditetapkan. Penilaian sumatif ini membantu menilai keberkesanan sepenuhnya versi terakhir ini. Penilaian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen seperti borang soal selidik dan temu bual.

Dalam Jadual 3.1 di bawah, kerangka metodologi pembangunan modul kajian dijelaskan. Modul kajian ini dibangunkan berdasarkan model ADDIE. Seperti yang kita sedia maklum, terdapat lima langkah atau fasa yang ditetapkan dalam Model ADDIE ini untuk membangunkan modul kajian ini. Lima langkah tersebut adalah analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Lima langkah ini kemudiannya dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu input, proses dan output. Langkah analisis dan reka bentuk dikelaskan di bawah peringkat input. Langkah pembangunan dan pelaksanaan dikelaskan di bawah peringkat proses manakala langkah penilaian dikelaskan di bawah peringkat output. Jadual 3.1 dipaparkan di bawah untuk pengetahuan selanjutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Kerangka Reka Bentuk Kajian


Proses Pembangunan Modul *Quizlet* Berdasarkan Model Addie				
Analisis	**Reka Bentuk**	**Pembangunan**	**Pelaksanaan**	**Penilaian**
• Menganalisis keperluan modul peribahasa Tamil • Mengadakan kajian analisis keperluan di negeri Kedah • Menggunakan boring soal selidik	• Membuat perancangan cara membuat modul dan teknik yng hendak digunakan	• Membina modul peribahasa Tamil dengan bantuan aplikasi *Quizlet.* • Kaedah *Fuzzy Delphi* digunakan untuk mendapatkan kesepakatan pakar da guru Tamil untuk membina modul ini.	• Mengaplikasikan modul di sekolah pilih dengan bantuan guru-guru bahasa Tamil • Fokusnya ialah murid-murid Tahun Lima di SJKT • Kaedah soal selidik dan temu bual dijalankan	• Penilaian dibuat • Kaedah ujian pra dan pos dijalankan bagi kelas kawalan dan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Rajah 3.2 pula menunjukkan kerangka metodologi pembangunan modul kajian yang digunakan secara khusus dalam pembelajaran dan pemudahcaraan peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2. Kerangka Metodologi Pembangunan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berdasarkan Aplikasi *Quizlet.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Pembinaan Modul Peribahasa Tamil Berdasarkan Model ADDIE

Quizlet merupakan suatu tapak untuk menggabungkan dunia sebenar dengan dunia maya. Oleh itu, pembelajaran berasaskan aplikasi *Quizlet* dapat mewujudkan pembelajaran interaktif dan berpusatkan murid. Pembelajaran menggunakan aplikasi *Quizlet* juga merupakan pembelajaran akses kendiri. Hal ini kerana para murid dapat memilih aktiviti yang dikendalikan dan menilai hasil kerjanya. Mereka juga dapat memantau kemajuan mereka sendiri dan berdikari dalam pembelajaran mereka (Hafiza & Halimah, 2009).

Dalam pada itu modul pembelajaran berasaskan aplikasi *Quizlet* ini turut membantu para murid meningkatkan pemahaman dan menguji pemahamannya dengan sendiri. Modul ini bukan sahaja membantu murid yang pandai, malahan murid yang lemah juga dapat menggunakannya dengan senang. Aplikasi ini memberi nafas baharu kepada para murid dan dapat meningkatkan minat mereka terhadap pendidikan (Hafiza & Halimah, 2009). Oleh itu, pengkaji membina sebuah modul khas untuk pembelajaran peribahasa Tamil. Pengkaji membina modul peribahasa Tamil ini berasaskan aplikasi *Quizlet.* Pengkaji menggunakan pelbagai unsur grafik bagi setiap peribahasa Tamil. Kesemua peribahasa Tamil ini juga ditera dalam modul tersebut. Hal ini kerana, para murid senang mengingati dan memilih peribahasa Tamil yang hendak belajar. Sehubungan ini, fasa pembangunan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* diterangkan secara terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Fasa 1: Analisis Keperluan

Dunia maya ialah satu istilah yang tidak lagi asing pada masa ini. Bermula sebagai medium hiburan, dunia maya kini mula melebarkan pengaruhnya hampir kesemua bidang. Oleh itu, pengkaji yakin bahawa modul peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet* yang sedang dibangunkan itu ialah satu medium pembelajaran dan pemudahcaraan yang dapat menggabungkan dunia sebenar dengan dunia maya.

Pembelajaran berasaskan aplikasi *Quizlet* dapat mewujudkan pengajaran yang berorentasikan murid serta interaktif. Selain itu, pembelajaran berasaskan aplikasi *Quizlet* juga merupakan pembelajaran akses kendiri. Hal ini kerana murid-murid dapat memilih aktiviti yang dikendalikan dan menilai hasil kerja masing masing. Mereka juga dapat memantau kemajuan diri sendiri serta berdikari dalam proses pembelajaran mereka (Hafiza & Halimah, 2009).

Pada masa yang sama, aplikasi *Quizlet* turut dapat membantu murid-murid menguji pemahaman sendiri. Hal ini secara langsung dapat meningkatkan pemahaman masing-masing terhadap subjek yang sedang dipelajari. Aplikasi ini juga sangat mesra murid kerana dapat digunakan oleh semua lapisan murid, iaitu kumpulan pandai hingga lemah atau baru. Oleh sebab aplikasi ini bersifat mesra murid, pengkaji sangat yakin bahawa aplikasi ini dapat memberi nafas baru kepada murid-murid dari segi pemahaman sesuatu subjek dan secara langsung dapat meningkatkan minat mereka terhadap pendidikan (Hafiza & Halimah, 2009). Sehubungan ini, kekangan dihadapi murid semasa belajar peribahasa Tamil sebelum ini serta kelebihan-kelebihan dimiliki aplikasi *Quizlet* telah mendorong pengkaji membangunkan sebuah modul khas yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh digunakan untuk memudahkan murid-murid dalam pembelajaraan dan penguasaan peribahasa Tamil. Pengkaji ingin membangunkan modul ini dengan menggunakan aplikasi *Quizlet*. Selain itu, pengkaji akan menggunakan unsur-unsur grafik bagi mencapai matlamat memudahkan pemahaman dan meningkatkan kemahiran penghafalan peribahasa Tamil, Kesemua 30 peribahasa Tamil yang menjadi bahan kajian juga akan tertera dalam modul tersebut untuk memudahkan murid-murid memilih peribahasa Tamil yang ingin dipelajari.

Jadual 3.2

Teknik Pengumpulan Data Pada Fasa Keperluan

Instrumen	**Responden**	**Tujuan**	**Lampiran**
Soal selidik	303 orang murid dari enam daerah di negeri Kedah.	Mengenal pasti masalah pembelajaran peribahasa Tamil	B
Soal selidik	185 orang guru dari enam daerah di negeri Kedah.	Mengenal pasti keperluan guru dalam penyediaan modul peribahasa Tamil.	C

Pengkaji memperuntukkan masa yang agak lama untuk proses pengumpulan data pada fasa ini. Pelbagai cabaran dan rintangan turut dihadapi pengkaji, namun keperluan untuk mendapatkan data yang tepat dan mantap mengatasi semua masalah ini. Pengkaji juga sedar bahawa data yang sahih dikumpulkan itu mempengaruhi modul aplikasi *Quizlet* yang akan dibina dan seterusnya menentukan kejayaan atau kegagalan modul tersebut. Sealnjutnya, penjelasan tentang instrumen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian dan proses penganalisisan data dijelaskan dengan lebih mendalam pada bahagian Instrumen Kajian dan Kaedah Penganalisisan Data dalam bab 3 ini.

3.4.2 Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul


Mengikut kerangka model ADDIE, peringkat reka bentuk dan pembangunan modul menyusuli selepas peringkat analisis. Modul direka bentuk dan dibangunkan mengikut skop dan kehendak kajian. Proses reka bentuk dilakukan berdasarkan analisis respons keperluan yang diperoleh Daripada borang soal selidik yang dijawab oleh pihak guru dan murid. Seterusnya, untuk proses pembangunan modul pula, pengkaji menentukan pendekatan pembelajaran dan bahan bantu mengajar yang paling ideal. Pengkaji juga mengambil berat pengesahan pakar keperluan modul yang dibangunkan itu. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan pengesahan pakar.

Pengkaji turut meneliti pemilihan teknik dan pendekatan yang hendak digunakan dalam pembinaan modul. Keputusan pengkaji berkenaan teknik dan pendekatan untuk membangunkan modul sangat dipengaruhi analisis respons keperluan guru dan murid yang diperoleh itu. Analisis respons keperluan yang diperoleh dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan Kepada sebanyak185 orang guru yang mengajar bahasa Tamil di SJK(T) di beberapa daerah di negeri Kedah adalah dirumuskan. Berdasarkan analisis tersebut, pengkaji dapat mengetahui masalah yang dihadapi para guru semasa PdPc berkaitan dengan peribahasa Tamil dijalankan. Analisis tentang masalah dihadapi guru semasa mengajar peribahasa Tamil dijadikan sumber untuk menentukan isi kandungan serta pemilihan tema. Oleh itu, modul yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasaskan aplikasi *Quizlet* ini mempunyai objektif yang diolah atau ditetapkan untuk mengatasi masalah ini. Untuk kajian ini, pengkaji memilih sebanyak 30 peribahasa Tamil tersenarai dalam DSKP KSSR (SJKT) bahasa Tamil dari Tahun Satu hingga Tahun Lima sebagai bahan kajian. Modul ini direka bentuk dalam sistem komputer dan perisian yang boleh dimuat turun dihasilkan. Rajah 3.3 di bawah menunjukkan kandungan pembinaan modul peribahasa Tamil tersebut.



Rajah 3.3. Kerangka Kandungan Pembinaan Modul Peribahasa

3.4.2.1 Reka Bentuk Modul Peribahasa Tamil


Dalam kajian ini, pengkaji membina modul peribahasa Tamil dengan bantuan aplikasi *Quizlet*. Aplikasi *Quizlet* ini didaftarkan dan modul yang digunakan dibina seperti dilakarkan dalam bahagian reka bentuk kajian. Pandangan, komen dan cadangan pakar diambil kira supaya modul yang disediakan kelak menepati dan bersesuaian dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehendak objektif, kandungan, bahan pengajaran dan aspek pedadogi. Instrumen kajian juga ditetapkan mengikut kehendak modul.

Perkara-perkara lain seperti peribahasa Tamil, pemilihan gambar atau grafik serta soalan dan latihan dibuat berdasarkan DKSP terkini. Pembinaan instrumen juga selaras dengan kehendak modul dan pengesahan modul perlu dibuat semasa kajian lapangan. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik dan temu bual. Jadual 3.4 menunjukkan langkah pembinaan Modul Peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet.*



Rajah 3.4. Langkah Pembinaan Modul Peribahasa Tamil berdasarkan Aplikasi *Quizlet*

Seterusnya, pengkaji mula membina satu modul yang khusus dan boleh membantu dalam pembelajaran peribahasa Tamil dengan bantuan aplikasi *Quizlet*. Berikutan ini, sebanyak 30 peribahasa Tamil tersenarai dalam DSKP KSSR (SJKT) bahasa Tamil dari Tahun Satu hingga Tahun Lima akan digunakan sebagai bahan pembelajaran dalam aplikasi ini. Imej-imej berkaitan dengan peribahasa tersebut juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikenal pasti, di samping itu soalan berdasarkan situasi yang berkaitan dengan peribahasa juga dikenal pasti sebagai latihan pemahaman dan pengukuhan.

Kesemua maklumat ini, iaitu peribahasa serta imej yang berkaitannya seterusnya dimuat naik dalam aplikasi tersebut. Proses ini diulangi sehingga 8 set modul pembelajaran dapat dibangunkan. Latihan yang dikenal pasti juga dimuat naik dalam aplikasi tersebut. Hal ini melengkapkan aplikasi tersebut dan pengkaji dapat mengubah suaikan modul mengikut keperluan atau kesesuaian semasa.

Pautan atau *link* untuk modul pembelajaran ini boleh dicapai melalui komputer atau telefon pintar yang mempunyai akses kepada internet. Cara mencapainya hampir sama seperti penggunaan *Wordwall* atau *Liveworksheet.* Apabila murid mencapai pautan ini, mereka dibimbing dari pengenalan kepada peribahasa tersebut, maksudnya dan diakhiri dengan sesi latihan. Kad imbasan digunakan dalam aplikasi tersebut untuk memudahkan pemahaman murid. Sesi latihan pula dijalankan melalui aktiviti didik hibur. Aktiviti didik hibur ini dibahagikan kepada tiga, iaitu permainan, ejaan dan penulisan. Sesi latihan ini dapat memantapkan pemahaman murid lagi serta menambahkan minat terhadap pembelajaran peribahasa Tamil.

Penggunaan aplikasi *Quizlet* ini dipercayai sangat mudah, sesuai dengan teknologi terkini dan yang paling penting, tidak memerlukan bimbingan daripada orang lain. Oleh itu, pengguna atau murid murid dapat menjana, belajar, memahami dan mengaplikasi pemahaman peribahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi *Quizlet* ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2.2 Penilaian Modul Peribahasa Tamil Menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi*

Seterusnya, pengkaji akan menggunakan instrumen soal selidik dan borang penilaian untuk menilai modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* ini. Satu kaedah yang dikenali kaedah *Fuzzy Delphi* digunakan untuk mendapatkan kesepakatan pakar untuk modul yang dibangunkan itu. Kaedah bersepakatan ini dilakukan untuk mengesahkan, menilai serta menambahbaik setiap komponen dan elemen dalam modul yang dibangunkan supaya sesuai dengan tujuannya.

Khidmat sebanyak 10 orang penilai digunakan untuk mendapatkan kesepakatan. Antara 10 orang penilai ini, tiga orang penilai ialah pensyarah bahasa Tamil di Institut Pendidikan Guru (IPG) dari Ipoh, Perak, Kuala Lipis, Pahang dan Johor Baharu, Johor. Sementara itu, tujuh orang penilai lain terdiri daripada guru dari SJKT. Antara tujuh orang penilai ini, tiga orang guru itu memegang jawatan sebagai ketua panitia bahasa Tamil, seorang penilai ialah Guru ICT di SJKT yang juga berpengalaman 10 tahun, dua orang lagi ialah guru cemerlang bahasa Tamil dan seorang guru pula pemeriksa kertas UPSR.

3.4.2.3 Kaedah *Fuzzy Delphi*

Pengkaji menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* bagi mendapatkan pandangan dan kesepakatan penilai dalam menentukan objektif, isi kandungan, aktiviti pembelajaran dan bentuk penilaian yang sesuai untuk digunakan dalam modul pembelajaran yang dibangunkan itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah *Fuzzy Delphi* diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch pada tahun 1985 dan kemudiannya dikembangkan oleh Kaufman dan Gufta pada tahun 1998. Kedah ini merupakan kombinasi Teori Set *Fuzzy* dan Teknik *Delphi.* Hal ini menunjukkan bahawa kaedah *Fuzzy Delphi* bukanlah satu teknik baru sebaliknya, satu instrumen yang menambahbaik kaedah *Delphi* yang sedia ada (Mohd Ridhuan Mohd. Jamil, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh, Ahmad Arifin Sapar & Norlidah Alias, 2013).

Pengkaji menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* untuk menilai kesepakatan penilai terhadap modul yang sedang dibangunkan. Data ini terdiri daripada nilai *threshold* bagi setiap item (*d item*), nilai *threshold* konstruk (*d konstruk*) dan kedudukan item berdasarkan kesepakatan pakar. Rajah 3.6 menunjukkan rumusan yang digunakan untuk menganalisis nilai *Threshold.* Nilai ini akan dikira menggunakan Aplikasi Perisian *Microsoft Excel*.

Kaedah *Fuzzy Delphi* itu adalah bersandarkan syarat yang terkandung dalam *triangular fuzzy number* dan *defuzzification process*. Syarat bagi *triangular fuzzy number* adalah melibatkan nilai *threshold* (d) dan peratusan kesepakatan pakar, iaitu nilai *threshold* (d) bagi setiap komponen dan elemen yang diukur mestilah kurang atau sama dengan 0.2 (Chen, 2000; Cheng & Lin, 2002) dan peratusan kesepakatan kumpulan pakar mestilah melebihi atau sama dengan 75.0% (Chu & Hwang, 2008; Murry & Hamsons, 1995). Nilai *threshold* (d) dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel* berpandukan rumusan berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat dua langkah yang perlu dilakukan dalam kaedah *Fuzzy Delphi* ini. Langkah pertama ialah penyediaan borang penilaian bagi 10 orang penilai yang telah ditetapkan seperti di atas. Langkah kedua ialah penggunaan instrumen soal selidik yang turut dijawab oleh 10 orang penilai yang sama. 10 orang penilai ini terdiri daripada pensyarah IPG, guru ICT, pemeriksa kertas soalan UPSR di Lembaga Peperiksaan Malaysia(LPM) dan guru cemerlang serta ketua panitia bahasa Tamil. Proses pengumpulan data daripada penilai yang digunakan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul diterangkan dalam Jadual 3.4

Jadual 3.3

Teknik Pengumpulan Data Pada Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

Fasa	**Teknik pengumpulan data**	**Responden**	**Tujuan**	**Lampiran**
2	Soal selidik	10 orang pakar	Kaedah *Fuzzy Delphi* digunakan untuk mendapatkan kesepakatan pakar bagi modul ini	**D**
	Borang penilaian	Borang Penilaian	Mendapatkan pandangan dan cadangan berkaitan pembinaan modul	**E**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 menunjukkan teknik pengumpulan data yang digunakan pada fasa reka bentuk dan perkembangan modul. Pengkaji menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan kesepakatan pakar dalam pembinaan modul pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemudahcaraan peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Seramai 10 orang pakar terlibat dalam proses ini. Komponen penilaian yang menjadi tumpuan pakar ialah kandungan, bahan pembelajaran dan pedogogi. Aspek kandungan mengandungi tiga komponen, iaitu kesesuaian objektif dengan aktiviti yang dirancang, kemampuan murid mengikuti modul yang dibangunkan dan kesesuaian aras bahasa yang digunakan dalam modul ini.

3.4.3 Fasa 3: Pelaksanaan dan Penilaian Modul

Mengikut rangka model ADDIE, dua proses, iaitu pelaksanaan dan penilaian berlaku semasa fasa ketiga dijalankan. Modul yang sedang dibangunkan melalui proses pelaksanaan dan penilaiannya. Penilaian ini dijalankan sepanjang pembangunan modul supaya modul yang dibangunkan itu lebih berkesan dan dapat diterima oleh semua lapisan pengguna. Borang soal selidik turut diedarkan untuk meneliti sejauh mana murid dapat memahami bahan pembelajaran yang hendak disampaikan serta menentukan sebarang kekurangan atau kelemahan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan dijalankan

Proses penilaian modul ini dapat dijalankan mengikut empat cara. Antara cara yang boleh digunakan ialah penilaian bersama pakar secara bersemuka atau satu sama satu, dalam kumpulan yang kecil (semasa kajian rintis) atau dalam kumpulan yang sebenar (kajian lapangan). Penilaian ini menentukan sejauh mana modul yang telah dibangunkan itu berkesan, menarik, mampu memudahkan PdPc, senang dikendalikan dan membawa kebaikan. Akhir sekali, penilaian, pandangan dan cadangan daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pakar dapat memastikan kesahihan modul (Tessmer,1995). Oleh itu, pengkaji menjalankan penilaian tahap ini dengan menggunakan tiga orang pakar pedagogi bahasa Tamil.

3.4.3.1 Pelaksanaan Modul Peribahasa Tamil

Pelaksanaan modul yang dibangunkan itu dijalakan di SJKT terpilih di Daerah Kuala Muda. Seramai 303 orang murid dipilih secara rawak untuk menjadi responden kajian ini. Terlebih dahulu, pengkaji mendapatkan kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah, pihak sekolah, ibu bapa dan murid yang akan terlibat dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perancangan untuk mendapatkan pandangan dan penilaian pakar dibuat sebelum kajian dijalankan. Penilaian ini merangkumi isi kandungan modul, kandungan bahasa, kesesuaian aras, kemampuan murid mengikuti modul dan aspek pedadogi. Sebanyak 10 orang penilai yang memiliki pelbagai kepakaran dipilih sebagai pakar rujuk untuk mengesahkan modul yang digunakan dalam aplikasi *Quizlet* ini. Pelaksanaan modul ini boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan kecil (kajian rintis), pandangan kumpulan guru dan kumpulan murid selepas penggunaan modul tersebut serta ujian pra dan pos untuk menilai kebolehlaksanaan modul itu.

Aspek kumpulan kecil, iaitu kajian rintis dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar menggunakan modul ini. Kajian rintis dan kajian lapangan tidak melibatkan sekolah yang sama. Hal ini penting untuk menentukan keberkesanan modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berhubung dengan perubahan dibawanya dan menilai sebarang penambah baikan selepas menggunakan modul berasaskan aplikasi *Quizlet*. Pandangan, cadangan dan komen guru serta murid diperoleh melalui kaedah temu bual. Selain itu, ujian pra dan pos dijalankan untuk kelas kawalan dan rawatan untuk membuat perbandingan dan menilai kebolehlaksanaan modul.

Kajian lapangan dijalankan menggunakan modul peribahasa Tamil yang telah dibangunkan. Modul ini digunakan sebagai bahan sokongan untuk mempelajari peribahasa Tamil yang tersenarai dalam DSKP KSSR (SJKT) bahasa Tamil dari Tahun Satu hingga Tahun Lima. Murid dapat menggunakan aplikasi ini dengan mudah dengan bantuan guru masing-masing. Modul juga diserahkan sebagai bahan sokongan. Aplikasi ini memerlukan capaian internet. Selain itu, murid-murid boleh menggunakan aplikasi ini di rumah dengan bantuan ibu bapa. Pendek kata, aplikasi ini dibangunkan dengan tujuan memantapkan pembelajaran kendiri murid -murid.

3.4.3.2 Penilaian Modul Peribahasa Tamil

Modul peribahasa dibina sepenuhnya diuji dan diguna pakai oleh murid-murid untuk menilai kebolehlaksanaan modul tersebut yang dibangunkan berasaskan aplikasi *Quizlet*. Pengkaji menganalisis dan menumpukan perhatian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan modul ini dalam pembelajaran peribahasa Tamil murid-murid SJKT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian terhadap keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan, bahan bantu dan pencapaian objektif serta hasil pembelajaran akan dilakukan. Selepas PdPc, pengkaji mengenal pasti dan mendapatkan maklum balas daripada murid-murid dan guru dengan menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual. Pengkaji juga membuat penilaian terhadap modul yang dibangunkan itu berdasarkan model ADDIE itu dengan menerapkan lima tahap atau unsur aktiviti yang saling berkaitan.

Menurut Sidek & Jamaludin (2005), sebuah modul yang bermutu dan lengkap hanya dapat dikenal pasti setelah diuji kesahihan dan kebolehpercayaannya dijalankan. Menurut Jeffries (2007), penilaian dan semakan setiap aspek, terutamanya objektif perlu dijalankan untuk memastikan kebolehpercayaan modul berada pada tahap yang tertinggi. Dalam kajian ini, pengkaji menguji kesahihan modul *Quizlet* dengan menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual. Jadual 3.4 menunjukkan proses pelaksanaan penilaian modul mengikut tahap penilaian yang ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Pelaksanaan Penilaian Modul Quizlet Mengikut Tahap Penilaian

Tahap Penilaian	Objektif	Responden	Lokasi
Kumpulan kecil (Kajian rintis)	Mendapatkan pandangan dan cadangan murid tentang kebolehlaksanaan modul.	Murid	SJKT
Kajian sebenar (Kajian lapangan)	Mendapatkan pandangan guru dan murid terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*	Guru & Murid	SJKT
Kajian sebenar (Kajian lapangan)	Mengadakan ujian pra dan ujian pos untuk mengetahui kebolehlaksanaan modul bagi kelas kawalan dan rawatan.	Murid	SJKT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3.2.1 Pandangan Guru dan Murid

Temu bual dijalankan dengan guru dan juga murid Tahun Lima untuk mendapatkan pandangan dan cadangan mereka terhadap modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* ini. Seramai seorang guru dan tiga orang murid ditemu bual untuk mengetahui pandangan mereka. Kesemua mereka merupakan pengguna modul peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet* ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3.2.2 Soal Selidik Melibatkan Guru dan Murid

Soal selidik diedarkan kepada pihak guru bahasa Tamil dan juga murid-murid Tahun Lima selepas menggunakan modul ini dalam pembelajaran dan pemudahcaraan mereka. Seramai 10 orang guru dan 30 orang murid menjawab soal selidik ini untuk menilai modul yang digunakan dalam PdPc.

3.4.3.2.3 Ujian Pra dan Ujian Pos

Ujian pra dan ujian pos dijalankan atas 60 orang murid yang menjadi responden dalam kajian ini. Ujian pra dijalankan sebelum kelas rawatan menggunakan modul yang dibangunkan itu, manakala ujian pos pula dijalankan selepas modul peribahasa digunakan di kelas yang sama. Penilaian dalam bentuk ujian dibuat untuk menilai kebolehlaksanaan modul tersebut.

3.5 Persampelan Kajian

Persampelan merupakan aspek yang sangat penting sebelum memulakan kajian. Tidak keterlaluan jika mengatakan bahawa persampelan mempengaruhi keputusan atau *output* sesuatu kajian. Pengkaji perlu menetapkan responden dan jumlah populasi yang digunakan dalam kajiannya. Definisi populasi ialah satu kumpulan manusia yang dikenal pasti memiliki beberapa ciri tertentu yang sama dan seragam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Sutopo (2010), kualiti dan kuantiti sampel sangat mempengaruhi kualiti hasil sesuatu penelitian. Menurut Mohd. Majid Konting (1998), sampel yang dipilih sekurang-kurangnya perlu mempunyai sifat yang sama dengan populasi dalam penyelidikan. Tujuan persampelan adalah untuk mepurataimumkan kos, menjimatkan masa dan tenaga pengkaji semasa membuat penyelidikan. Dalam kajian ini, pengkaji memilih populasi dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di beberapa daerah di negeri Kedah.

Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil tersebut, pengkaji menjuruskan populasi kajiannya kepada murid-murid Tahun Lima sahaja. Sampel itu dipilih berdasarkan *Model Krejcie & Morgan Fillable*. Pengkaji membahagikan sekolah yang dipilih itu mengikut dua peranan, iaitu sebagai perintis dan experimental. Contoh yang dapat menggambarkan situasi ini ialah murid Tahun Lima dari Sekolah A berperanan sebagai perintis manakala murid Tahun Lima dari Sekolah B berperanan sebagai experimental. Selain itu, guru yang yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil di Tahun Lima di sekolah-sekolah ini juga dijadikan responden dalam kajian ini. Hal ini kerana mereka menggunakan modul yang dibangunkan oleh pengkaji dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

3.5.1 Pemilihan Responden Kajian

Responden dalam kajian ini ialah murid-murid Tahun Lima dan guru-guru bahasa Tamil. Responden kajian dibahagikan kepada tiga kelompok utama, iaitu peserta kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fasa analisis keperluan, peserta kajian fasa kajian rintis dan akhir sekali peserta kajian fasa pelaksanaan dan penilaian.

3.5.1.1 Fasa 1: Analisis Keperluan

Pada fasa analisis keperluan, pengkaji memilih populasi dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dari enam daerah di negeri Kedah. Seramai 303 orang murid terlibat dalam soal selidik ini untuk menjawab soalan pertama kajian, iaitu Apakah masalah pembelajaran peribahasa Tamil dalam kalangan murid-murid SJKT? Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik untuk mengenal pasti permasalahan dalam pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, pengkaji memilih sebanyak 185 orang guru dari enam daerah di negeri Kedah sebagai responden untuk menjawab soalan kedua kajian ini, iaitu Apakah keperluan guru terhadap penyediaan modul pembelajaran berasaskan aplikasi *Quizlet*? Responden guru dipilih daripada pelbagai kategori seperti guru bahasa Tamil, Guru Panitia bahasa Tamil dan Guru Kanan bahasa Tamil. Mereka menggunakan instrumen soal selidik untuk menjawab soalan tentang keperluan guru terhadap penyediaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1.2 Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

Selanjutnya, pandangan sepuluh orang penilai pakar digunakan oleh pengkaji untuk menjawab soalan ketiga dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul, iaitu Apakah pandangan pakar dan guru terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul pembelajaran berdasarkan aplikasi *Quizlet*? Penilai pakar ini terdiri daripada tiga orang pensyarah bahasa Tamil dari Institut Pendidikan Guru (IPG) dan tujuh orang pakar lagi ialah guru dari SJKT. Antara tujuh orang pakar ini, tiga orang pakar terdiri daripada Ketua Panitia bahasa Tamil yang berpengalaman melebihi 10 tahun mengajar bahasa Tamil, seorang penilai ialah guru ICT di SJKT yang juga mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun dan seorang lagi pakar ialah pemeriksa kertas UPSR di Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Sementara itu, baki dua orang penilai pakar ini pula terdiri daripada guru cemerlang bahasa Tamil. Pengkaji memilih 10 orang pakar ini untuk mendapatkan pandangan tentang kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

3.5.1.3 Fasa 3: Pelaksanaan dan Penilaian Modul

Pada fasa pelaksanaan dan penilaian modul, pengkaji menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar. Responden untuk kajian rintis melibatkan murid Tahun Lima dari Sekolah A, manakala responden bagi kajian sebenar melibatkan murid Tahun Lima dari Sekolah B. Seramai 30 orang murid akan terlibat dalam kajian rintis dan 60 orang murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pula dalam kajian sebenar, yang menjadikan jumlah keseluruhan responden kajian ini ialah sebanyak 90 orang murid.

Selanjutnya, pengkaji menjalankan penilaian atas modul ini. Penilaian ini berbentuk ujian pra dan ujian pos yang akan melibatkan 60 orang murid Tahun Lima,iaitu 30 orang murid akan berperanan sebagai kelas kawalan dan 30 orang murid pula berperanan sebagai kelas rawatan di sebuah sekolah SJKT. Perbezaan di sini ialah kelas kawalan merupakan kelas yang mengikutio pembelajaran peribahasa Tamil mengikut kaedah tradisional. Kelas rawatan pula merupakan kelas yang menggunakan modul peribahasa sebagai bahan tambahan dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

Ujian pra dijalankan oleh 60 orang murid secara serentak sebelum modul peribahasa digunakan. Markah dikumpulkan untuk menganalisis data. Sejurus selepas itu, modul peribahasa diberikan kepada kelas rawatan sahaja, manakala kelas kawalan menjalankan pembelajaran seperti biasa tanpa modul peribahasa mengikut kaedah tradisional. Selepas beberapa sesi pengajaran menggunakan modul berasaskan aplikasi *Quizlet* dijalankan di kelas rawatan, ujian pos diadakan untuk kesemua murid untuk mendapatkan data berkaitan kebolehlaksanaan modul.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan bukan rawak. Hal ini bertujuan untuk memberi fokus kepada 30 orang murid di kelas rawatan. Pemilihan ini penting kerana dapat menilai perubahan yang berlaku terhadap prestasi dan minat murid sebelum dan selepas menggunakan modul peribahasa ini. Pengkaji memilih SJKT di daerah Kuala Muda sebagai lokasi kajian kerana daerah Kuala Muda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan tempat pengkaji bertugas. Selain menjimatkan kos dan masa, pemilihan SJKT di daerah Kuala Muda juga memudahkan pelaksanaan kajian ini.

3.6 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan cara yang digunakan untuk memperoleh serta mengumpulkan data yang diperlukan dalam sesuatu kajian. Instrumen kajian membantu pengkaji dalam menganalisis serta menentukan hala tuju kajian yang sedang dijalankan.

Menurut Noraini Idris (2010), dalam penyelidikan melibatkan pungutan data, data pula merujuk kepada maklumat yang diperoleh pengkaji tentang sesuatu kajian. Contoh data adalah seperti maklumat demografi, skor ujian, respons kepada soalan penyelidik berdasarkan temu bual atau jawapan bertulis dalam borang soal selidik. Alat-alat yang digunakan dalam pengumpulan data pula dikategorikan sebagai instrumen.

Dalam proses melaksana dan menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah sebagai instrumen kajian. Kaedah tersebut ialah kaedah soal selidik, kaedah penilaian ujian dan kaedah temu bual. Data-data yang dikumpulkan melalui kaedah ini digunakan untuk membantu dan menyokong kajian pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Soal Selidik

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), penggunaan soal selidik merupakan salah satu kaedah yang paling popular dalam kalangan penyelidik kerana mudah ditadbir dengan baik serta data juga senang diproses dan dianalisis. Soal selidik juga digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan amalan, sikap, persepsi dan pandangan serta keterangan latar belakang responden. Menurut Mohd Sheffie Abu Bakar (1999), soal selidik boleh ditadbir dengan cepat, mudah dan meliputi kawasan yang luas di samping mempunyai faedah dari segi kos dan masa.

Instrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian yang sedang dilaksanakan. Ciri-ciri soal selidik yang baik ialah soal selidik yang mempunyai bilangan soalan yang terhad, mudah difahami untuk dijawab, dapat menarik minat, tidak mengelirukan dan mestilah bersifat saksama, iaitu tidak menumpukan jawapan responden untuk mencapai objektif kajian pengkaji semata-mata. Selain itu, ruang yang mencukupi perlu disediakan untuk tujuan merekodkan jawapan responden dan satu bahagian untuk mendapatkan pandangan, komen dan cadangan juga perlu disediakan.

Sehubungan ini, kaedah soal selidik yang digunakan pengkaji merupakan kaedah soal selidik tertutup. Soal selidik bertutup merupakan soalan yang berstruktur dan responden memilih jawapan berdasarkan pilihan yang telah ditetapkan sahaja. Rasional pengkaji memilih soal selidik tertutup adalah untuk memudahkan responden menjawab soalan yang dikemukakan. Masa yang diambil juga lebih singkat dan jawapan yang diperoleh kelak dapat dianalisis dengan lebih mudah dan teratur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Temu bual

Kaedah temu bual merujuk kepada kaedah untuk mendapatkan data yang dikehendaki daripada responden melalui cara lisan. Kaedah temu bual ini memerlukan lebih kemahiran berbanding dengan kaedah soal selidik. Pengkaji memilih kaedah ini kerana pengumpulan data melalui cara lisan lazimnya adalah lebih cepat jika dibandingkan dengan cara bertulis. Selain itu, pengkaji juga dapat menerangkan apa-apa keraguan yang timbul sama ada dari soalan mahupun pilihan respons. Hal ini secara tidak langsung mengurangkan respons yang salah akibat kurang memahami soalan. Selain itu, pengkaji memilih kaedah ini kerana kajiannya mempunyai responden daripada murid Tahun Lima.yang agak muda dan pengkaji juga bimbang jika ada responden yang menghadapi kesulitan dalam pembacaan dan penulisan. Akhirnya, pengkaji berpendapat bahawa kaedah temu bual dapat dijadikan peluang untuk mewujudkan hubungan yang mesra dan akrab antara responden dengan pengkaji.

Instrumen temu bual merupakan kesinambungan kepada soal selidik dalam proses pengumpulan data yang memerlukan jawapan yang lebih tepat dan jitu. Kaedah temu bual boleh dijalankan dengan menggunakan alatan seperti perakam video, perakam audio atau catatan pada kertas. Orang yang ditemu bual itu perlu memaklumkan maklumat berkaiatan dengan pemebalajaran peribahasa Tamil kepada pengkaji ketika temu bual diadakan.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah temu bual separa struktur. Temu bual separa struktur bermaksud pengkaji menyoal responden berdasarkan soalan yang telah disediakan, namun responden juga diberi kelonggaran untuk menyoal soalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut dengan lebih mendalam. Soalan diberi mengikut aras bahasa yang berbeza serta boleh diubah suai dan disusun mengikut pemahaman serta kehendak responden dan situasi semasa.

3.6.3 Ujian Penilaian

Satu lagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian penilaian. Pengkaji menggunakan ujian pra dan ujian pos untuk menilai kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Pengkaji turut menggunakan hipotesis untuk menilai kebolehlaksanaan modul. Menurut Abu Bakar (2007), hipothesis ialah ujian antara dua kumpulan yang berkaitan berdasarkan satu pembolehubah tak bersandar. Tujuan ujian ini adalah untuk menilai perubahan responden terhadap subjek yang sedang dikaji.

Sehubungan ini, pengkaji telah menjalankan ujian pra dan ujian pos. Ujian ini dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu solan objektif dan soalan subjektif. Sebanyak 50 markah diperuntukkan untuk setiap bentuk ujian ini lalu menjadikan markah penuh kepada 100%.

3.6.3.1 Ujian Pra

Ujian pra dijalankan atas 60 orang murid yang terdiri daripada kelas kawalan dan kelas rawatan. Ujian pra dijalankan sebelum murid-murid ini didedahkan modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizle*t. Hal ini kerana ujian ini dijalankan dengan tujuan untuk menilai pengetahuan sedia ada murid murid ini terhadap peribahasa Tamil. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 26 untuk mendapatkan nilai purata dan sisihan piawai.

3.6.3.2 Ujian Pos

Murid-murid dari kelas rawatan kemudiannya didedahkan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Proses ini dilaksanakan selama lapan purataggu dan melibatkan 30 orang murid. Guru Bahasa Tamil memainkan peranan dalam pengenalan serta membantu murid-murid dalam penggunaan modul ini. Pada masa yang sama, murid dari kelas kawalan akan meneruskan pembelajaraan peribahasa Tamil mengikut kaedah tradisional sedia ada. Seramai 30 orang murid turut terlibat dalam proses ini. Data yang dikumpulkan juga dianalisis menggunakan Perisian SPSS Versi 26 untuk mendapatkan nilai purata dan sisihan piawai. Kebolehlaksanaan modul ini diuji berdasarkan hipotesis dibentuk.

3.6.4 Fasa 1: Analisis Keperluan

Pada fasa satu, pengkaji menggunakan instrumen soal selidik yang melibatkan kedua-dua pihak, iaitu guru dan murid untuk menjawab soalan pertama dan kedua kajian ini. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpulkan data berkenaan masalah umum dalam pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT serta menganalisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperluan guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan peribahasa Tamil. Soal selidik untuk menjawab soalan pertama ini melibatkan 303 orang murid dari Tahap Dua. Sementara itu, sebanyak 185 orang guru dari enam daerah di negeri Kedah digunakan untuk mendapatkan jawapan bagi soalan kedua. Instrumen soal selidik diserahkan secara bersemuka kepada pihak guru dan murid yang terlibat itu.

3.6.5 Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

Khidmat sepuluh orang penilai yang memiliki pelbagai kepakaran digunakan untuk menjawab soalan ketiga dan seterusnya membantu dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul. Fasa ini turut menggunakan instrumen soal selidik dan borang penilaian. Di samping itu, kaedah *Fuzzy Delphi* digunakan untuk mencapai kata sepakat antara kesemua penilai ini tentang modul yang sedang dibangunkan ini. Kaedah ini dipilih pengkaji kerana boleh digunakan untuk mengesah, menilai serta menambahbaik atau menolak setiap komponen dan elemen dalam modul yang sedang dibangunkan itu.

3.6.6 Fasa 3: Pelaksanaan dan Penilaian Modul

Pada fasa pelaksanaan dan penilaian modul, kajian sebenar dan kajian rintis dijalankan oleh pengkaji. Instrumen ujian penilaian, temu bual dan soal selidik digunakan. Ujian penilaian melibatkan 60 orang murid. Sesi temu bual pula melibatkan seorang guru dan tiga orang murid manakala instrumen soal selidik melibatkan 30 orang murid dala kajian rintis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan pada fasa ketiga, iaitu fasa pelaksanaan dan penilaian modul. Tujuan utama fasa ini adalah untuk mendapatkan pandangan guru serta murid tentang kebolehlaksanaan modul. Kajian rintis ini dijalankan atas 30 orang murid Tahun Lima dari sekolah lain sebagai persediaan dan pelaksanaan modul ini dalam kajian lapangan. Kajian rintis ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik ini dibina berdasarkan tiga aspek utama, iaitu kandungan modul peribahasa, arahan, kandungan; aspek teknikal dan output modul kepada murid serta aspek peningkatan motivasi murid selepas menggunakan modul peribahasa. Selain menilai kekuatan dan kelemahan modul ini, kajian rintis juga boleh menilai kebolehpercayaan (*reliability*) modul yang berasaskan aplikasi *Quizlet* yang sedang dibangunkan itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk tujuan ini, pengkaji menyediakan salinan modul yang secukupnya, iaitu sebanyak 30 salinan disediakan. Salinan juga dibuat dalam bentuk berwarna agar kelihatan sama seperti modul asal. Selepas itu. instrumen penilaian, iaitu borang soal selidik diedarkan sebaik sahaja pengajaran menggunakan modul peribahasa Tamil tamat. Pengiraan skor soal selidik ini dibuat berdasarkan Skala Likert. Mengikut Skala Likert ini, markah diberi terhadap penyataan responden. Skala markah mengikut tahap persetujuan adalah seperti berikut:.

5 = sangat setuju
4 = setuju
3 = kurang setuju
2 = tidak setuju
1 = sangat tidak setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain sesi pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah, pengkaji juga menyerahkan aplikasi *Quizlet* ini untuk digunakan di rumah. Hal ini untuk menilai tahap pembelajaraan kendiri yang dapat dicapai murid-murid ketika menggunakan aplikasi ini tanpa bantuan guru. Jangka masa sepurataggu diperuntukkan untuk tujuan ini.

Selepas tamat tempoh sepurataggu, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada semua murid untuk mendapatkan maklum balas tentang kebolehlaksanaan modul tersebut. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan Sistem SPSS Versi 26 bagi mendapatkan nilai *Alpha Cronbach.* Pengkaji mendapati nilai *Alpha Cronbach* ialah sebanyak 0.9. Jadual 3.5 menunjukkan maklumat yang digunakan dalam kajian rintis ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Instrumen, Objektif, Responden dan Lokasi dalam Kaedah Analisis Kajian Rintis

Fasa	Instrumen	Objektif	Responden	Lokasi	Kaedah Analisis
3	Soal selidik	Mendapatkan pandangan murid terhadap kebolehlaksanaan modul	30 orang murid	Daerah Kuala Muda	*Alpha Cronbach*

3.8 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, data dikumpulkan mengikut kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data digunakan dalam kajian ini. Data yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikumpulkan dianalisis dan didokumentasi. Kaedah kaedah ini digunakan untuk meneliti sebanyak mungkin dokumen dan bahan bacaan yang berkaitan agar pengkaji dapat lebih banyak maklumat dan gambaran mengenai kajian yang sedang dijalankan.

Data dan fakta yang telah dikumpulkan dianalisis berpandukan tujuan dan objektif kajian yang sedang dijalankan. Pengumpulan data boleh dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu penelitian data yang dikumpulkan, penganalisisan data tersebut dan pembahagian data itu.

Teknik pengumpulan data yang digunakan pengkaji ialah kaedah temu bual, penilaian berbentuk ujian dan penggunaan borang soal selidik. Kaedah temu bual diadakan secara bersemuka dan berseorangan sahaja pada masa tertentu. Pengkaji bertanyakan soalan dan responden diberi pilihan untuk bertanya lebih lanjut tentang soalan tersebut atau terus memberi jawapan mengikut kesesuaian diri sendiri.

Pengkaji menggunakan ujian sebagai medium untuk menilai kebolehlaksanaan modul dari sudut pandangan murid dan guru. Ujian penilaian ini dijalankan sebanyak dua kali, iaitu sebelum guru dan murid diberi pendedahan kepada modul dan selepas pendedahan diberi kepada modul yang sedang dibangunkan. Instrumen soal selidik yang menggunakan soalan tertutup diedarkan kepada responden untuk mendapatkan pandangan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.1 Kaedah Soal Selidik

Responden untuk kajian ini ialah guru-guru matapelajaran bahasa Tamil serta murid Tahun Lima. Pengkaji telah merangka soalan untuk diajukan kepada semua responden. Pengkaji memastikan kesemua responden yang dipilih itu menjawab semua soalan ini secara sukarela tanpa pengaruh pihak luar.

Soalan-soalan dalam soal selidik ini dibina dengan merujuk kepada *Model Watson Glaser Critical Thinking Appraisal* (WGCTA). Pengkaji membentuk dua gagasan daripada Model WGCTA, iaitu gagasan kemahiran penelitian sebab akibat dan gagasan kemahiran penyelesaian masalah. Gagasan penelitian sebab dan akibat ialah aspek interprestasi dan menilai hujah daripada model WGCTA. Gagasan kemahiran penyelesaian masalah ialah aspek inferens, iaitu mengenal pasti andaian dan deduksi digunakan dalam WGCTA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk membina item-item dalam soal selidik ini, pengkaji telah menyediakan dua jenis borang yang berlainan untuk diagihkan kepada dua kumpulan responden kajian yang berbeza. Dua kumpulan reponden tersebut adalah seperti berikut:

1. Kumpulan pertama: Guru-guru yang mengajar modul yang dibina oleh pengkaji.
2. Kumpulan kedua: Murid-murid Tahun Lima yang menjadi responden kajian

Soal selidik yang disediakan pengkaji direka bentuk dalam bentuk tertutup dan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Soal selidik Bahagian A untuk murid-murid mengandungi tiga soalan berkaitan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sosiodemografi seperti jantina, umur dan tahap pendidikan. Soal selidik Bahagian A bagi guru pula mempunyai empat soalan iaitu jantina, umur, darjah dan tempat belajar atau berkhidmat. Bahagian B mengandungi 30 soalan bagi setiap kumpulan pertama dan kumpulan kedua.

Soalan dalam soal selidik ini dibina berdasarkan Model Likert. Hal ini bermaksud maklum balas responden diisi dalam bentuk skala. Skala ini dibuat dalam julat angka satu sehingga lima, iaitu angka satu mewakili jawapan paling purataimum manakala angka lima mewakili jawapan paling maksimum. Pemarkahan melalui skala ini memudahkan pengkaji untuk menilai tahap respons daripada responden. Penerangan Skala Likert adalah seperti berikut dalam Jadual 3.6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6

Skala Mengikut Tahap Respons

Skala (Markah)	Tahap Respons
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Kurang setuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Responden akan menanda simbol / pada ruang yang disediakan mengikut respons yang sesuai mengikut kehendak masing masing (sila rujuk lampiran yang disediakan untuk melihat contoh soalan soal selidik). Dalam kajian ini, pengkaji mengguna pakai item-item soal selidik yang diubah suai mengikut kehendak subskala. Item-item dalam soal selidik diubah suai ini daripada kajian Prinsip Amalan Terbaik Pengajaran Berpusatkan Pelajar oleh Zemelman (2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.2 Kaedah Temu bual

Dalam kaedah ini, pengkaji mengajukan soalan secara lisan kepada responden bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data tentang kajian yang sedang dijalankan. Responden dalam konteks ini merujuk kepada guru-guru yang mengajar bahasa Tamil dan murid-murid Tahun Lima yang dipilih. Temu bual jenis separa struktur digunakan dalam kajian ini. Pengkaji membahagikan responden kepada dua kumpulan iaitu:

1 Kumpulan pertama: Guru yang mengajar modul yang dibina oleh pengkaji

2 Kumpulan kedua: Murid-murid Tahun Lima yang menjadi responden kajian

Pengkaji menyediakan soalan yang digunakan semasa kaedah temu bual ini untuk mendapatkan maklumat yang relevan serta berguna. Maklumat yang dikumpulkan dijadikan data untuk kajian ini. Sesi temu bual ini juga dirakam sebagai bukti bahan kajian selepas mendapat persetujuan responden.

Salah satu kebaikan kaedah temubual ialah pengkaji boleh mengubah suai aras soalan dan bahasa mengikut kehendak situasi semasa dan faktor responden. Pengkaji juga ada mengamalkan sikap longgar dengan mengubah suai soalan berdasarkan respons daripada responden berkenaan kajian yang sedang dijalankan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.3 Kaedah Penilaian (Ujian)

Kaedah penilaian formalitif merujuk kepada kaedah ujian yang dijalankan oleh semua responden dalam kajian ini. Ujian ini dibahagikan kepada dua jenis, iaitu ujian pra dan ujian pos. Terdapat dua kumpulan yang menjalani ujian tersebut, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan ialah kumpulan yang menggunakan kaedah tradisional dalam pembelajaran peribahasa Tamil, manakala kumpulan rawatan pula kumpualan yang menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Pengkaji menyediakan dua bentuk ujian, iaitu soalan objektif dan soalan subjektif. Setiap jenis soalan mempunyai lima aspek yang diuji. Lima aspek tersebut adalah menulis maksud peribahasa Tamil, menulis dan melengkapkan rangkap peribahasa Tamil, mengisi tempat kosong, memilih peribahasa Tamil yang betul mengikut situasi yang diberikan dan menulis peribahasa Tamil berdasarkan gambar dan dialog yang diberikan.


Pengkaji menganalisis data yang diperoleh dengan menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual. Teknik fotografi dan perakam audio juga digunakan sebagai bahan bukti. Terdapat dua peringkat dalam penganalisisan data, iaitu perekodan data dan analisis deskriptif. Pada peringkat perekodan data, sistem SPSS versi 26.0 seperti tertera pada Rajah 3.5 sebagai formula analisis akan digunakan, manakala pada peringkat kedua data akan dianalisis, dikaji dan dinilai untuk mendapatkan tahap keberkesanan penggunaan teknik aplikasi *Quizlet* dalam modul pembelajaran peribahasa Tamil untuk murid-murid Tahun Lima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.3.1 Prosedur Analisis Data Ujian Pra dan Ujian Pos

Pengkaji menganlisis data kajian dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 26.0. Pengkaji memilih perisian SPSS kerana kaedah ini lebih mudah untuk mengira dan dapat menjimatkan masa. Dalam segmen pengujian hipotesis, pengkaji menggunakan ujian-t pengukuran berulangan (*Paired Sample t-Test*) untuk menguji ketiga-tiga hipotesis kajian. Dalam ujian-t ini, setiap responden diukur sebanyak dua kali untuk melihat perbezaan dari segi skor pencapaian, iaitu skor dalam ujian pra dan ujian pos. Langkah-langkah menganalisis data ujian-t untuk menguji hipotesis berdasarkan ujian pra dan ujian pos adalah seperti tertera dalam Rajah 3.5



Rajah 3.5. Langkah-langkah menganalisis data dalam Ujian-t.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua tiga hipotesis dalam kajian ini diuji mengikut aras nilai signifikan 0.05. Sekiranya. nilai signifikan ini ialah lebih kecil daripada daripada 0.05 ($p<0.05$), hipotesis nul diterima. Nilai ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua ujian selepas murid dalam kumpulan rawatan didedahkan kepada modul peribhasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet* itu. Data hipotesis ini diuji dengan menggunakan aplikasi ujian-t untuk membandingkan data kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

3.9 Fasa 1: Analisis Keperluan

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dalam kajian yang dijalankan. Berikut ialah skor penilaian mengikut skala Likert. Jadual 3.7 menunjukkan pengiraan skor mengikut skala Likert. Jadual 3.8 pula menunjukkan jadual skor interprestasi purata selepas datanya dikira dalam sistem SPSS versi 26.

3.9.1 Kaedah Soal Selidik

Data dalam borang soal selidik dinilai mengikut skor dalam Skala Likert. Terdapat lima julat yang digunakan untuk menilai respons yang telah diterima. Julat tersebut adalah seperti di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Pengiraan Skor Berdasarkan Skala (Likert)

Skor purata	Interprestasi
5	Sangat setuju
4	Setuju
3	Kurang setuju
2	Tidak setuju
1	Sangat tidak setuju

Data yang diperoleh daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan SPSS versi 26 dengan menggunakan statistik deskriptif. Penggunaan nilai purata ialah kaedah yang digunakan secara meluas untuk menggambarkan respons kesemua peserta kajian terhadap item dalam sesuatu instrumen (Creswell, 2008). Bagi tujuan mengenal pasti amalan pembelajaran peribahasa Tamil dalam kalangan murid SJKT berasaskan aplikasi *Quizlet*, pengkaji menggunakan interpretasi skor purata yang telah dirumuskan oleh Levin dan Rubin (2000) seperti dalam Jadual 3.7 berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.8

Pengiraan Skor Purata Berdasarkan Skala (Likert)

Skor Purata	Interprestasi
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

3.9.2 Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

Pengkaji menggunakan data daripada soal selidik dan borang penilaian pada fasa dua ini. Data dalam instrument soal selidik diinterprestasi dengan menggunakan teknik *Fuzzy Delphi.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.2.1 Fuzzy Delphi

Pengkaji menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* untuk menilai kesepakatan penilai terhadap modul yang dibangunkan untuk mengenal pasti, menilai dan mengesahkan kesemua komponen utama dan elemen-elemen yang terkandungnya berdasarkan tiga syarat kesepakatan pakar berdasarkan nilai *threshold (d),* peratus kesepakatan pakar dan nilai skor *Fuzzy* (A). Rumusan di bawah ini digunakan untuk menganalisis nilai *threshold*. Nilai ini ditentukan dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel*.

$$d(\tilde{m},\tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3}\left[(m_1-n_1)^2+(m_2-n_2)^2+(m_3-n_3)^2\right]}.$$

3.9.3 Fasa 3: Pelaksanaan dan Penilaian Modul

Pengkaji menggunakan kaedah ujian untuk menilai kebolehlaksanaan modul dalam kalangan murid-murid Tahun Lima. Kaedah ini digunakan dalam fasa tiga ini, iaitu Fasa Pelaksanaan dan Penilaian Modul.

3.9.3.1 Kaedah Penilaian

Pengkaji mengadakan ujian sebagai kaedah penilaian. Markah yang diperoleh daripada ujian tersebut dijadikan sandaran serta penentuan analisis dan kelayakan murid tersebut. Pengkaji menggunakan agihan pemarkahan seperti yang dinyatakan oleh KPM. Jadual 3.8 menunjukkan agihan markah mengikut tahap pencapaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.9

Tahap Pencapaian Dikira Berdasarkan Markah

Gred	Markah	Analisis	Kelayakan
A	85 - 100	Cemerlang	Lulus
B	70 - 84	Sangat Baik	Lulus
C	60 - 69	Baik	Lulus
D	50 - 59	Memuaskan	Lulus
E	40-49	Lemah	Lulus
F	0 - 39	Sangat Lemah	Gagal

(Diadaptasi dan dimodifikasi daripada Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015)

3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Salkind (2006), kebolehpercayaan sesuatu data dapat dibuktikan apabila ujian yang digunakan untuk mengukur data tersebut dapat menghasilkan keputusan yang sama walaupun diulang beberapa kali di bawah faktor kawalan yang sama.

Sekaran (2003) menggunakan nombor untuk mengaitkan aspek kebolehpercayaan. Beliau menjelaskan bahawa kebolehpercayaan yang kurang daripada nilai 0.61 dikelaskan sebagai lemah, 0.61 sehingga 0.79 dikelaskan sebagai boleh diterima, manakala nilai 0.8 dianggap memiliki kebolehpercayaan tinggi. Kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen amat penting untuk membuktikan ketepatan dan ketekalan data dalam mana-mana dapatan kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan tiga jenis instrumen, iaitu soal selidik, ujian penilaian dan senarai semak temu bual. Setiap instrumen ini disemak dan disahkan oleh tiga orang pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10.1 Kesahan Instrumen

Pengkaji menggunakan kaedah triangulasi pakar untuk mendapatkan kesahan dalaman. Kesahan dalaman ini penting untuk memastikan instrumen yang digunakan dalam kajian sepadan dan sesuai untuk digunakan dalam keadaan sebenar (Merriam, 2001). Pengkaji telah mendapatkan kesahan konstruk dan kandungan seperti yang dicadangkan oleh Othman (2014) untuk mendapatkan kesahan dalaman bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

Menurut Franenkel & Wallen (1993), sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji perlu menjalankan kajian rintis terlebih dahulu. Hal ini untuk menguji dan menilai keberkesanan instrumen kajian serta memperbaiki dan meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian tersebut.

Sehubungan ini, pengkaji telah mengadakan perbincangan dengan tiga orang penilai pakar untuk memperoleh kesahan dalaman instrumen soal selidik dan kertas penilaian yang digunakan oleh pengkaji. Demi melakukan penilaian kesahan kandungan, pengkaji mengadakan perbincngan dengan tiga orang pakar akademik bahasa dari IPG Temenggung Ibrahim, IPG Ipoh dan IPG Tengku Ampuan Afzan supaya bahasa yang digunakan dalam modul adalah sangat mudah difahami dan sesuai digunakan oleh pengkaji dan peserta kajian sewaktu melaksanakan kajian ini.

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen untuk mendapatkan maklum balas daripada peserta. Peserta memberi pandangan melalui instrumen dengan menandakan ‘setuju’ sekiranya item yang dinyatakan mencapai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

objektif kajian dan 'tidak setuju' sekiranya mereka tidak dapat mengukur pencapaian atau tidak menjawab soalan kajian. Selepas mendapat kembali kesemua maklum balas daripada peserta dan penilai, pengkaji menguji dan menilai kesahan semua instrumen dengan mengaplikasikan kaedah pekali korelasi seperti dalam Jadual 3.9 dengan menggunakan sistem SPSS versi 26.0.

Jadual 3.10

Nilai Pekali Korelasi

Saiz Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
0.81 -1.00	Sangat Kuat
0.51 – 0.80	Kuat
0.31 – 0.50	Sederhana
0.21 – 0.30	Lemah
0.01 – 0.20	Sangat Lemah

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian Hussain dan Shiratuddin (2016), nilai 0.3 adalah dianggarkan sebagai nilai pekali korelasi yang purataimum dan boleh diterima pakai bagi kesahan sesuatu instrumen. Sehubungan itu, nilai pekali korelasi yang dijanakan bagi keseluruhan item kajian ini dilampirkan dalam Lampiran F.

3.10.2 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan merupakan segmen terpenting dalam pembangunan skala. Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan atau kestabilan keputusan pentaksiran. Ini bermakna seseorang individu itu tetap mendapat skor keputusan yang sama daripada sesuatu instrumen seandainya kebolehan individu itu adalah tekal yang hendak diukur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itu tidak berubah walaupun diukur beberapa kali dengan menggunankan instrumen yang sama (Lee Abdullah & Wei, 2017).

Konsep pengukuran kebolehpercayaan dalam kajian yang berasaskan penggunaan soal selidik direka untuk menguji kelompok soal selidik melalui kajian rintis (*pilot test*) yang merupakan satu ujian skala kecil. Kajian rintis merupakan ujian permulaan percubaan sebelum item-item ujian daripada ujian sebenar dikenakan pada sampel sebenar. Tujuan pelaksanaan kajian rintis adalah bagi memperoleh ketelusan data dari sudut objektif, paras, kefahaman dan kebolehgunaan serta arahan item penyelidikan (Darusalam, 2005).

Justeru, dalam kajian ini, pekali kebolehpercayaan instrumen kajian adalah ditentukan berdasarkan aplikasi Cronbach Alpha atau pekali alfa. Cronbach Alpha diaplikasikan terhadap konstruk-konstruk soal selidik yang menggunakan skala Likert 5. Dalam kajian ini, kaedah Cronbach Alpha menilai kesemua konstruk dalam instrumen kajian dengan menggunakan SPSS versi 26.0 (Statistical Package for Social Science). Berdasarkan analisis Cronbach Alpha, item-item kajian rintis yang menunjukkan nilai tahap rendah disingkirkan.

Nilai Cronbach Alpha yang melebihi 0.7 adalah dianggap bahawa item kajian berkenaan boleh diterima. Sehubungan itu, nilai Cronbach Alpha yang dijanakan bagi keseluruhan item kajian ini adalah 0.881 seperti yang dilampirkan dalam Lampiran G.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11 Etika Pelaksanaan Kajian

Kepentingan etika dalam pelaksanaan sesuatu kajian tidak dapat dipertikaikan, terutamanya kajian melibatkan bidang akademik atau lapangan. Oleh itu, pengkaji telah merujuk Kod Etika berdasarkan Piawaian Etika Penyelidikan Pendidikan Amerika atau *The American Educational Research Association* (AERA) (2011) agar memastikan etika ini dipatuhi sepenuhnya sepanjang kajian ini. Oleh itu, setiap individu yang terlibat dalam kajian ini dilayan dengan penuh hormat dan kajian cuma dilaksanakan selepas mendapat persetujuan individu tersebut. Sebarang maklumat dan data peribadi individu tersebut juga tidak didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga yang tidak berkepentingan dalam kajian ini.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Sebelum kajian dijalankan, pengkaji telah menyempurnakan semua prosedur seperti telah ditetapkan oleh institute berkenaan. Pengkaji telah mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian lapangan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM, pihak pentadbiran sekolah, ibu bapa serta penjaga murid-murid yang terlibat dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan prinsip dan tatacara yang dicadangkan oleh Othman (2014) semasa menjalankan kajian ini. Antara prinsip dan tatacara adalah seperti berikut:

i. Kesamaan status

Kesemua peserta yang terlibat dalam kajian ini dimaklumkan tentang tatacara dan tujuan kajian ini dijalankan. Peranan setiap peserta juga telah ditekankan oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta juga diberi peluang untuk bertanya dan mendapat tahu sebarang maklumat berkaitan dengan kajian ini secara terus daripada pengkaji.

ii. Ketelusan

Instrumen yang dihasilkan oleh pengkaji dinilai oleh tiga penilai pakar. Ketiga-tiga pakar diberi ruang dan peluang yang sama untuk menilai serta bebas memberi komen yang dirasakan perlu. Penilaian ini juga dibuat secara terbuka dan sebarang maklum balas daripada penilai ini amat dihargai pengkaji dan diambil tindakan sewajarnya. Semua maklumat sulit juga dirahsiakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Kebebasan

Pihak penilai dan pengkaji mempunyai kedudukan seimbang dalam menilai data supaya tiada unsur bias dalam dapatan kajian. Kedua-dua pihak tidak mempunyai hak capaian istimewa terhadap data yang diperoleh.

iii. Keadilan

Kesemua individu yang terlibat dalam kajian ini diberi layanan sama rata dan adil mengikut peranan masing-masing. Individu ini juga bebas daripada sebarang tekanan dan pengaruh unsur luar yang boleh mempengaruhi kajian ini dari mana-mana sudut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Perundingan

Rundingan tentang kajian dijalankan melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan akses terhadap data, ruang lingkup kajian dan dapatan kajian. Semua pihak diberi peluang dalam proses ini dan sesi rundingan diadakan secara menyeluruh.

v. Kerahsiaan

Surat kebenaran rasmi diberikan kepada pihak sekolah dan semua peserta kajian ini. Maklumat peribadi dan hasil penilaian seperti komen, cadangan atau dapatan setiap individu yang terlibat dalam kajian ini dirahsiakan. Segala data yang dirakam dan direkodkan tidak digunakan untuk tujuan lain selain daripada kajian ini sahaja.

vi. Akauntabiliti

Pengkaji bertanggungjawab sepenuh terhadap semua data yang diperoleh daripada pihak yang terlibat dalam kajian ini. Pengkaji memastikan tatacara dan etika yang dinyatakan dituruti dan dihormati sepenuhnya tanpa sebarang prejudis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.12 Kesimpulan

Secara ringkasnya, pengkaji menggunakan pendekatan analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian untuk menghasilkan sebuah modul pembelajaran peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet* yang menekankan penggunaan teknologi dan memenuhi kehendak PAK21. Selain itu, pengkaji turut menerapkan hukum dan prinsip Teori Pembelajaran Aktif, Teori Pembelajaran Koneksionisme Thorndike dan Teori Pembelajaran Vygotsky yang memandu kajian ini agar modul pembelajaran peribahasa Tamil yang dipilh dan dihasilkan itu menggalakkan pembelajaran kendiri, memotivasikan dan melahirkan pelajar untuk mengikuti pembelajaran dan mencetuskan pemikiran kritis. Pengkaji turut menggunakan kaedah campuran, iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan data yang relevan untuk kajiannya. Tambahan pula, Model ADDIE digunakan untuk membangunkan modul pembelajaran ini.

Sehubungan ini, proses pembinaan modul pembelajaran peribahasa Tamil ini melalui tiga fasa. Fasa pertama ialah fasa menganalisis keperluan guru dan murid berdasarkan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik dan temu bual. Seterusnya, pada fasa kedua, iaitu reka bentuk dan pembangunan pula melibatkan pengaplikasian Kaedah *Fuzzy Delphi*. Di samping itu, Model ADDIE turut memandu reka bentuk dan pembangunan modul ini. Akhir sekali, fasa ketiga pula ialah fasa pelaksanaan dan penilaian modul yang dibangunkan itu. Penilaian aspek kebolehgunaan dan keberkesanan modul pembelajaran peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet* ini turut dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang dapatan kajian mengikut fasa, iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan modul serta fasa pelaksanaan dan penilaian modul. Pengkaji menganalisis data berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada instrumen kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah Ujian Tahap Penguasaan Peribahasa Tamil, temu bual separa struktur, soal selidik dan borang pengesahan instrumen kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Latar Belakang Responden Murid

Dalam analisis diskriptif ini, pengkaji menumpu kepada tiga aspek iaitu taburan daerah, jantina dan umur murid. Perkara ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat awal mengenai latar belakang responden iaitu murid yang akan terlibat bagi soalan kajian yang pertama. Seramai 303 orang murid menjadi responden dalam soal selidik ini. Bilangan jantina dan umur murid tidak ditetapkan kerana murid yang dipilih dalam soal selidik ini adalah secara sukarela sahaja.

Jadual 4.1

Maklumat Perincian Peribadi Murid

Maklumat Peribadi	Kekerapan	Peratusan (%)
Daerah		
Alor Setar	5	1.6
Kulim	52	17.2
Kuala Muda	139	45.9
Bandar Baharu	50	16.5
Baling	52	17.2
Langkawi	5	1.6
Jantina		
Perempuan	135	44.6
Lelaki	168	55.4
Umur		
10 tahun	66	21.8
11tahun	125	41.3
12 tahun	112	36.9

Jadual 4.1 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut daerah bagi masalah dalam pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT. Taburan ini menunjukkan kekerapan dalam enam daerah di negeri Kedah. Daerah Kuala Muda menunjukkan kekerapan yang paling tinggi, iaitu seramai 139 orang murid, bersamaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

45.9%. Daerah Baling dan daerah Kulim mencatatkan penglibatan sebanyak 52 orang murid (17.2%). Sebanyak 50 orang murid (16.5%) dari daerah Bandar Baharu dan lima orang murid (1.6%) masing-masing dari daerah Alor Setar dan Langkawi turut terlibat dalam kajian ini. Penglibatan keseluruhan bagi soal selidik ini adalah sebanyak 303 orang murid.

Seterusnya jadual menunjukkan taburan kekerapan dan peratus responden mengikut jantina. Murid lelaki mencatatakan sebanyak 168 orang murid (55.4%) manakala murid perempuan mencatatkan sebanyak 135 orang murid (44.6%).

Seterusnya jadual menunjukkan kekerapan dan peratus responden mengikut umur. Kategori umur 11 tahun mencatatkan bilangan responden tertinggi dimana 125 orang murid yang terlibat dalam kajian ini berumur 11 tahun. (41.3%). Kategori umur 12 tahun mempunyai seramai 112 orang murid (36.9%) dan diikuti oleh kategori umur 10 tahun sebanyak 66 orang murid (21.8%). Kategori umur tidak ditetapkan kerana responden diambil secara rawak di kalangan murid yang ingin mengambil bahagian dalam kajian ini sahaja.

4.3 Latar Belakang Responden Guru

Responden guru digunakan bagi menjawab soalan kajian kedua dan ketiga. Bagi soalan kajian kedua, pengkaji ingin mengenal pasti keperluan guru dalam penyediaan modul pembelajaran peribahasa Tamil manakala bagi soalan kajian ketiga, pengkaji ingin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapatkan pandangan guru dan pakar berkenaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

4.3.1 Latar Belakang Responden bagi Analisis Keperluan Guru

Dalam analisis diskriptif ini pengkaji menumpu kepada taburan daerah, jantina, umur, kelulusan ikhtisas, bidang pengkhususan dan kelas yang diajar oleh para guru. Perkara ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat awal mengenai latar belakang responden guru yang terlibat bagi soalan kajian pertama. Seramai 185 orang guru menjadi responden dalam soal selidik ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden bagi Analisis Keperluan Guru

Maklumat Peribadi	Kekerapan	Peratus
Daerah		
Kuala Muda	69	37.4
Baling	27	14.6
Alor Setar	18	9.7
Kulim	42	22.7
Langkawi	2	1.0
Bandar Baharu	27	14.6
Jantina		
Lelaki	68	36.8
Perempuan	117	63.2
Umur		
21-30	17	9.2
31- 40	37	20.0
41-50	72	38.9
51-60	59	31.9

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

Maklumat Peribadi	Kekerapan	Peratus
Kelulusan Ikhtisas		
Diploma	8	4.3
Ijazah Sarjana Muda	165	89.2
Ijazah Sarjana	12	6.5
Bidang Pengkhususan		
Bahasa Tamil	112	60.5
Bahasa Melayu	2	1.1
Bahasa Inggeris	0	0.0
Matematik	33	17.9
Sains	20	10.8
Pendidikan Jasmani	2	1.1
Pendidikan seni visual	6	3.2
Lain-lain	10	5.4
Kelas Mengajar		
Tahun 1	5	2.7%
Tahun 2	17	9.2%
Tahun 3	29	15.7%
Tahun 4	31	16.8%
Tahun 5	63	34.0%
Tahun 6	40	21.6%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 menunjukkan responden guru yang terlibat dalam kajian ini diperolehi dari enam daerah di Negeri Kedah. Daerah Kuala Muda mencatatkan bilangan responden tertinggi iaitu sebanyak 69 orang guru (37.4%), diikuti oleh Daerah Kulim sebanyak 42 orang guru (22.7%). Daerah Baling dan daerah Bandar Baharu mencatatkan penglibatan sebanyak 27 orang guru masing-masing (14.6%). Daerah Alor Setar dan Daerah Langkawi pula mencatatkan 18(9.7%) dan dua orang guru (1.0%) masing-masing. Keseluruhannya, seramai 185 orang guru terlibat dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual ini juga menunjukkan taburan kekerapan dan peratus responden mengikut jantina. Responden perempuan mencatatkan sebanyak 117 orang guru iaitu bersamaan dengan 63.2% manakala responden lelaki mencatatkan sebanyak 68 orang guru (36.8%).

Seterusnya jadual ini menunjukkan julat umur 41- 50 mencatatkan bilangan responden tertinggi iaitu sebanyak 72 orang guru. (38.9%). Berikutnya adalah julat umur 51 – 60 tahun dimana 59 orang guru (31.9%) berada dalam julat umur ini. Seterusnya adalah julat umur 31- 40 tahun, dimana 37 orang guru (20.0%) berada dalam julat ini dan akhir sekali julat umur 21-30 tahun yang mencatatkan 17 orang guru (9.2%).

Aspek seterusnya kekerapan bagi tahap kelulusan ikhtisas guru–guru. Seramai lapan orang guru (4.3%) berkelulusan diploma, 165 orang guru (89.2%) berkelulusan ijazah sarjana muda manakala seramai 12 orang guru (6.5%) berkelulusan ijazah sarjana.

Jadual 4.8 menunjukkan bidang pengkhususan responden dimana bilangan orang guru yang mempunyai bidang pengkhususan Tamil mencatatkan 112 orang guru (60.5%), diikuti oleh pengkhususan Matematik dan Sains sebanyak 33 (17.9%) dan 20 (10.8%) orang guru masing masing. Seterusnya pengkhususan bidang lain-lain mencatatkan 10 orang guru (5.4%). Pendidikan Seni Visual mencatatkan enam orang guru (3.2%) dan akhir sekali, pengkhususan Bahasa Melayu dan Pendidikan Jasmani mencatatkan dua orang guru (1.1%) masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, jadual ini menunjukkan taburan kekerapan bagi bilangan guru berdasarkan kelas yang diajar. Guru yang mengajar Tahun Lima menunjukkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 63 orang atau 34%. Kekerapan tertinggi berikutnya adalah Tahun Enam, sebanyak 40 orang guru (21.6%). Responden guru yang mengajar Tahun Empat dan Tahun Tiga mencatatkan 31 (16.8%) dan 29 (15.7%) orang guru masing masing. Akhir sekali, guru yang mengajar Tahun Satu mencatatkan lima orang guru (2.7%).

4.3.2 Latar Belakang Responden Bagi Kesepakatan Pakar

Kajian ini melibatkan 10 orang penilai pakar dimana tiga orang pakar terdiri daripada tiga pensyarah bahasa Tamil di Institut Pendidikan Guru dari Ipoh, Institut Pendidikan Guru dari Johor dan Institut Pendidikan Guru dari Kuala Lipis.

Selebihnya tujuh orang pakar lagi terdiri daripada guru yang mengajar di SJKT. Daripada tujuh orang guru ini, tiga orang guru merupakan guru yang berpengalaman yang mengajar bahasa Tamil melebihi 10 tahun. Dua lagi pakar merupakan Guru Cemerlang bahasa Tamil manakala baki dua orang pakar terakhir terdiri daripada guru ICT dan guru pemeriksa kertas UPSR. Pengkaji memilih kesemua penilai ini berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang masing-masing. Kesemua maklumat ini digambarkan dalam dua jadual, iaitu Jadual 4.10 yang menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut jantina dan taraf pendidikan dan Jadual 4.11 yang menunjukkan maklumat perincian pakar yang terlibat dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2.1 Jantina dan Taraf Pendidikan

Jadual 4.3 menunjukkan perbandingan antara jantina dan taraf pendidikan penilai pakar. Dari 10 penilai pakar yang terlibat dalam kajian ini, tujuh (70%) orang penilai pakar merupakan perempuan manakala selebihnya tiga (30%) orang penilai pakar adalah lelaki. Jika dilihat dari segi taraf pendidikan, majoriti penilai berkelulusan Sarjana Muda iaitu sebanyak tujuh (70%) orang. Bakinya seramai tiga (30%) orang penilai merupakan pemegang ijazah kedoktoran.

Jadual 4.3

Taburan Kekerapan Responden Mengikut Jantina dan Taraf Pendidikan

	Jantina		**Taraf Pendidikan**			
Bidang Kepakaran	**Lelaki**	**Perempuan**	**Diploma**	**Sarjana Muda**	**Sarjana**	**Kedoktoran**
Kesusasteraan Tamil		1		1		
Pendidikan Bahasa Tamil	1	4		2		3
Pemeriksa kertas		1		1		
Guru ICT	1			1		
Guru cemerlang	1	1		2		
Jumlah	10		10			

4.3.2.2 Maklumat Terperinci Pakar

Jadual 4.4 menunjukkan rumusan antara pengalaman penilai pakar dan tempat bertugas terkini. Tiga orang penilai pakar mempunyai 95 tahun pengalaman di antara mereka dan masing masing berkhidmat di IPG Kuala Lipis, IPG Ipoh dan IPG Johor. Bakinya seramai tujuh orang penilai mempunyai pengalaman antara 15 sehingga 24 tahun. Kesemua mereka kini mengajar di SJKT. Pengkaji ingin menekankan pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilai pakar sebagai satu kelebihan dalam memastikan modul yang bakal dihasilkan berkualiti dan sangat relevan untuk digunapakai oleh guru pada masa akan datang.

Jadual 4.4

Maklumat Terperinci Pakar

Pakar	Kepakaran	Pengalaman	Tempat Berkhidmat
Pakar 1	Ketua Jabatan Bahasa	34 Tahun	IPG Kuala Lipis
Pakar 2	Pensyarah Bahasa Tamil	30 Tahun	IPG Ipoh
Pakar 3	Pensyarah Bahasa Tamil	31 Tahun	IPG Johor
Pakar 4	Pemeriksa Kertas UPSR	18 Tahun	SJKT
Pakar 5	Guru Cemerlang	15 Tahun	SJKT
Pakar 6	Guru Cemerlang	16 Tahun	SJKT
Pakar 7	Guru ICT	16 Tahun	SJKT
Pakar 8	Ketua panitia bahasa Tamil	19 Tahun	SJKT
Pakar 9	Ketua panitia bahasa Tamil	24 Tahun	SJKT
Pakar 10	Ketua panitia bahasa Tamil	20 Tahun	SJKT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Dapatan Kajian

Analisis data ini dibuat berdasarkan kepada lima persoalan kajian. Huraian analisis dapatan kajian dibahagi kepada beberapa bahagian iaitu analisis masalah yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran peribahasa, analisis keperluan guru terhadap penyediaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet,* dapatan komponen utama modul berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan *Fuzzy Delphi***,** dapatan guru dan murid selepas menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* serta kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, pengkaji telah menganalisis data yang diperolehi dengan menggunakan SPSS Versi 26. Semua data yang diperolehi daripada responden telah direkodkan dan dipaparkan dalam bentuk jadual. Bagi menganalisis nilai peringkat tahap kepada soal selidik ini, tahap purata dirujuk dari sumber Levin dan Rubin (2000).

4.5 Soalan Kajian 1: Analisis Masalah yang Dihadapi oleh Murid dalam Pembelajaran Peribahasa Tamil

Analisis soal selidik ini dijalankan bagi mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah masing-masing. Kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang dinamakan bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A menumpukan kepada teknik atau pendekatan pengajaran yang digunakan di sekolah masing masing manakala bahagian B menekankan kepada implikasi terhadap pendekatan tersebut. Bahagian C bertujuan untuk mengenal pasti halangan yang timbul semasa pembelajaran peribahasa Tamil. Setiap bahagian ini terdiri daripada 10 soalan, menjadikan jumlah soalan bagi soal selidik ini sebanyak 30 soalan.

Selepas mendapat maklumbalas dari murid, pengkaji menganalisis kesemua data yang diperolehi mengikut purata dan sisihan piawai. Untuk makluman, sebanyak 303 orang murid terlibat dalam soal selidik ini. Pengkaji menggunakan langkah ini untuk mendapatkan data yang tepat tentang permasalahan yang dihadapi murid. Pengkaji telah berusaha agar data yang diperolehi menunjukkan gambaran sebenar yang dihadapi murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada semua data ini, pengkaji dapat merumuskan permasalahan dalam pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT di kalangan murid-murid. Kajian soal selidik ini amat penting bagi mengenai masalah murid dan keperluan murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT.

Pengkaji mempamerkan penemuan soal selidik dalam tiga jadual yang berlainan. Jadual 4.5 menunjukkan teknik atau pendekatan yang diamalkan di sekolah manakala jadual 4.6 menunjukkan implikasi pendekatan tersebut. Jadual 4.7 menunjukkan halangan yang dihadapi oleh murid-murid semasa mempelajari peribahasa Tamil.

Jadual 4.5 ialah hasil dapatan kajian bagi teknik atau pendekatan yang diamalkan. Dua item mencatatkan bacaan nilai purata tertinggi iaitu sebanyak 4.63 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.74. Item yang mencatatkan bacaan ini merujuk kepada penggunaan pendekatan hafalan dalam pembelajaran peribahasa Tamil serta penggunaan permainan dalam dan luar kelas dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Kedua-dua item ini mendapat bacaan tertinggi kerana guru-guru masih mengamalkan pendekatan pembelajaran tradisional. Hal ini jelaskan bahawa pendekatan tradisional dan permainan bahasa masih diamalkan dalam pembelajaran peribahasan. Namun, pendekatan ini kurang berupaya untuk meningkatkan minat dan tahap kefahaman murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

Seterusnya nilai purata terendah yang dicatatkan dalam bahagian ini adalah item sepuluh, iaitu kebebasan mutlak yang diperolehi murid dalam mencipta karya atau persembahan berkaitan peribahasa Tamil. Hal ini kerana pendekatan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang tidak berpusatkan murid menjadikan murid-murid tidak mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Item ini mendapat nilai purata 2.80 dengan bacaan sisihan piawai 0.92. Secara keseluruhannya, nilai purata bahagian A adalah sebanyak 3.69 dengan bacaan sisihan piawai 0.88. Tahap keseluruhan bagi bahagian A menunjukkan tahap pencapaian tinggi. Hasil dapatan soal selidik bagi bahagian A boleh dirujuk di bahagian Lampiran H.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Teknik atau Pendekatan yang diamalkan di Sekolah

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Saya dilatih untuk menggunakan pendekatan hafalan dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	4.63	0.75	Tinggi
2	Saya dilatih untuk menggunakan pendekatan bercerita dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	2.66	1.42	Sederhana
3	Saya dilatih untuk menggunakan pendekatan mendeklamasi puisi dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	3.27	1.17	Sederhana
4	Saya dilatih untuk menggunakan pendekatan lakonan dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	4.51	0.82	Tinggi
5	Saya dilatih untuk menggunakan pendekatan melukis dan mewarna dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	3.38	1.14	Sederhana
6	Saya dilatih untuk menggunakan pendekatan unsur-unsur muzik dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	4.09	0.95	Tinggi
7	Saya dilatih untuk menggunakan pendekatan nyanyian dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	3.84	0.97	Tinggi
8	Saya dilatih untuk menggunakan pendekatan permainan dalam dan di luar kelas dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	4.63	0.74	Tinggi
9	Saya sentiasa diberi peluang untuk berkomunikasi dan berkolaborasi dengan guru dan rakan semasa pembelajaran peribahasa Tamil.	3.04	0.84	Sederhana
10	Saya diberi kebebasan sepenuhnya dalam mencipta sesuatu karya atau persembahan berkaitan peribahasa Tamil.	2.80	0.92	Rendah
	Jumlah keseluruhan	**3.69**	**0.88**	**Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 menunjukkan nilai bacaan purata dan sisihan piawai bagi implikasi pendekatan terhadap pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil. Daripada jadual tersebut, item empat dan item enam mencatatkan purata tertinggi iaitu sebanyak 4.76 dan 4.72, masing masing dengan nilai piawaian 0.51 dan 0.56. Kedua item ini merujuk kepada ketidakpastian atas kebolehan untuk melafaz maksud peribahasa dengan tepat dan kurang seronok dengan teknik serta kaedah yang digunakan semasa mempelajari bahasa Tamil. Hal ini jelas menunjukkan murid-murid tidak dapat menghayati peribahasa dan maksudnya dengan sepenuh hati. Akibat daripada ini murid-murid tidak dapat mengingati peribahasa yang dipelajari untuk jangka masa yang panjang.

Seterusnya item 10 mencatatkan nilai purata terendah, sebanyak 3.50 dengan nilai sisihan piawai 1.21. Item ini merujuk kepada keterujaan murid menantikan aktiviti PdPc di sekolah masing-masing. Hal ini menjelasakan bahawa tidak semua guru mengamalkan PAK21 dalam PdPc dan para murid masih mengharapkan sesuatu pendekatan yang menarik agar mereka mudah memahami peribahasa Tamil dan maksudnya dengan mudah. Secara keseluruhannya, purata bagi bahagian B adalah 4.21 dengan nilai sisihan piawai 0.79. Hal ini menjadikan tahap keseluruhan bagi bahagian B berada di tahap tinggi. Hasil dapatan soal selidik secara keseluruhan bagi bahagian B ini boleh dirujuk di bahagian Lampiran I.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Implikasi Melalui Pendekatan Terhadap Pengamalan Pembelajaran Peribahasa Tamil

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Saya kurang berminat dalam mempelajari peribahasa Tamil.	4.54	0.88	Tinggi
2	Saya kurang mahir dalam pengetahuan berkaitan peribahasa Tamil.	4.68	0.59	Tinggi
3	Saya tidak mempunyai kemahiran dalam menghafal peribahasa Tamil dengan cepat dan tepat.	3.61	1.17	Sederhana
4	Saya tidak dapat melafaz maksud peribahasa Tamil dengan tepat setiap kali.	4.76	0.51	Tinggi
5	Saya tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi dalam melafaz peribahasa Tamil.	3.81	0.97	Tinggi
6	Saya tidak seronok dengan teknik dan kaedah yang digunakan semasa saya mempelajari peribahasa Tamil di kelas pada masa kini.	4.72	0.56	Tinggi
7	Saya kurang mendapat manfaat dengan teknik atau kaedah yang digunakan semasa PdPc peribahasa Tamil.	4.21	0.99	Tinggi
8	Saya sentiasa mendapat sokongan dan motivasi semasa PdPc peribahasa Tamil.	3.72	0.97	Tinggi
9	Saya tidak dapat menjana idea saya semasa pembelajaran peribahasa Tamil kerana kekangan dari pihak guru.	4.60	0.65	Tinggi
10	Saya sentiasa menantikan aktiviti PdPc Peribahasa Tamil	3.50	1.21	Sederhana
	Jumlah keseleruhan	**4.21**	**0.79**	**Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7 menunjukkan hasil dapatan kajian bagi halangan yang dihadapi murid semasa mempelajari peribahasa Tamil. Daripada jadual ini, kita mendapati item tujuh dan sembilan mencatatkan nilai purata tertinggi, iaitu sebanyak 4.89 dan 4.87 dengan nilai sisihan piawai 0.35 dan 1.45 masing masing. Item tujuh merujuk kepada pendapat bahawa kaedah baru berdasarkan ICT diperlukan dalam pembelajaran peribahasa Tamil manakala item sembilan merujuk kepada peranan guru sebagai fasilitator dalam PdPc peribahasa Tamil. Dapatan ini menjelaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang berbantukan aplikasi perlu diaplikasikan dalam pembelajaran agar murid-murid didedahkan dengan kaedah baru dalam pembelajaran. Selain itu, proses ini boleh memberi kelainan dan penambahbaikan dalam proses pengajaran oleh guru.

Nilai purata terendah yang dicatatkan adalah daripada item enam. Item ini mencatatkan nilai purata sebanyak 3.55 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 1.55. Item enam ini merujuk kepada keperluan kaedah pembelajaran kendiri di luar waktu persekolahan untuk pengukuhan pemahaman. Hal ini menjelaskan bahawa pembelajaran kendiri adalah kemahiran yang penting supaya murid-murid ini boleh berdikari dan maju tanpa mengharapkan bantuan guru. Biarpun pembelajaran konvensional masih digunakan di sekolah, usaha mendapatkan jawapan atau menyelesaikan masalah sendiri dapat melatih pelajar lebih berdikari selain mampu meningkatkan daya pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, bahagian C mencatatkan nilai min 4.29 dengan nilai sisihan piawai 0.89, menjadikan tahap keseluruhan bahagian ini kepada tahap tinggi. Hasil dapatan soal selidik bagi 303 orang murid secara keseluruhan bagi bahagian C boleh dirujuk di bahagian Lampiran J.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Halangan yang Dihadapi oleh Murid Semasa Mempelajari Peribahasa Tamil

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Masa yang diperuntukkan untuk pembelajaran peribahasa Tamil tidak mencukupi.	4.22	1.07	Tinggi
2	Saya mengalami masalah mempelajari peribahasa Tamil dengan teknik yang digunakan.	4.42	0.79	Tinggi
3	Saya mengalami masalah mengingati semua peribahasa Tamil dan maksudnya dengan kaedah yang digunakan di bilik darjah pada masa kini.	3.85	1.31	Tinggi
4	Kaedah atau teknik baru diperlukan untuk meningkatkan peningkatan kendiri diri saya.	4.71	0.54	Tinggi
5	Saya sanggup mempelajari lebih banyak teknik baru bagi meningkatkan pemahaman pembelajaran peribahasa Tamil.	4.02	1.16	Tinggi
6	Saya memerlukan kaedah pembelajaran kendiri di luar waktu persekolahan untuk mengukuhkan pemahaman saya.	3.55	1.55	Sederhana
7	Saya berpendapat teknik dan kaedah baharu berdasarkan ICT diperlukan dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	4.89	0.35	Tinggi
8	Saya mengalami kesukaran menggunakan teknik ICT semasa pembelajaran di kelas.	4.66	0.74	Tinggi
9	Guru perlu berperanan sebagai fasilitator sewaktu pembelajaran peribahasa Tamil di kelas.	3.87	1.46	Tinggi
10	Saya menghadapi kesukaran untuk memperoleh bahan latihan yang berkaitan peribahasa Tamil.	4.72	0.65	Tinggi
	Jumlah keseleruhan	**4.29**	**0.89**	**Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8 menunjukkan purata dan sisihan piawai secara keseluruhan bagi masalah yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Hasil dapatan kajian bagi ketiga-tiga bahagian iaitu teknik atau pendekatan yang diamalkan di sekolah; implikasi melalui pendekatan terhadap pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil dan halangan yang dihadapi oleh murid semasa mempelajari peribahasa Tamil berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bermakna murid-murid menghadapi masalah dalam pembelajaran peribahasa Tamil di kelas. Ramai murid turut menyatakan bahawa mereka memerlukan satu pendekatan baharu berdasarkan ICT bagi meningkatkan tahap pemahaman mereka dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Murid-murid turut menyatakan bahawa guru perlu berperanan sebagai fasilitator sewaktu PdPc. Oleh yang sedemikian, pengkaji ingin membina satu modul berdasarkan penggunaan ICT yang turut boleh digunakan sebagai satu kaedah pembelajaran kendiri bagi menyelesaikan masalah murid-murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Secara keseluruhannya, pengkaji berhasrat untuk membangunkan satu modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* bagi membantu murid-murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

Jadual 4.8

Purata dan Sisihan Piawai Secara Keseluruhan Masalah yang Dihadapi oleh Murid dalam Pembelajaran Peribahasa Tamil

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Teknik atau pendekatan yang diamalkan di sekolah	3.69	0.88	Tinggi
2	Implikasi melalui pendekatan terhadap pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil	4.21	0.79	Tinggi
3	Halangan yang dihadapi oleh murid semasa mempelajari peribahasa Tamil	4.29	0.89	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Soalan Kajian 2 :Analisis Keperluan Guru terhadap Penyediaan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berdasarkan Aplikasi *Quizlet.*

Bahagian seterusnya membincangkan persoalan kajian kedua, iaitu berkenaan analisis keperluan guru terhadap modul pembelajaran peribahasa Tamil berasaskan aplikasi *Quizlet*. Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji telah menjalankan kajian keperluan guru ke atas 185 orang guru yang mengajar di negeri Kedah.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui soal selidik. Soal selidik ini dilakukan secara bersemuka. Data soal selidik yang diperolehi dalam bahagian ini dianalisis dalam sistem IBM SPSS Statistic versi 26. Soal selidik yang dijalankan ini merangkumi tiga aspek utama iaitu tahap pengamalan PdPc peribahasa Tamil di sekolah, implikasi pengamalan PdPc peribahasa Tamil di sekolah dan halangan pengamalan PdPc peribahasa Tamil di sekolah. Setiap aspek mempunyai 10 soalan, menjadikan jumlah keseluruhan soalan sebanyak 30.

Dapatan daripada data ini boleh digunakan pengkaji untuk mengenal pasti keperluan guru dalam pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT. Kajian soal selidik ini amat penting bagi memahami keadaan atau situasi pengajaran peribahasa Tamil pada masa kini, implikasi keadaan tersebut serta keperluan guru dalam pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT.

Kesemua penemuan soal selidik tersebut dipamerkan dalam bentuk jadual. Jadual 4.9 menunjukkan tahap pengamalan PdPc peribahasa Tamil di sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT. Jadual 4.10 menunjukkan implikasi PdPc peribahasa Tamil di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT manakala jadual 4.11 menunjukkan halangan pengamalan PdPc peribahasa Tamil di sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT.

Jadual 4.9 menunjukkan nilai bacaan purata dan sisihan piawai tahap pengamalan PdPc peribahasa Tamil di sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT. Nilai purata tertinggi yang dicatatkan adalah 4.38 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.96. Item yang mencatatkan nilai ini adalah item satu, iaitu item berkenaan penggunaaan pendekatan hafalan dalam PdPc peribahasa Tamil. Item enam mencatatkan nilai purata terendah, sebanyak 3.65 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.98. Item ini berkenaan penggunaan unsur muzik dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Secara keseluruhannya, purata bagi bahagian ini adalah sebanyak 4.08 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.83. Tahap keseluruhan bagi bahagian A menunjukkan tahap pencapaian tinggi. Hasil dapatan soal selidik bagi 185 orang guru secara keseluruhan bagi bahagian A boleh dirujuk di bahagian Lampiran K.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Tahap Pengamalan PdPc Peribahasa Tamil di Sekolah oleh Guru Bahasa Tamil di SJKT

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	Sisihan piawai	Tahap
1	Saya menggunakan pendekatan hafalan dalam PdPc peribahasa Tamil.	4.38	0.96	Tinggi
2	Saya menggunakan pendekatan permainan dalam PdPc peribahasa Tamil.	4.21	0.79	Tinggi
3	Saya menggunakan pendekatan nyanyian dalam PdPc peribahasa Tamil.	4.37	0.79	Tinggi
4	Saya melatih untuk menggunakan pendekatan lakonan dalam PdPc komponen sastera peribahasa Tamil	3.8	0.99	Tinggi
5	Saya menggunakan pendekatan melukis dan mewarna dalam PdPc peribahasa Tamil.	3.87	0.91	Tinggi
6	Saya menggunakan pendekatan bercerita dalam PdPc peribahasa Tamil.	3.86	0.97	Tinggi
7	Saya menggunakan pendekatan unsur-unsur muzik dalam PdPc peribahasa Tamil.	3.65	0.98	Sederhana
8	Saya menggunakan pendekatan mendeklamasi puisi dalam PdPc peribahasa Tamil.	4.13	0.8	Tinggi
9	Murid di bawah jagaan saya diberi kebebasan untuk mencipta sesuatu karya atau persembahan mengikut cara masing masing.	4.47	0.64	Tinggi

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9 *(sambungan)*

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
10	Murid sentiasa diberi peluang untuk berkomunikasi dengan saya dan murid lain semasa pembelajaran peribahasa Tamil dijalankan.	4.02	0.95	Tinggi
	Jumlah keseleruhan	**4.08**	**0.83**	**Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10 menunjukkan implikasi pengamalan PdPc peribahasa Tamil di sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT. Hasil dapatan item berkenaan minat murid yang kurang dalam mempelajari peribahasa Tamil mencatatkan nilai purata tertinggi iaitu sebanyak 4.46 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.69. Hal ini menjelaskan bahawa guru-guru tidak mempelbagaikan kaedah PdPc manakala murid-murid mengharapkan cara pendekatan yang lebih menarik dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Item kelima iaitu murid mempunyai kesukaran dalam mengingati maksud peribahasa Tamil pula mencatatkan nilai purata terendah, sebanyak 4.18 dengan nilai sisihan piawai 0.67. Hal ini kerana murid-murid pada zaman kini tidak berminat dengan pendekatan hafalan semata-mata dan lebih mengharapkan pendekatan pembelajaran secara hiburan. Tahap keseluruhan bagi bahagian B menunjukkan tahap pencapaian tinggi, dengan nilai purata 4.35 dan sisihan piawai sebanyak 0.59. Hasil dapatan secara keseluruhan bagi bahagian B boleh dirujuk di dalam Lampiran L.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Implikasi Pengamalan PdPc Peribahasa Tamil di Sekolah oleh Guru Bahasa Tamil di SJKT

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	Sisihan piawai	Tahap
1	Murid-murid kurang menunjukkan minat dalam mempelajari peribahasa Tamil.	4.46	0.69	Tinggi
2	Murid-murid tidak teruja dan kurang bersemangat semasa saya menjalankan PdPc peribahasa Tamil.	4.45	0.64	Tinggi
3	Murid-murid kurang mahir dan tidak berpengetahuan luas dalam peribahasa Tamil.	4.25	0.72	Tinggi
4	Murid-murid tidak mempunyai kebolehan dalam mengingati peribahasa Tamil.	4.23	0.61	Tinggi
5	Murid-murid mempunyai kesukaran dalam mengingati maksud peribahasa Tamil.	4.18	0.67	Tinggi
6	Murid-murid tidak mempunyai keyakinan diri melafaz peribahasa Tamil.	4.26	0.63	Tinggi
7	Saya berpendapat teknik PdPc saya dalam mengajar peribahasa Tamil kurang berkesan.	4.45	0.56	Tinggi
8	Murid-murid mendapat manfaat yang kurang dengan teknik atau kaedah yang digunakan semasa saya menjalankan PdPc peribahasa Tamil.	4.45	0.62	Tinggi
9	Saya sentiasa memberi sokongan dan motivasi semasa PdPc peribahasa Tamil.	4.36	0.6	Tinggi
10	Saya berperanan lebih sebagai fasilitator di kelas semasa pembelajaran peribahasa Tamil dijalankan.	4.35	0.6	Tinggi
	Jumlah keseluruhan	4.35	0.59	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11 menunjukkan halangan pengamalan PdPc peribahasa Tamil di sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT. Hasil dapatan item guru-guru memerlukan teknik dan kaedah baru berdasarkan ICT menunjukkan nilai purata tertinggi ialah 4.50 dengan nilai sisihan piawai 0.90. Hal ini kerana murid-murid zaman kini sudah terbiasa dengan penggunaan gadjet maka para memerlukan bahan bantu belajar peribahasa Tamil yang menjurus kepada teknologi terkini.

Nilai bacaan purata terendah ialah sebanyak 2.45 dengan nilai sisihan piawai 1.34 bagi item saya sukar mengawal murid-murid sewaktu menggunakan teknik dan kaedah baharu. Hal ini kerana penggunaan pendekatan berbeza yang jarang digunakan oleh guru menyebabkan murid-murid menjadi sangat teruja dan mengakibatkan kelas tidak terkawal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Purata dan sisihan piawai secara keseluruhan bagi bahagian C iaitu halangan pengamalan PdPc peribahasa Tamil di sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT daripada dapatan soal selidik 185 orang guru di beberapa daerah negeri Kedah adalah sebanyak 3.82 dan 1.05. Tahap keseluruhan bagi bahagian C menunjukkan tahap pencapaian tinggi. Secara keseluruhannya, jadual ini menunjukkan ramai guru yang memerlukan bahan bantu mengajar tambahan bagi pembelajaran peribahasa Tamil. Terdapat guru menyatakan bahawa mereka memerlukan bahan pembelajaran peribahasa Tamil berlandaskan ICT bagi kegunaan di luar bilik darjah sebagai pembelajaran kendiri. Hasil dapatan soal selidik bagi 185 orang guru secara keseluruhan bagi bahagian C boleh dirujuk di bahagian Lampiran M.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Halangan Pengamalan PdPc peribahasa Tamil di Sekolah oleh Guru Bahasa Tamil Di SJKT

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Saya menghadapi masalah kekangan masa semasa PdPc peribahasa Tamil.	3.85	1.35	Tinggi
2	Bebanan masa dan tugasan lain menyebabkan saya kurang memberi perhatian kepada teknik baru PdPc.	3.99	1.13	Tinggi
3	Saya menghadapi kesukaran bagi memperolehi bahan-bahan yang berkaitan bagi pengamalan teknik baru PdPc.	3.89	1.36	Tinggi
4	Semua murid sukar mengingati dan menghuraikan maksud peribahasa Tamil dengan kaedah yang saya gunakan.	3.59	1.39	Sederhana
5	Tahap murid yang berbeza memerlukan pendekatan PdPc yang berlainan.	2.78	1.11	Sederhana
6	Saya sukar mengawal murid-murid sewaktu menggunakan teknik dan kaedah baharu.	2.45	1.34	Sederhana
7	Murid-murid memerlukan kaedah pembelajaran kendiri di luar waktu persekolahan.	4.27	0.92	Tinggi
8	Murid-murid memerlukan teknik dan kaedah baru berdasarkan ICT.	4.5	0.9	Tinggi
9	Kaedah atau teknik baharu perlu untuk meningkatkan pembelajaran kendiri murid-murid dalam peribahasa Tamil.	4.45	0.78	Tinggi

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11 *(sambungan)*

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
10	Guru perlu berperanan sebagai fasilitator sewaktu pembelajaran peribahasa Tamil di kelas.	4.42	0.93	Tinggi
	Jumlah keseluruhan	**3.82**	**1.05**	**Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12 menunjukkan purata dan sisihan piawai secara keseluruhan berkenaan keperluan guru terhadap penyediaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Hasil dapatan kajian bagi ketiga-tiga bahagian iaitu tahap pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di Sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT; implikasi pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT dan halangan pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bermakna, guru-guru bahasa Tamil menghadapi masalah dalam pembelajaran peribahasa Tamil di kelas. Oleh yang demikian, pembinaan modul *Quizlet* membantu guru dalam pembelajaran peribahasa Tamil di kelas. Secara keseluruhannya, pengkaji membangunkan satu modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* bagi membantu para guru di SJKT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Purata dan Sisihan Piawai Secara Keseluruhan Keperluan Guru Terhadap Penyediaan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berdasarkan Aplikasi Quizlet.

		Analisis		
Bil	**Soalan**	**Purata**	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Tahap pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di Sekolah oleh guru Bahasa Tamil di SJKT	4.08	0.83	Tinggi
2	Implikasi pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT	4.35	0.59	Tinggi
3	Halangan pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah oleh guru bahasa Tamil di SJKT	3.82	1.05	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Soalan Kajian 3 :Dapatan Komponen Utama Modul Berdasarkan Kesepakatan Pakar Menggunakan *Fuzzy Delphi* (FDM)

Bahagian ini membincangkan penilaian pakar yang terdiri dalam kalangan pensyarah, guru berpengalaman melebihi 10 tahun dan Ketua Panitia bahasa Tamil terhadap kesesuaian modul yang sedang dibangunkan. Penilaian pakar turut melibatkan tiga aspek, iaitu kesesuaian kandungan, bahan bantu pembelajaran dan aspek pedagogi modul. Tujuan penilaian ini adalah untuk menjawab soalan kajian ketiga, iaitu pandangan pakar dan guru terhadap kesesuaian kandungan, bahan bantu pembelajaran dan aspek pedagogi modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

Kesepakatan pakar amat penting dalam pembinaan modul. Seramai 10 orang pakar telah menilai modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Penilaian ini berdasarkan skor dalam skala *Likert*. Pengkaji menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan kesepakatan pakar bagi modul ini.

Jadual 4.13 menunjukkan dapatan kajian bagi elemen komponen utama bagi pandangan pakar dan guru terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Data ini terdiri daripada nilai *threshold* bagi setiap item (*d item*), nilai *threshold* konstruk (*d konstruk*) dan kedudukan item berdasarkan kesepakatan pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13

Elemen Komponen Utama bagi Pandangan Pakar dan Guru Terhadap Kesesuaian Kandungan, Bahan Pembelajaran dan Aspek Pedagogi Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berdasarkan Aplikasi Quizlet dalam Analisis FDM.

Komponen Kandungan	**Item / Elemen**	**Syarat Triangular *Fuzzy Numbers***		**Syarat *Defuzzification Process***		
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar**	**Skor *Fuzzy (A)***	**Kesepakatan Pakar**	**Elemen Diterima**
Kesesuaian Kandungan	1	0.098	80%	0.760	TERIMA	0.760
	2	0.147	100%	0.720	TERIMA	0.720
	3	0.055	90%	0.780	TERIMA	0.780
	4	0.055	90%	0.780	TERIMA	0.780
	5	0.153	100%	0.700	TERIMA	0.700
Bahan Pembelajaran	6	0.147	100%	0.720	TERIMA	0.720
	7	0.098	80%	0.760	TERIMA	0.760
	8	0.055	90%	0.780	TERIMA	0.780
	9	0.055	90%	0.780	TERIMA	0.780
Aspek Pedagogi	10	0.098	80%	0.760	TERIMA	0.760
	11	0.147	100%	0.720	TERIMA	0.720
	12	0.055	90%	0.780	TERIMA	0.780
	13	0.098	80%	0.760	TERIMA	0.760
	14	0.055	90%	0.780	TERIMA	0.780
Nilai *d* Konstruk			0.094			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13 menunjukkan dapatan kajian bagi menilai kesepakatan dalam pembinaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Aspek bagi pandangan pakar dan guru terhadap pembinaan modul ini dibahagi kepada tiga komponen utama iaitu kesesuaian kandungan, bahan bantu pembelajaran dan komponen pedagogi modul.

Data dalam jadual ini terdiri daripada nilai *threshold* bagi setiap item (*d item*), nilai *threshold* konstruk (*d konstruk*) dan kedudukan item berdasarkan kesepakatan pakar. Data di jadual 4.13 dikumpulkan melalui soal selidik daripada 10 orang pakar seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Data tersebut dimasukkan dalam *FDM* untuk mendapatkan kesepakatan pakar. Jadual diatas menunjukkan nilai konstruk (*d konstruk*) mencatatkan nilai 0.094. Nilai konstruk (*d konstruk*) diterima kerana nilai konstruk (*d konstruk*) yang diperolehi kurang daripada 0.2.

Nilai *threshold* konstruk dalam kesemua tiga komponen juga menunjukkan nilai kurang daripada 0.2. Bagi mendapatkan konsensus pakar, setiap item harus mempunyai nilai '*threshold'* tidak melebihi 0.2. Mengikut jadual di atas, kesemua nilai *threshold* (d) yang diperolehi adalah ≤ 0.2. Peratus konsensus pakar pula mencatatkan nilai melebihi 75%. Hal ini menunjukkan konstruk ini melepasi syarat am dan keseluruhan item dalam komponen utama diterima oleh panel pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14

Elemen Komponen Utama bagi Pandangan Pakar dan Guru Berdasarkan Analisis FDM Secara Terperinci

Komponen Kandungan	Item / Elemen	Syarat Triangular *Fuzzy Numbers*		Syarat *Defuzzification Process*				Kesepakatan Pakar	Elemen DITERIMA
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*		
Kesesuaian Kandungan	1	0.098	80%	0.560	0.760	0.960	0.760	TERIMA	0.760
	2	0.147	100%	0.520	0.720	0.920	0.720	TERIMA	0.720
	3	0.055	90%	0.580	0.780	0.980	0.780	TERIMA	0.780
	4	0.055	90%	0.580	0.780	0.980	0.780	TERIMA	0.780
	5	0.153	100%	0.500	0.700	0.900	0.700	TERIMA	0.700
Bahan Pembelajaran	6	0.147	100%	0.520	0.720	0.920	0.720	TERIMA	0.720
	7	0.098	80%	0.560	0.760	0.960	0.760	TERIMA	0.760
	8	0.055	90%	0.580	0.780	0.980	0.780	TERIMA	0.780
	9	0.055	90%	0.580	0.780	0.980	0.780	TERIMA	0.780
Aspek Pedagogi	10	0.098	80%	0.560	0.760	0.960	0.760	TERIMA	0.760
	11	0.147	100%	0.520	0.720	0.920	0.720	TERIMA	0.720
	12	0.055	90%	0.580	0.780	0.980	0.780	TERIMA	0.780
	13	0.098	80%	0.560	0.760	0.960	0.760	TERIMA	0.760
	14	0.055	90%	0.580	0.780	0.980	0.780	TERIMA	0.780
Nilai *d* Konstruk					0.094				

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14 menunjukkan dapatan kajian bagi elemen komponen utama bagi pandangan pakar dan guru dalam pembinaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Dalam jadual ini, pengkaji menunjukkan syarat *Triangular Fuzzy Numbers* dan syarat *Defuzzification Process* dalam *FDM*. Terdapat 14 item dalam tiga komponen utama iaitu kesesuaian kandungan, bahan bantu pembelajaran dan komponen pedagogi modul.

Nilai purata *Fuzzy* (m1, m2, m3) bagi mendapatkan nilai *threshold*, peratusan konsensus akar, *defuzzication* dan ranking item. Nilai m1 mewakili nilai minimum, nilai m2 mewakili nilai munasabah manakala nilai m3 mewakili nilai maksimum. Hasil jadual ini menunjukkan modul pengajaran dan pemudahcaraan peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* mendapat kesepakatan panel pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi *Fuzzy Delphi* terhadap modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet,* didapati modul tersebut telah diterima oleh panel pakar. Hasil daripada analisis *FDM* dalam fasa ini, pengkaji dapat membina satu modul berdasarkan konsensus, cadangan dan komen pakar untuk tujuan pembangunan modul ini.

4.7.1 Dapatan Komponen Utama Modul Berdasarkan Kesepakatan Pakar Menggunakan *Fuzzy Delphi* (FDM)

Bahagian ini membincangkan komen dan cadangan panel pakar terhadap kesesuaian modul. Pengkaji membahagikan aspek penilaian kepada tiga iaitu kesesuaian kandungan, bahan bantu pembelajaran dan pedagogi modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi aspek kandungan, ianya mengandungi tiga komponen iaitu kesesuaian objektif dengan aktiviti yang dirancang, kemampuan murid mengikuti modul yang dibangunkan dan kesesuaian aras bahasa yang digunakan dalam modul. Aspek pembelajaran pula mempunyai satu komponen sahaja iaitu kesesuaian pemilihan bahan mengajar. Akhir sekali, aspek pedadogi mempunyai tiga komponen, iaitu kesesuaian aktiviti pembelajaran yang digunakan, kesesuaian peringkat aktiviti dari tahap mudah ke tahap sukar dan kesesuaian latihan berdasarkan konteks.

4.7.2 Kandungan Modul Menepati Sasaran Kajiannya

Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji membahagikan respons dari penilaian pakar kepada dua iaitu penilaian pensyarah dan penilaian guru berpengalaman. Penilaian pensyarah mendapati murid-murid dapat memahami kandungan yang terdapat dalam modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* dengan baik. Kandungan juga sesuai dengan tahap kemampuan murid-murid Tahun Lima. Aktiviti dan latihan yang disediakan dalam modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* juga sesuai dengan tahap murid dan objektif yang ditetapkan. Isi kandungan modul ini selaras dengan DSKP Tahun Satu hingga Tahun Lima. Selain itu, aplikasi ini amat menarik dan dapat menarik minat murid. Kosa kata dalam modul ini juga mudah difahami murid Tahun Lima. Hal ini kerana murid-murid Tahun Lima mempelajari kebanyakkan kosa kata tersebut dalam matapelajaran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK). Antara komen responden terhadap modul ini khususnya dari aspek kosa kata adalah seperti yang dinyatakan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Terdapat perkataan yang sukar difahami, contohnya: '*பயனர்பெயர்*' bermaksud '*username'*. Perkataan ini sukar difahami oleh murid-murid tanpa penjelasan dari guru.

Menurut penilaian guru berpengalaman pula, penggunaan aplikasi *Quizlet* merupakan satu kaedah pembelajaran yang baru diamalkan di sekolah SJKT. Atas sebab ini, guru berpendapat aplikasi ini disukai oleh murid. Hasil penggunaan modul ini juga amat berkesan terhadap pembelajaran dan pemahaman murid-murid. PdPc yang baharu dilaksanakan dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Kepelbagaian aktiviti dalam *Quizlet* amat menarik dan meningkatkan kefahaman murid-murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Pembelajaran seperti ini turut diakui berkesan dalam proses pembelajaran semasa era Covid 19 seperti yang disaksikan dunia pada masa kini. Selain itu, penggunaan aplikasi *Quizlet* yang merangsang pembelajaran akses kendiri turut dialu-alukan pada masa kini yang menjurus dengan pendidikan abad 21. Pembelajaran melalui mendengar dan bertutur memberi impak yang baik kepada semua murid dalam pelbagai kategori.

Kesimpulannya, aspek kandungan modul ini boleh diterima dengan sedikit penambahbaikan khasnya dari aspek kesalahan bahasa. Terdapat beberapa kesalahan bahasa dalam struktur ayat dalam modul. Bahagian lain masih dikekalkan dan tidak diubah suai kerana dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar dengan bimbingan guru matapelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.3 Aspek Bahan Pembelajaran

Dari aspek bahan pembelajaran, pensyarah menjelaskan bahawa aktiviti dalam modul sesuai dengan tahap kemampuan murid-murid Tahun Lima kerana murid-murid dapat mengikuti bahan dan aktiviti yang disediakan dalam modul ini. Namun, terdapat kesalahan ejaan dalam latihan modul. Dari aspek ilustrasi pula, ilustrasi yang disediakan cukup cantik dan sesuai serta dapat menarik perhatian dan meningkatkan minat murid-murid terhadap proses PdPc dengan menggunakan modul ini.

Namun, pensyarah turut menyatakan bahawa terdapat beberapa kesalahan aspek teknikal, terutamanya dalam pemilihan *font* bahasa Tamil yang tidak selaras. Pengkaji mengenal pasti ketidakselarasan *font* contohnya di modul dalam bahasa Tamil. Kesimpulannya, pensyarah menyatakan bahawa terdapat kesalahan sedikit kesalahan dalam bahasa Tamil dan menurutnya kesilapan ini tidak menganggu proses pembelajaran bahasa Tamil dalam kalangan murid-murid Tahun Lima.

Dari aspek guru pula menjelaskan bahawa bahan pembelajaran dalam modul sesuai dengan tahap kemampuan murid-murid Tahun Lima. Bahan pembelajaran yang disediakan dapat diikuti oleh semua kategori murid di Tahun Lima. Bahan pembelajaran juga jelas. Imej yang digunakan besar kecuali sesetengah gambar tidak sesuai tetapi kebanyakkannya amat menarik. Tatacara penggunaan modul juga jelas diterangkan dalam modul. Huraian dan imej dalam juga terang dan tidak mengelirukan murid-murid. Dari aspek ilustrasi, ilustrasi yang disediakan cukup cantik dan sesuai serta dapat menarik perhatian dan meningkatkan minat murid-murid terhadap proses pembelajaran dengan menggunakan modul ini. Namun, pakar turut menyatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa penggunaan modul ini lebih berkesan jika murid-murid menggunakannya di rumah sebagai pembelajaran kendiri.

Penggunaan di sekolah tidaklah sebegitu berkesan kerana aplikasi ini perlu menggunakan telefon bimbit pintar. Dari segi modul pula, ianya amat berkesan kerana modulnya berwarna warni dan menarik perhatian murid-murid. Bukan murid-murid Tahun Lima sahaja menggunakan modul ini, malah semua murid SJKT boleh menggunakan modul ini sebagai modul pembelajaran kendiri selaras dengan pembelajaran abad 21.

Kesimpulannya, pakar menyatakan bahawa terdapat kesalahan sedikit perubahan dalam imej modul dan menurutnya kesilapan ini tidak menganggu proses pembelajaran bahasa Tamil dalam kalangan murid-murid Tahun Lima.

4.7.4 Aspek Pedagogi

Dari aspek pedagogi, pensyarah menjelaskan bahawa strategi pengajaran yang digunakan dalam modul dapat dijalankan dalam bilik darjah. Setiap aktiviti dapat dilaksanakan dalam masa yang dirancangkan. Pakar mencadangkan agar saiz dan bentuk imej dalam modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* perlu dibesarkan supaya tulisan lebih jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesan daripada pelaksanaan aktiviti yang disediakan dalam modul ini dapat meningkatkan kemahiran interpersonal serta membantu PdPc murid-murid. Aspek pedagogi dalam modul ini boleh dilaksanakan dan membantu murid-murid Tahun Lima. Guru-guru berpandangan bahawa strategi pembelajaran yang digunakan dalam modul dapat dijalankan dalam bilik darjah dan juga di luar bilik darjah sebagai pembelajaran kendiri. Kandungan peribahasa Tamil dan juga aktivitinya sesuai dengan semua tahap murid.

Kesimpulannya, aspek pedagogi dalam modul ini boleh dilaksanakan dan membantu murid-murid Tahun Lima serta meningkatkan kemahiran bertutur, lisan, membaca dan menulis dan penguasaan kosa kata dengan baik. Kesan daripada pelaksanaan modul yang disediakan ini dapat meningkatkan kemahiran interpersonal dan presentasi serta membantu PdPc. Pengkaji menerima semua komen tersebut untuk menambaik modul ini. Secara keseluruhannya, komen dan pandangan pakar membantu pengkaji membina modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

4.8 Struktur Pembinaan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berdasarkan Aplikasi *Quizlet.*

Pengkaji mereka bentuk modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* berpandukan model Taba. Model Taba ini diasaskan daripada hasil kerja Hilda Taba dan digunakan sejak 1962. Menurut Ellis & Levy (2010), model Taba yang digunakan oleh pengkaji telah menjadi panduan untuk membangunkan modul bacaan dalam bidang pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Kurikulum Taba menggariskan tujuh komponen utama. Tujuh komponen tersebut adalah diagnosis keperluan, pembentukan objektif, pemilihan isi kandungan serta bahan pembelajaran yang sesuai, penyusunan kandungan serta bahan pembelajaran, pemilihan pengalaman pembelajaran, penyusunan pengalaman pembelajaran dan penentuan bahan pembelajaran yang akan dinilai dan cara-cara penilaian akan dilaksanakan.

Model Kurikulum Taba menggunakan induktif yang dimulakan dengan eksperimen, dimana hasil eksperimen tersebut akan dijadikan teori dan kemudiannya akan diimplementasi. Hal ini bertujuan untuk menyeragamkan teori dan praktikal serta mengurangkan atau menghapuskan terus sifat keumuman dan keabstrakan dalam sesuatu kurikulum. Oleh itu, pengkaji menggariskan model Kurikulum Taba dalam pembinaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

Pengkaji berpendapat sedemikian kerana pembinaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* adalah satu usaha baru yang menggunakan ICT dalam PdPc. Pengkaji menggariskan beberapa elemen yang digunakan dalam membina dan membangunkan modul ini. Antaranya adalah seperti muka depan modul, muka belakang modul, matlamat modul, objektif modul, arahan modul, kandungan modul dan aktiviti modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.1 Muka Depan dan Muka Belakang Modul

Rajah 4.1 menunjukkan muka depan modul manakala rajah 4.2 menunjukkan muka belakang modul. Muka depan menunjukkan tajuk modul yang telah disediakan



Rajah 4.1. Muka Depan Modul



Rajah 4.2. Muka Belakang Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.2 Matlamat dan Objektif Modul

Rajah 4.3 menghuraikan matlamat modul yang dihasilkan. Matlamat ini ditulis sebagai panduan kepada guru dan murid-murid yang menggunakan modul ini. Rajah 4.4 menunjukkan objektif modul. Pengkaji menyenaraikan beberapa objektif untuk dijadikan sebagai penanda aras kepada pengguna yang menggunakan modul ini. Melalui objektif ini, pengguna dapat memahami tujuan modul dan perkara yang boleh atau perlu dicapai selepas penggunaannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3. Matlamat Modul



Rajah 4.4. Objektif Modul

4.8.3 Arahan Tutorial dalam Modul, Bahagian Peribahasa dan Maksudnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi





Rajah 4.5. Arahan Tutorial Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.5 menunjukkan arahan tutorial modul dan cara mendaftar dalam aplikasi *Quizlet*. Arahan ini bertujuan sebagai panduan kepada guru dan murid-murid yang menggunakan modul ini buat kali pertama. Selepas pendaftaran, murid-murid boleh terus menggunakan aplikasi *Quizlet* ini untuk mempelajari peribahasa Tamil dan membuat latihan yang disediakan.



Rajah 4.6. Bahagian Tutorial dan Latihan Modul

Rajah 4.6 menunjukkan bahagian tutorial dan latihan modul. Bahagian tutorial disediakan sebagai panduan pembelajaran peribahasa Tamil kepada murid-murid. Terdapat 30 peribahasa Tamil yang digunakan dalam bahan tutorial ini. 30 peribahasa Tamil ini merangkumi peribahasa yang diajar dari Tahun Satu ke Tahun Lima. Peribahasa Tamil beserta maksudnya dijelaskan dalam bentuk *Flashcard*. Selepas mempelajari peribahasa Tamil dan maksudnya, murid-murid boleh menyambung sesi pembelajaran dengan membuat latihan yang disediakan. Terdapat lapan jenis set latihan yang disediakan dalam modul ini. Soalan-soalan disediakan dalam bentuk permainan agar murid berasa terhibur dan tidak bosan dengan cepat. Murid-murid boleh membuat latihan dengan sendiri kerana jawapan akan papar jika diimbas ke atas soalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9 Soalan Kajian 4 : Dapatan Guru dan Murid Selepas Menggunakan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berdasarkan Aplikasi *Quizlet*.

Bahagian ini membincangkan persoalan kajian yang keempat iaitu berkenaan pandangan guru dan murid selepas menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Instrumen yang digunakan dalam soalan kajian keempat adalah melalui temu bual secara bersemuka serta soal selidik guru bahasa Tamil dan murid-murid Tahun Lima yang terlibat dalam kajian ini. Fasa ini dijalankan sejurus selepas proses kesahan modul dilaksanakan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul.

4.9.1 Analisis Kebolehlaksanaan Modul Pembelajaran Peribahasa Berdasarkan Aplikasi *Quizlet* Berdasarkan Soal Selidik Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam soalan kajian ini pengkaji menilai kekuatan dan kelemahan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* berdasarkan respon guru Bahasa Tamil dan murid-murid Tahun Lima yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat tiga aspek yang ditekankan semasa temu bual bersemuka iaitu aspek kefahaman terhadap modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet*, impak modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* dan kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Temu bual bersemuka ini dibuat bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* manakala instrumen soal selidik dibuat bagi memperolehi kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Soal selidik ini dijawab oleh guru dan juga murid. Seramai 10 orang guru dan 30 orang murid Tahun Lima yang menggunakan modul ini terlibat dalam proses soal selidik ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* melibatkan seramai 10 orang guru bahasa Tamil. Instrumen yang digunakan dalam bahagian ini adalah borang soal selidik. Pengkaji memberikan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* kepada 10 orang guru mata pelajaran bahasa Tamil untuk mendapatkan penilaian terhadap kebolehlaksanaan modul peribahasa. Instrumen tersebut dibahagikan kepada tiga, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A menilai kebolehlaksanaan tahap pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah manakala Bahagian B menilai implikasi kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah. Bahagian C pula menilai halangan kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah.

Jadual 4.15 menunjukkan kebolehlaksanaan tahap pengamalan *Quizlet* di sekolah. Jadual 4.16 pula menunjukkan implikasi kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah manakala jadual 4.17 menunjukkan halangan kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah. Soal selidik ini berdasarkan dari pandangan guru bahasa Tamil yang menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Kebolehlaksanaan modul diambil kira dengan menggunakan taburan purata dan sisihan piawai bagi ketiga-tiga aspek yang diajukan dalam soal selidik kebolehlaksanaan guru dan juga murid Tahun Lima.

Jadual 4.15 menunjukkan nilai bacaan purata dan sisihan piawai bagi kebolehlaksanaan tahap pengamalan *Quizlet* di sekolah. Nilai purata tertinggi adalah 5.00 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.00 yang ditunjukkan dalam tiga item iaitu item teknologi aplikasi *Quizlet* merupakan satu bahan sokongan PdPc yang bagus,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil bersesuaian dengan tahap penguasaan berbeza antara murid dan aplikasi *Quizlet* merupakan salah satu inovasi pembelajaran abad ke-21. Manakala bacaan purata bagi item saya maklum berkenaan aplikasi *Quizlet* sebelum penggunaan modul ini mencatat bacaan purata terendah iaitu sebanyak 4.40 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.70. Purata dan sisihan piawai secara keseluruhan bagi bahagian A iaitu kebolehlaksanaan tahap pengamalan *Quizlet* di sekolah adalah sebanyak 4.73 dan 0.31. Tahap keseluruhan bagi bahagian A menunjukkan tahap pencapaian tinggi.

Hal ini menunjukkan bahawa implementasi aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil mampu menarik minat pelajar untuk menguasai. Selain itu, ia menepati konsep pembelajaran terkini. Hasil dapatan soal selidik bagi 10 orang guru secara keseluruhan bagi bahagian A boleh dirujuk di bahagian Lampiran N.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Kebolehlaksanaan Tahap Pengamalan Quizlet di sekolah.

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	Sisihan piawai	Tahap
1	Saya maklum berkenaan aplikasi *Quizlet* sebelum penggunaan modul ini.	4.40	0.70	Tinggi
2	Saya mahir akan penggunaan teknologi aplikasi *Quizlet* sebelum penggunaan modul ini.	4.50	0.53	Tinggi
3	Saya pertama kali mengajar peribahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi *Quizlet* di sekolah.	4.50	0.53	Tinggi
4	Teknologi aplikasi *Quizlet* merupakan salah satu bahan sokongan pembelajaran yang bagus.	5.00	0.00	Tinggi
5	Aplikasi *Quizlet* merupakan satu pembaharuan dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	4.90	0.32	Tinggi
6	Aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil bersesuaian dengan tahap penguasaan berbeza antara murid.	5.00	0.00	Tinggi
7	Teknologi aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil bersesuaian dengan kehendak sukatan pelajaran bahasa Tamil.	4.50	0.53	Tinggi
8	Aplikasi *Quizlet* dapat membantu dalam pembelajaran peribahasa Tamil di kalangan murid sekolah.	4.80	0.42	Tinggi
9	Aplikasi *Quizlet* merupakan salah satu inovasi pembelajaran abad ke-21.	5.00	0.00	Tinggi
10	Aplikasi *Quizlet* berada di landasan yang betul sebagai contoh pembelajaran abad ke -21.	4.70	0.48	Tinggi
	Jumlah keseluruhan	**4.73**	**0.31**	**Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16 menunjukkan hasil dapatan bagi soal selidik implikasi kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah. Item bagi murid-murid senang memahami arahan penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil dan item penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil merupakan salah satu cara pembelajaran kendiri mencatatkan bacaan purata tertinggi iaitu sebanyak 5.00 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.00. Bacaan purata terendah dicatatkan item aplikasi *Quizlet* senang digunakan dalam pembelajaran peribahasa Tamil dan murid-murid lebih berkeyakinan dapat mengingati pembelajaran peribahasa Tamil selepas menggunakan aplikasi *Quizlet.* Item ini mencatatkan purata sebanyak 4.50 dengan bacaan sisihan piawai 0.53. Purata dan sisihan piawai secara keseluruhan bagi bahagian B iaitu implikasi kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah daripada dapatan soal selidik adalah sebanyak 4.72 dan 0.34. Tahap keseluruhan bagi bahagian B menunjukkan tahap pencapaian tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi *Quizlet* mampu memberi satu bahan bantu mengajar yang lebih menarik dan menyeronokkan terutama yang berkaitan proses hafalan dan menguatkan ingatan berkaitan peribahasa Tamil. Para pelajar bukan sekadar lebih mudah memahami dan mengingati set pelajaran, bahkan mereka lebih aktif dan bersemangat. Selain itu, aplikasi yang melibatkan PdPc seperti ini mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta jmemberi ruang yang lebih luas kepada para pelajar untuk menggunakannya bukan sekadar di dalam kelas, bahkan boleh diakses di mana-mana sahaja. Hasil dapatan soal selidik bagi 10 orang guru secara keseluruhan bagi bahagian B boleh dirujuk di bahagian Lampiran 0.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Implikasi Kebolehlaksanaan Modul peribahasa berdasarkan aplikasi Quizlet di sekolah.

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Murid-murid pernah didedahkan dengan aplikasi *Quizlet* sebelum ini.	4.70	0.48	Tinggi
2	Murid sangat teruja selepas diperkenalkan dengan aplikasi *Quizlet* semasa saya menjalankan pembelajaran peribahasa Tamil.	4.60	0.52	Tinggi
3	Murid-murid senang memahami arahan penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	5.00	0.00	Tinggi
4	Murid- murid lebih berkeyakinan dapat mengingati peribahasa Tamil selepas menggunakan aplikasi *Quizlet*.	4.50	0.53	Tinggi
5	Murid-murid menunjukkan minat dalam mempelajari peribahasa Tamil selepas menggunakan aplikasi *Quizlet.*	4.70	0.48	Tinggi
6	Penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil merupakan salah satu cara pembelajaran kendiri.	5.00	0.00	Tinggi
7	Aplikasi *Quizlet* senang digunakan dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	4.50	0.53	Tinggi
8	Sebagai guru atau fasilitator, saya berasa senang untuk mempelajari tentang aplikasi *Quizlet* sebelum mengajar kepada murid murid saya.	4.80	0.42	Tinggi

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16 *(sambungan)*

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
9	Saya yakin aplikasi *Quizlet* akan meningkatkan prestasi keseluruhan semua peringkat murid.	4.80	0.42	Tinggi
10	Saya lebih berperanan sebagai fasilitator daripada guru di kelas semasa menggunakan aplikasi *Quizlet.*	4.60	0.52	Tinggi
	Jumlah keseluruhan	**4.72**	**0.34**	**Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17 menunjukkan hasil dapatan bagi soal selidik halangan kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah. Item bagi murid-murid dapat mempelajari penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam masa yang singkat menunjukkan bacaan purata tertinggi iaitu sebanyak 4.90 dengan nilai sisihan piawai 0.32. Bacaan purata terendah dicatatkan oleh item saya menghadapi kesukaran untuk memperoleh bahan-bahan yang berkaitan bagi pengamalan aplikasi *Quizlet* dengan nilai purata sebanyak 3.20 dan bacaan sisihan piawai sebanyak 0.42. Purata dan sisihan piawai secara keseluruhan bagi bahagian C iaitu halangan kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah daripada dapatan soal selidik adalah sebanyak 4.40 dan 0.37. Tahap keseluruhan bagi bahagian C menunjukkan tahap pencapaian tinggi.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Dapat turut menunjukkan aplikasi *Quizlet* ini membuka satu dimensi baru dalam teknik penyampaian pengajar yang mana memberi ruang yang lebih luas kepada pelajar mendapatkan kefahaman melalui mendengar berulang kali di mana-mana sahaja. Selain itu, aplikasi ini juga merupakam salah satu pendekatan terkini untuk para pelajar mempraktikkan pembelajarannya secara lebih interaktif. Dari sudut PdPc peribahasa Tamil, aplikasi ini membantu meningkatkan kemahiran mengingati peribahasa Tamil, terutama kemahiran mendengar dan bertutur. Hasil dapatan soal selidik bagi 10 orang guru secara keseluruhan bagi bahagian C boleh dirujuk di bahagian Lampiran P.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Halangan Kebolehlaksanaan Modul Peribahasa Berdasarkan Aplikasi Quizlet Di Sekolah

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Murid-murid seronok dengan penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam PdPc peribahasa Tamil.	4.80	0.42	Tinggi
2	Murid-murid dapat mempelajari penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam masa yang singkat.	4.90	0.32	Tinggi
3	Murid-murid dapat mengikut arahan sewaktu PdPc dengan penggunaan aplikasi *Quizlet.*	4.50	0.53	Tinggi
4	Penglibatan semua murid dalam aplikasi *Quizlet* ini memuaskan.	4.50	0.53	Tinggi
5	Semua tahap murid dapat mengingati maksud peribahasa Tamil selepas penggunaan aplikasi *Quizlet.*	4.50	0.53	Tinggi
6	Saya berasa senang menjalankan pembelajaran peribahasa Tamil dengan aplikasi *Quizlet* berbanding cara sebelum ini.	4.70	0.48	Tinggi
7	Saya berasa senang mengawal murid-murid sewaktu menggunakan teknik dan kaedah baharu ini.	4.40	0.52	Tinggi
8	Kaedah atau teknik baharu ini dapat meningkatkan pembelajaran kendiri murid-murid walaupun selepas waktu persekolahan.	4.80	0.42	Tinggi

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17 *(sambungan)*

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
9	Saya ada banyak tugasan lain menyebabkan saya kurang memberi perhatian terhadap penggunaan aplikasi *Quizlet.*	3.70	0.48	Tinggi
10	Saya menghadapi kesukaran untuk memperoleh bahan bahan yang berkaitan bagi pengamalan aplikasi *Quizlet.*	3.20	0.42	Sederhana
	Jumlah keseluruhan	4.40	0.37	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, jadual 4.18 menunjukkan kesemua 10 orang guru berpendapat bahawa modul ini boleh diberikan kepada murid-murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Hasil dapatan kajian bagi ketiga-tiga bahagian iaitu kebolehlaksanaan tahap pengamalan *Quizlet* di sekolah; implikasi kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah dan halangan kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah berada pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana modul ini sesuai digunakan ke atas murid dari pelbagai tahap. Modul ini juga dapat membantu murid-murid untuk mengingati peribahasa Tamil dan maksudnya dengan lebih cepat dan tepat. Selain itu, guru juga mendapati murid-murid seronok menggunakan aplikasi ini semasa pembelajaran peribahasa Tamil. Akhir sekali, analisis soal selidik menunjukkan modul ini boleh dilaksanakan di sekolah kerana merupakan salah satu bahan pembelajaran abad ke-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18

Purata dan Sisihan Piawai Secara Keseluruhan Kebolehlaksanaan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berdasarkan Aplikasi Quizlet Berdasarkan Soal Selidik Guru

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Kebolehlaksanaan tahap pengamalan *Quizlet* di sekolah.	4.73	0.31	Tinggi
2	Implikasi kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah.	4.72	0.34	Tinggi
3	Halangan kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah.	4.40	0.37	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9.2 Soalan Kajian 4 :Analisis Kebolehlaksanaan Modul Pembelajaran Peribahasa Berdasarkan Aplikasi *Quizlet* Soal Selidik Murid

Kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dijalankan ke atas 30 orang murid yang menggunakan modul ini. Murid-murid kelas rawatan dijadikan responden dalam bahagian ini manakala instrumen borang soal selidik digunakan. Soal selidik ini dijalankan bagi mendapatkan penilaian terhadap kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

Instrumen ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A, yang berkaitan Pemahaman Kandungan Modul, Bahagian B yang berkaitan Output Pengamalan Modul dan Bahagian C yang berkaitan Peningkatan Motivasi Dengan Pengamalan Modul. Jadual 4.19 menunjukkan pemahaman kandungan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Seterusnya, jadual 4.20 menunjukkan output pengamalan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Akhirnya, jadual 4.21 menunjukkan peningkatan motivasi dengan pengamalan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Soal selidik ini berdasarkan dari segi pandangan murid-murid Tahun Lima yang menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

Respon dari segi pandangan murid-murid amat penting dalam kajian ini kerana murid-murid merupakan subjek utama dalam kajian ini. Respon murid terhadap kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* akan membantu pengkaji dalam pembinaan modul yang lebih berkesan dan mantap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19 menunjukkan hasil dapatan bagi bahagian A iaitu pemahaman kandungan modul. Nilai bacaan purata tertinggi ialah 4.93 dengan nilai sisihan piawai 0.25. Item yang mendapat bacaan ini adalah item yang berkenaan penggunaan laras bahasa yang digunakan dalam modul ini senang difahami. Item penggunaan aplikasi *Quizlet* mudah difahami semasa pembelajaran peribahasa Tamil mencatatkan purata terendah, iaitu sebanyak 4.40 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.72. Purata dan sisihan piawai secara keseluruhan bagi bahagian A iaitu pemahaman kandungan modul daripada dapatan soal selidik adalah sebanyak 4.74 dan 0.37. Tahap keseluruhan bagi bahagian A menunjukkan tahap pencapaian tinggi. Berdasarkan hasil dapatan, modul pembelajaran berasaskan aplikasi *Quizlet*! memberikan kesan kepada prestasi pembelajaran dan minat murid terhadap pembelajaran. Hasil dapatan soal selidik bagi 30 orang murid secara keseluruhan bagi bahagian A boleh dirujuk di bahagian Lampiran Q.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19

Pemahaman Kandungan Modul

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Saya dapat memahami arahan setiap langkah pengajaran modul ini.	4.50	0.68	Tinggi
2	Penggunaan aplikasi *Quizlet* mudah difahami semasa pembelajaran peribahasa Tamil.	4.40	0.72	Tinggi
3	Penggunaan aplikasi *Quizlet* mudah digunakan dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	4.47	0.51	Tinggi
4	Penggunaan aplikasi *Quizlet* sesuai dengan pembelajaran peribahasa Tamil.	4.80	0.41	Tinggi
5	Penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil bersesuaian dengan tahap saya.	4.83	0.38	Tinggi
6	Penggunaan laras bahasa yang digunakan dalam modul ini senang difahami.	4.93	0.25	Tinggi
7	Arahan dalam modul ini sangat jelas.	4.90	0.31	Tinggi
8	Gambar yang digunakan menarik dan sesuai.	4.83	0.38	Tinggi
9	Saya memahami kandungan secara keseluruhannya.	4.90	0.31	Tinggi
10	Saya sudah bersedia untuk mengaplikasi pengetahuan *Quizlet* saya dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	4.87	0.35	Tinggi
	Jumlah keseluruhan	4.74	0.37	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.20 menunjukkan hasil dapatan bagi bahagian B iaitu output pengamalan modul. Terdapat empat item yang menunjukkan nilai bacaan purata tertinggi iaitu 5.00 dengan hasil sisihan piawai 0.00. Empat item tersebut adalah saya seronok menggunakan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil, saya bersemangat semasa aktiviti pembelajaran peribahasa Tamil yang menggunakan aplikasi *Quizlet*, penggunaan modul peribahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi *Quizlet* amat menarik dan aplikasi *Quizlet* senang digunakan. Item yang mencatatkan bacaan purata terendah ialah saya senang memahami arahan penggunaan aplikasi *Quizlet* semasa pembelajaran peribahasa Tamil dengan bacaan 4.90 dan nilai sisihan piawai sebanyak 0.31. Purata dan sisihan piawai secara keseluruhan bahagian B iaitu output pengamalan modul daripada dapatan soal selidik adalah sebanyak 4.96 dan 0.13. Tahap keseluruhan bagi bahagian B menunjukkan tahap pencapaian tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini kerana aplikasi *Quizlet* memberi kesan positif dalam membantu murid mengekalkan memori melalui rangsangan dan tindak balas di mana murid akan merasai penilaian ilmu kendiri sama ada betul atau salah pilihan jawapan secara latih tubi. Dengan demikian, mereka akan sanggup mempelajari ilmu baharu dalam persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan berbanding dengan platform teknologi yang lain mahupun kaedah pembelajaran yang membosankan. Dengan kelengkapan bahan grafik yang menarik malah juga alat permainan digital sebagai bahan pembelajaran, murid-murid akan dimotivasikan untuk menyertai setiap sesi pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan soal selidik bagi 30 orang murid secara keseluruhan bagi bahagian B boleh dirujuk di bahagian Lampiran R.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.20

Output Pengamalan Modul

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Saya ada keinginan untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan aplikasi *Quizlet.*	4.93	0.25	Tinggi
2	Saya senang memahami arahan penggunaan aplikasi *Quizlet* semasa PdPc peribahasa Tamil.	4.90	0.31	Tinggi
3	Saya seronok menggunakan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil.	5.00	0.00	Tinggi
4	Saya dapat mengingati peribahasa Tamil apabila menggunakan aplikasi *Quizlet.*	4.97	0.18	Tinggi
5	Saya bersemangat semasa aktiviti peribahasa Tamil yang menggunakan aplikasi *Quizlet.*	5.00	0.00	Tinggi
6	Penggunaan modul peribahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi *Quizlet* amat menarik.	5.00	0.00	Tinggi
7	Saya dapat mempelajari peribahasa Tamil dengan aplikasi *Quizlet* tanpa bantuan orang lain.	4.90	0.31	Tinggi
8	Saya suka menggunakan aplikasi *Quizlet.*	4.97	0.18	Tinggi
9	Aplikasi *Quizlet* senang digunakan.	5.00	0.00	Tinggi
10	Aplikasi *Quizlet* ada potensi besar pada masa akan datang.	4.93	0.25	Tinggi
	Jumlah keseluruhan	**4.96**	**0.13**	**Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21 menunjukkan hasil dapatan bagi bahagian C iaitu peningkatan motivasi dengan pengamalan modul. Terdapat lima item menunjukkan nilai bacaan purata tertinggi iaitu 5.00 dengan hasil sisihan piawainya ialah 0.00. Item tersebut adalah saya berasa mudah mempelajari peribahasa Tamil dengan aplikasi *Quizlet*, saya ada kemudahan telefon bimbit pintar untuk penggunaan aplikasi *Quizlet*, ibubapa saya membenarkan saya menggunakan aplikasi *Quizlet*, saya boleh mengaplikasi kaedah ini dalam mata pelajaran yang lain dan akhir sekali, item kaedah atau teknik baharu ini dapat meningkatkan pembelajaran kendiri saya. Item bagi bacaan purata terendah ialah saya mempunyai keyakinan diri untuk melafaz peribahasa Tamil iaitu sebanyak 4.87 dengan sisihan piawai sebanyak 0.35. Purata dan sisihan piawai secara keseluruhan bagi bahagian C iaitu peningkatan motivasi dengan pengamalan modul daripada dapatan soal selidik adalah sebanyak 4.95 dan 0.14. Tahap keseluruhan bagi bahagian C menunjukkan tahap pencapaian tinggi. Hasil dapatan soal selidik bagi 30 orang murid secara keseluruhan bagi bahagian C boleh dirujuk di bahagian Lampiran S.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21

Peningkatan Motivasi dengan Pengamalan Modul

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	**Sisihan piawai**	**Tahap**
1	Aplikasi *Quizlet* ini sangat baru bagi saya.	4.90	0.31	Tinggi
2	Aplikasi *Quizlet* ini sangat mudah untuk dikuasai.	4.93	0.25	Tinggi
3	Saya berasa mudah mempelajari peribahasa Tamil dengan aplikasi *Quizlet*.	5.00	0.00	Tinggi
4	Saya mempunyai keyakinan diri untuk melafaz peribahasa Tamil.	4.87	0.35	Tinggi
5	Saya berasa senang mengingati peribahasa Tamil dan maksudnya dengan menggunakan aplikasi *Quizlet.*	4.90	0.31	Tinggi
6	Aplikasi *Quizlet* meningkatkan daya ingatan saya.	4.93	0.25	Tinggi
7	Saya ada kemudahan telefon bimbit pintar untuk penggunaan aplikasi *Quizlet.*	5.00	0.00	Tinggi
8	Ibubapa saya membenarkan saya menggunakan aplikasi *Quizlet*.	5.00	0.00	Tinggi
9	Saya boleh mengaplikasi kaedah ini dalam mata pelajaran yang lain.	5.00	0.00	Tinggi
10	Kaedah atau teknik baharu ini dapat meningkatkan pembelajaran kendiri saya.	5.00	0.00	Tinggi
	Jumlah keseluruhan	**4.95**	**0.14**	**Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, jadual 4.22 menunjukkan murid-murid berpendapat bahawa modul ini sangat menarik. Hasil dapatan kajian bagi ketiga-tiga bahagian iaitu pemahaman kandungan modul; output pengamalan modul dan peningkatan motivasi dengan pengamalan modul berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan murid-murid seronok menggunakan aplikasi *Quizlet* semasa pembelajaran peribahasa Tamil. Soal selidik ini turut menunjukkan peningkatan dalam keyakinan diri serta turut membantu dalam daya ingatan murid-murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

Jadual 4.22

Purata dan Sisihan Piawai secara Keseluruhan Kebolehlaksanaan Modul Pembelajaran Peribahasa Berdasarkan Aplikasi Quizlet Berdasarkan Soal Selidik Murid

Bil	Soalan	Analisis		
		Purata	Sisihan piawai	Tahap
1	Pemahaman kandungan modul.	4.74	0.37	Tinggi
2	Output pengamalan modul	4.96	0.13	Tinggi
3	Peningkatan Motivasi dengan Pengamalan Modul.	4.95	0.14	Tinggi

4.9.3 Pandangan Guru Mata Pelajaran Bahasa Tamil dan Murid Selepas Menggunakan Modul

Bagi mengukuhkan lagi soalan kajian keempat ini, instrumen temu bual digunakan ke atas guru Bahasa Tamil dan murid-murid Tahun Lima. Dalam bahagian ini, guru bahasa Tamil dan murid-murid Tahun Lima memberi cadangan dan komen bagi pengubahsuaian modul, dimana sesi ini djalankan secara bersemuka. Cadangan dan komen ini merangkumi kekuatan dan kelemahan modul ini semasa PdPc dijalankan di bilik darjah dan juga semasa pembelajaran di luar bilik darjah serta pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kendiri. Seorang guru bahasa Tamil dan tiga orang murid Tahun Lima terlibat dalam temu bual bersemuka. Pandangan mereka diambil selepas penggunaan modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

Tujuan utama temu bual ini dijalankan adalah untuk menilai kefahaman terhadap modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet,* impak modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dan kebolehlaksanaan modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Bagi mendapatkan data dalam bahagian ini, pengkaji memilih guru mata pelajaran bahasa Tamil dan murid kelas rawatan yang menggunakan modul ini dalam PdPc mereka. Seramai 10 orang guru dan 30 orang murid menggunakan modul ini.

Penilai memilih seorang guru dan tiga orang murid yang dipilih dari kumpulan cemerlang, baik dan lemah untuk terlibat dalam temu bual bersemuka ini. Pemilihan dilakukan selepas mendapat persetujuan dan kesanggupan responden terhadap pelaksanaan kajian lapangan. Responden guru mata pelajaran bahasa Tamil pula dipilih kerana kesanggupan beliau dalam memberi maklumbalas yang penting terhadap pembangunan modul ini.

Komen dan cadangan responden terhadap kekuatan serta kelemahan modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* digunakan untuk menambahbaik modul ini untuk kegunaan pada masa akan datang. Respon dan cadangan guru mata pelajaran bahasa Tamil dan murid dilakukan dengan menggunakan instrumen temu bual bersemuka. Instrumen temu bual tertutup dibina berdasarkan tiga aspek, iaitu aspek kefahaman terhadap modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*, impak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* dan kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

4.9.3.1 Pandangan Guru Mata Pelajaran Bahasa Tamil

Pandangan guru diambil melalui kaedah temubual. Seorang guru dipilih dalam sesi temu bual ini. Guru ini merupakan guru mata pelajaran Bahasa Tamil yang menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* semasa PdPc beliau di kelas rawatan. Sesi temu bual memberi tumpuan kepada tiga aspek iaitu kefahaman murid terhadap modul, impak murid terhadap modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* dan kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kefahaman ini dinilai berdasarkan pandangan guru bahasa Tamil yang menggunakan aplikasi *Quizlet* dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa Tamil. Mengikut pandangan guru bahasa Tamil, kefahaman murid terhadap modul adalah amat memuaskan. Beliau menyatakan bahawa arahan yang ditulis dalam modul itu jelas dan terang. Beliau turut menyatakan murid-murid dapat memahami arahan yang terdapat dalam modul itu.

> *வாழ்த்துக்கள் மா. இது ஒரு வித்தியாசமான ஒரு மோடுல் தான் மா. சிறப்பா செஞ்சுரிகிங்க. இதுல உள்ள கட்டளைகள் எல்லாம் தெளிவா மாணவர்கள் விளங்கி கொண்டாங்க. நான் அடுத்து என்ன செய்யனும் என்று சொல்லவே இல்ல. அவர்களே அடுத்தது என்ன செய்யனும்னு செஞ்சிகிட்டு போறாங்க. படத்தின் துணையுடன் கட்டளை விளக்கியது மிகவும் சிறப்பு மா.* (TB/GBT/ 22 - 27)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terjemahan;

> Sebelum ini, saya juga mempunyai niat untuk berkongsi pendapat dengan cikgu berkenaan modul ini. Cikgu dah mula. Pada pendapat saya, modul ini sangat unik cikgu. Syabas cikgu! Arahan-arahan dalam modul ini sangat baik dan mudah difahami oleh murid-murid. Saya tidak perlu membimbing murid lagi. Mereka dapat membaca arahan dan melihat gambar yang diberi sebagai bimbingan untuk langkah- langkah seterusnya. Sangat baik, cikgu.

Guru Bahasa Tamil juga menyatakan bahawa penggunaan aplikasi *Quizlet* senang dipelajari dan boleh digunakan tanpa bantuan orang lain. Hal ini kerana cara penggunaannya telah diterangkan mengikut langkah. Beliau turut bersetuju pemberian *QR code* bagi setiap set pembelajaran membantu dalam meringankan beban tugas guru dan memudahkan murid-murid untuk membuat akses sendiri.

> *இந்த ஏப்ஸ் சில் எட்டு வாரத்திற்கான நடவடிக்கை கொடுக்கப்பட்டிருந்தது. மாணவர்கள் இதில் எளிமையாக நுழைய இரு வகையான வழிகள் இருந்தன. ஒன்று கூகல் வழியாக மற்றொன்று* QR code *ஆகும். அதனால் என் மாணவர்கள் விரைவாகவும் எளிமையாகவும் அந்த நடவடிக்கையை திறந்து பயன்படுத்துனாங்க. இதில் அவர்கள் எந்தச் சிக்கலும் எதிர்நோக்கவில்லை. பாட ஆசிரியர் எனக்கும் எந்தச் சிக்கலும் இல்லை. என்னுடைய கற்றல் கற்பித்தல் எந்தத் தடங்கள் இல்லாமல் தொடர்ச்சியா இருந்துச்சு.* (TB/GBT/ 36 - 43)

Terjemahan;

> Modul ini mempunyai aktiviti yang mencukupi untuk lapan minggu. Murid-murid boleh memasuki aplikasi ini melalui imbasan kod QR atau pautan yang disediakan. Murid-murid boleh melayari aplikasi ini dengan mudah. Guru tidak mengalami masalah semasa mengendali modul ini. Murid-murid juga tiada sebarang kesulitan semasa menggunakan aplikasi ini. Proses PdPc berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, guru bahasa Tamil menyatakan bahawa penggunaan aplikasi *Quizlet* dalam modul amat berkesan. Aktiviti yang terdapat dalam aplikasi ini memberi banyak manfaat kepada murid-murid. Selain itu, modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* ini juga membantu dalam pembelajaran kendiri. Murid-murid juga boleh membuat ulangkaji di mana jua tanpa mengharapkan bantuan atau bimbingan. Guru Bahasa Tamil ini juga menyatakan bahawa aktiviti didik hibur yang terdapat dalam aplikasi *Quizlet* ini dapat menarik perhatian murid-murid serta membantu pengajaran dalam kelas.

> *இது ஒரு சிறப்பான புதிய முயற்சி மா. நானே இப்பதான் இப்படி ஒன்ன பார்த்துருக்கேன். பழமொழி படிக்க ஒரு ஏற்புடைய ஏப்ஸ் தான். மாணவர்கள் ஆர்வமாகப் பயன்படுத்தினாங்க. வீட்டுல அவங்க அம்மா, அப்பா போன் பயன்படுத்தி படிச்சேனு சொன்னாங்க. எல்லாரும் பயன்படுத்திருக்காங்க. இது ஒரு சிப்பல் ஏப்ஸ் தான். ஆனா தமிழ்மொழி பாடத்துக்கும் பயன்படுத்தலாம் என்று இப்போ தெரிஞ்சிகிட்டேன்.* (TB/GBT/ 57 - 62)
>
> Terjemahan;
>
> Modul ini adalah satu usaha yang baik, cikgu. Saya sendiri baru melihat modul sebegini. Aplikasi ini adalah suatu yang baik digunakan bersama pengajaran dan pembelajaran ‘Pazhamozhi’. Keunikannya adalah murid lebih berminat untuk belajar. Terdapat murid-murid yang berkata mereka telha menggunakan telefon pintar ibubapa mereka untuk menjwab kuiz modul ini. Apliksai ini sangat mudah dan saya juga mempelajari aplikasi-aplikasi seperti ini dapat membantu dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan pandangan guru bahasa Tamil, modul ini tidak langsung mengganggu PdPc, malah membantu mereka mengajar peribahasa Tamil dengan kaedah yang lebih mudah dan senang. Modul ini dirasakan amat berkesan manakala aktiviti yang terdapat dalam aplikasi amat menarik dan mudah untuk digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> மாணவர்கள் படிநிலைக்கு ஏற்றது மட்டுமில்ல மா எல்லா பழமொழியும் மிஸ் பண்ணாமே இருக்கு. 30 பழமொழியும் பல்வகை படுத்தி கேட்டுரிக்கிங்க. இந்த ஏப்ஸ் நான் இப்போதா கேள்வி படுறே. எல்லா தர மாணவர்களும் செய்து பார்க்கனும் அந்த வேட்கை முயற்சியும் இருக்கு. விளையாட்டு முறையிலே பாடம் அழகா கொண்டு போது. (TB/GBT/97-101)
>
> Terjemahan;
>
> Bukan sekadar menepati tahap murid, modul ini juga merangkumi tiga puluh 'Pazhamozhi' berserta dengan maksud dan penjelasannya. Saya baru mendapat pengalaman bersama modul dan aplikasi sebegini. Saya juga bercendurung untuk menggunakan apalikasi ini pada masa akan datang.

Seterusnya, pengkaji ingin membincangkan impak ke atas murid terhadap modul yang dihasilkan. Bahagian ini menerangkan minat murid-murid terhadap modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Guru Bahasa Tamil memberi pandangan bahawa murid-murid berminat dengan modul ini. Antara sebabnya adalah kerana modul ini berwarna warni, mempunyai permainan bahasa yang menarik serta boleh digunakan dalam telefon pintar. Mereka juga menyatakan bahawa modul ini merupakan modul pembelajaran kendiri dan murid-murid tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada guru, malah boleh melatih mereka untuk belajar sendiri.

> இல்ல மா. ரொம்ப பயனுள்ளதா இருந்துச்சி. ஆனா இது ரொம்ப புதுசா இருந்துச்சு. போன் தான் குறைவா இருந்துச்சு. பயிற்சிகள் பல்வகைப்படுத்தி கொடுத்தது மாணவர்களை ரொம்ப ஈர்த்தது. அதுவும் கலர் கலரா படமும் கேம்ஸ் இருக்கிறது மாணவர்கள் விரும்பி செய்யுறாங்க. அதுமட்டுமில்லாமல் பல மாணவர்கள் அவர்களாவே வீட்டுலே படிக்கிறாங்க.(TB/GBT/76-79)
>
> Terjemahan;
>
> Tidak cikgu. Ianya sangat membantu saya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi ini masih baru dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> kekurangan peranti di kalangan semua murid sedikit menyukarkan keadaan. Walaubagaimanapun, kepelbagaian latihan menarik minat murid. Selain itu, murid-murid lebih berminat menggunakan modul ini kerana ianya berwarna warni dan mempunyai permainan bahasa yang menarik. Murid-murid juga tidak bergantung sepenuhnya kepada saya, sebaliknya mereka mampu belajar sendiri.

Mengikut pandangan guru bahasa Tamil, modul ini memberi kesan yang positif kepada murid-murid. Modul ini boleh dilaksanakan di sekolah bagi meningkatkan lagi tahap pemahaman murid-murid. Guru bahasa Tamil juga menyatakan bahawa terdapat soalan yang lebih mencabar, iaitu soalan dari aras tinggi. Beliau menyatakan bahawa kaedah soalan pelbagai aras amat menarik.

> இல்ல மா எல்லாரும் ரொம்ப ஆர்வமா பயன்படுத்துனாங்க. அவங்களுக்கு ரொம்ப பிடிச்சிருச்சு. மதிப்பீட்டு பகுதியில நீங்க வினாக்கள் பல்வகை படுத்தி கேட்டது அவர்களைச் சிந்திக்கத் தூண்டுனிச்சி. இதுல எளிமையான நடவடிக்கையும் இருக்கு.சவால் நிறைந்ததும் இருக்கு. (TB/GBT/ 85 - 89)
>
> Terjemahan;
>
> Tidak cikgu. Murid-murid berasa sangat aktif dan gembira semasa menjalani modul ini. Kepelbagaian soalan mengikut tahap murid menjadi salah satu punca keinginan belajar murid meningkat sewaktu pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Guru Bahasa Tamil juga berpendapat modul ini amat bersesuaian dengan murid-murid Tahun Lima. Penggunaan modul ini boleh diperluaskan kepada semua murid kerana penggunaannya mudah dan sebagai pembelajaran awal sebelum topik yang sama diajar di kelas. Murid-murid Tahap Satu juga boleh belajar lebih awal kerana cara pembelajarannya senang dan mudah difahami.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *இது புதிய முயற்சிமா. ரொம்ப நல்ல இருக்கு. ஐந்தாம் ஆண்டு தவிர எல்லா படிநிலை மாணவர்களும் இத தாரளமா பயன்படுத்தலாம். ரொம்ப எளிமையாகவும் கவரும் வண்ணமும் இருந்துச்சு. சிறப்பு மா.* (TB/GBT 109 - 111)
>
> Terjemahan;
>
> Modul ini satu usaha baru cikgu. Sangat baik. Bukan sekadar murid Tahun Lima sahaja malahan semua murid boleh menggunakan modul ini kerana ia mudah difahami dan menarik minat murid.

Mereka juga memberi cadangan agar teknologi ini diperluaskan ke semua sekolah di Malaysia kerana modul ini merupakan modul inovasi dan menggunakan aplikasi yang baharu dalam pendidikan. Bahan ini juga boleh dijadikan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) kepada para guru. Mengikut pandangan mereka penggunaan aplikasi dalam pembelajaran bukan sahaja akan meningkatkan lagi pencapaian murid-murid dalam pendidikan, malah boleh meningkatkan minat murid-murid terhadap pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *கண்டிப்பா பயன்படுத்தலாம் மா. எல்லா பிள்ளைகளும் பயன் அடைவாங்க. படிக்க முடியாத பிள்ளைகள் கூட இதுல உள்ள நடவடிக்கையைப் பார்த்து செய்யனும்னு ஆர்வம் தூண்ட வைக்குது. எல்லாரும் ஏற்றது. அதன் பயனை நான் பார்த்தேன்.* (TB/GBT 119-122)
>
> Terjemahan;
>
> Pada pendapat saya, wajib digunakan cikgu. Ia akan memberi manfaat kepada semua murid. Murid-murid berkesukaran untuk belajar juga mampu belajar 'Pazhamozhi' dengan mudah, cikgu. Ia merangsang keinginan belajar murid tanpa mengira tahap.

Secara keseluruhannya, guru bahasa Tamil berpendapat modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* sangat berkesan ke atas murid-murid. Murid dari pelbagai tahap boleh menggunakan modul ini sebagai rujukan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran peribahasa Tamil. Penggunaan modul ini boleh diaplikasi ke semua sekolah SJKT bagi meningkatkan lagi prestasi murid dan sekaligus meningkatkan pencapaian sekolah.

Bahan ini juga boleh dijadikan sebagai BBM bagi guru. Modul ini turut membantu murid-murid tanpa mengira tahap pencapaian akademik. Murid yang lemah pun boleh menggunakan modul ini kerana ianya banyak menggunakan *flashcard*. Penggunaan *flashcard* diyakini membantu murid-murid dalam mengingati peribahasa Tamil dengan lebih mudah. Oleh itu, penggunaan modul ini bukan sahaja terbatas kepada murid-murid Tahun Lima, tetapi boleh diperluaskan kepada semua murid di sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9.3.2 Pandangan Murid Selepas Menggunakan Modul

Bagi mendapatkan maklumat tentang kebolehlaksanaan modul dalam pembelajaran peribahasa Tamil, pengkaji menggunakan protokol temu bual secara bersemuka sebagai instrumen kajian. Seramai tiga orang murid dipilih dari kalangan murid-murid Tahun Lima yang menggunakan modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Murid ini juga telah mengambil ujian tahap penguasaan (UTPT) untuk memudahkan mereka dikategori dalam tiga kelompok, iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Tujuan pengkaji berbuat sedemikian adalah untuk mendapatkan maklumbalas dari semua kategori murid. Satu murid mewakili setiap kelompok, menjadikan murid yang dipilih adalah seramai tiga orang. Aspek yang ditekankan dalam protokol temu bual adalah kefahaman murid terhadap modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet,*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

impak modul terhadap murid serta kebolehlaksanan modul dalam kalangan murid-murid Tahun Lima. Hasil pencapaian modul dapat dilihat dalam ujian pos yang dibuat oleh kumpulan rawatan.

Pengkaji mengutarakan beberapa soalan berkenaan kefahaman murid terhadap modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Menurut pandangan murid-murid Tahun Lima, kefahaman dalam penggunaan modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* adalah amat baik. Mereka berpendapat modul ini amat seronok digunakan semasa pembelajaran peribahasa Tamil. Mengikut pandangan murid, modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* adalah satu pendekatan yang baru dan disukai ramai.

Murid-murid turut menyatakan bahawa arahan yang dipapar dalam modul itu amat jelas dan terang. Hal ini menjadikan mereka senang memahami arahan di modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Bagi kategori murid yang lemah, mereka menggunakan gambar dan ayat-ayat yang pendek serta mudah untuk memahami arahan di modul tersebut.

> *தெளிவா புரிஞ்சது டீச்சர். அந்த வாக்கியம் எல்லாம் சின்ன சின்னதா இருந்ததால எனக்கு எழுதுக் கூட்டி வாசிக்க முடிந்தது டீச்சர். எல்லா கட்டளைக்கும் படம் வேற இருந்ததால அதை பார்த்தும் செய்தேன், டீச்சர்.* (TB/ML/23-26)
>
> Terjemahan;
>
> Ya cikgu, boleh faham. Arahan-arahan itu pendek dan mudah untuk mengeja dan membaca cikgu. Semua arahan mempunyai gambar dan ia memudahkan saya untuk mengikut langkah-langkahnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid-murid juga menyatakan bahawa mereka dapat mengingati peribahasa Tamil dengan lebih baik selepas penggunaan aplikasi *Quizlet.* Murid-murid dari kategori sederhana dan lemah juga mendapat faedah selepas menggunakan teknologi ini. Mereka menyatakan bahawa modul ini tidak mengganggu pembelajaran peribahasa Tamil malah sangat membantu mereka.

> *முடியுது டீச்சர். இப்போலாம் என்னால அந்த பழமொழி சம்பந்தமான கேள்விக்குப் பதிலளிக்க முடியுது. பிழை வாங்க மாட்டேன்.* (TB/ML/47-48)
>
> Terjemahan;
>
> Boleh cikgu. Selepas mempelajari modul itu, saya tidak pernah salah menjawab soalan berkenaan 'Pazhmozhi', cikgu.

> *இதுலே பழமொழி சம்பந்தமா மறுபடியும் மறுபடியும் மாற்றி மாற்றி கேள்வி கேட்குறாங்க டீச்சர். அப்ப ஒவ்வொன்னும் செய்யும் போதே ஞாபகத்தில் வந்துடுது டீச்சர்.* (TB/ML/39-41)
>
> Terjemahan;
>
> Setiap unsur 'Pazhamozhi' diikuti dengan soalan berkenaannya diajukan kerap kali dalam modul itu. Lantaran itu, kami dapat menghafalnya dengan mudah.

Seterusnya, pengkaji turut mengkaji impak modul berdasarkan pandangan murid yang menggunakan modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Bahagian ini menerangkan minat dan kegemaran murid-murid terhadap modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pandangan murid-murid, modul ini sangat seronok digunakan pada bila-bila masa dan tidak membosankan langsung. Mereka juga menyatakan bahawa modul ini dapat digunakan di rumah dengan menggunakan telefon bimbit ibu bapa dan mudah digunakan dengan aplikasi *Quizlet.* Murid-murid dapat menggunakan modul ini walaupun ketika PKP.

> *கேம்ஸ் விளையாடிகிட்டே படிக்கிறது ரொம்ப நல்லா இருக்கு. எனக்கு இப்படி படிக்கிறது ரொம்ப பிடிச்சிருந்துச்சு. MCO நேரத்துலே இதை திறந்து செய்து பார்ப்பேன் டீச்சர்.* (TB/MS/55-57)
>
> Terjemahan;
>
> Saya sangat suka untuk belajar melaui permainan, cikgu. Saya lebih suka belajar dengan cara seperti ini. Saya juga menjawab modul ini pada masa PKP, cikgu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *ரொம்ப பிடிச்சிருக்கு டீச்சர். MCO டைம்லே நானும் என் தங்கச்சியும் சேர்ந்து செய்தோம். அதுலே உள்ள கேம்ஸ் நல்லா இருக்கு.* (TB/ML/61-62)
>
> Terjemahan;
>
> Saya sangat suka untuk belajar modul ini, cikgu. Saya dan adik saya lebih suka belajar dengan modul ini pada masa PKP, cikgu.

Bagi soalannya pula, ada soalan yang mencabar manakala ada juga yang kurang mencabar. Bagi murid-murid yang cemerlang, kebanyakkan soalan senang dijawab, walaupun ada soalan aras tinggi yang susah dijawab. Bagi murid-murid yang lemah pula, mereka menyatakan ada soalan yang susah tetapi jawapan boleh disemak dengan menggunakan aplikasi yang sama.

> *இருக்கு டீச்சர். ஆனா சில கேள்வி கஷ்டமாவும் இருத்திச்சி டீச்சர். பிழையா செய்தா மறுப்படியும் விடை சொல்லி கொடுக்குது.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

பழமொழி கொடுத்து படம் இணைக்கிறது; பழமொழி பூர்த்தி செய்றது எல்லாம் செய்ய முடியுது டீச்சர். (TP/ML/76-79)

Terjemahan;

Ya cikgu. Ada beberapa soalan yang sukar untuk dijawab, cikgu. Saya dapat menjawab soalan seperti dalam aktiviti melengkapkan 'Pazhamozhi', aktiviti memadankan 'Pazhamozhi' dengan maksudnya dan sebagainya. Sekiranya ada kesilapan jawapan boleh disemak semula.

இருக்கு டீச்சர். ஆனா சில கேள்விகள் கொஞ்சம் கஷ்டமா கேட்டிருந்தாங்க. ஆனா ஓகே தான் டீச்சர் செய்ய முடிஞ்சது. ஆனா, கேள்விகள் இன்னும் கூட கொடுத்தா இன்னும் நல்லா இருக்கும் டீச்சர். (TP/MC/85-87)

Terjemahan;

Ya cikgu. Saya menghadapi masalah ketika menjawab beberapa soalan. Walaubagaimanapun, saya dapat menjawabnya dengan betul pada akhir. Saya juga berasa jika soalan-soalan tersebut diperbanyakkan lagi bagus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pandangan murid-murid dalam aspek kebolehlaksanaan modul, mereka berpendapat bahawa modul ini sangat menarik dan seronok digunakan. Modul ini dapat membantu murid lain sekiranya diamalkan di sekolah kerana ada di kalangan murid-murid ini yang menggunakan modul ini bersama adik beradik masing-masing. Atas sebab ini, mereka berpendapat bahawa modul ini dapat memberi manfaat yang banyak sekiranya dapat dilaksanakan secara meluas di sekolah. Mengikut pandangan murid-murid yang cemerlang, bilangan latihan dalam modul ini boleh ditambah lagi manakala murid-murid lemah pula berpendapat latihan dalam modul ini mencukupi. Sebilangan murid juga berpendapat modul ini amat sesuai untuk kegunaan di rumah. Terdapat juga murid yang seronok menggunakan modul ini semasa PKP baru-baru ini. Bagi mereka, modul ini memang sangat menarik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *ஆமா டீச்சர். உதவியா இருக்கு. ஆசிரியர் சொல்லிக் கொடுத்த பிறகு வீட்டுலேயும் திறந்து செய்து பார்க்க முடியுது. அடிக்கடி இப்படி செய்து பார்த்தே அந்தப் பழமொழி எல்லா ஞாபகம் இருக்கு டீச்சர்.* (TB/MC/ 93-96)
>
> Terjemahan;
>
> Ya cikgu. Ia sangat membantu, cikgu. Setelah tamat pengajaran, saya juga dapat akses pembelajaran ini di rumah melalui internet. Saya kerap kali belajar 'Pazhamozhi' ini dan ia membantu saya untuk hafalnya dengan mudah.

Secara keseluruhannya, murid berpandangan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* amat berkesan ke atas mereka. Murid-murid suka akan modul yang dihasilkan. Mereka seronok menggunakan modul ini dengan penggunaan aplikasi *Quizlet*. Mereka juga minat belajar peribahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi yang dibina oleh pengkaji. Hal ini kerana murid-murid inginkan kelainan semasa proses PdPc, dimana mereka berpeluang menggunakan gadjet seperti telefon pintar semasa proses pembelajaran.

> *ஆமா டீச்சர். உதவியா இருக்கு. இங்க நிறைய பழமொழி கேம்ஸ் இருக்கு. அது விளையாடி விளையாடியே அந்தப் பழமொழி ஞாபகமாச்சி, டீச்சர்.* (TB/MS/76-78)
>
> Terjemahan;
>
> Ya cikgu. Ia sangat membantu, cikgu. Saya kerap kali bermain kuiz 'Pazhamozhi' ini dan ia membantu saya untuk menghafalnya dengan mudah.

Mereka lebih suka pembelajaran melalui modul ini berbanding dengan pembelajaran secara tradisional. Lagi pun, modul ini boleh digunakan bersama dengan aplikasi di mana-mana jua tanpa mengira masa dan tanpa bantuan orang lain. Modul ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan modul pembelajaran kendiri yang boleh membantu murid-murid belajar dengan sendiri tanpa bantuan pihak ketiga. Penilaian juga boleh dibuat oleh pengguna itu sendiri. Modul ini turut mempunyai sesi tutorial dan sesi latihan. Kesemua hal ini menjadikan murid-murid gembira dan seronok ketika menggunakan modul ini.

Berdasarkan pandangan mereka, teknik pembelajaran ini perlu diperluaskan di sekolah mereka. Mereka percaya bahawa modul dengan aplikasi ini dapat membantu meningkatkan lagi prestasi mereka dalam peperiksaan. Modul ini sangat membantu mereka dalam mengingati peribahasa Tamil dan boleh dipelajari sebelum diajar guru di sekolah.

4.10 Soalan Kajian 5 : Kebolehlaksanaan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berdasarkan Aplikasi *Quizlet*

Bahagian ini membincangkan soalan kajian kelima, iaitu berkenaan 'Sejauh manakah kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dalam kajian lapangan?' Bagi menjawab soalan kajian ini, pengkaji membina satu ujian penguasaan peribahasa Tamil bagi murid-murid Tahun Lima.

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian fasa tiga yang meliputi aspek (i) tahap penguasaan ujian pra peribahasa Tamil dan (ii) tahap penguasaan ujian pos peribahasa Tamil. Hal ini untuk menilai kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Ujian tersebut dibina dalam dua bentuk iaitu soalan objektif dan soalan subjektif serta tahap penguasaan diperolehi melalui UTPT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dinilai berdasarkan hipotesis yang dibina oleh pengkaji. Antara hipotesis yang dibina adalah (i) signifikasi di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan (ii) signifikasi di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan kawalan dan (iii) signifikasi di antara min skor ujian pos dan min skor ujian pos bagi kedua dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

4.10.1 Pelaksanaan Ujian Pra dan Ujian Pos Peribahasa Tamil

Ujian merupakan antara kaedah yang diimplementasi dalam kajian ini bagi mengetahui dan mengenal pasti tahap pencapaian serta kelemahan pelajar dalam segmen peribahasa Tamil. Secara amnya, instrumen kajian ini merangkumi ujian pra dan ujian pos yang mempunyai item soalan yang sama. Pelaksanaan ujian ini bertujuan menguji dan menilai tahap kefahaman, ingatan, penguasaan serta peningkatan pencapaian pelajar dalam peribahasa Tamil. Secara tidak langsung, kaedah pengendalian ujian pra dan ujian pos juga dapat membantu pengkaji dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh responden khususnya dalam menguasai dan memahami peribahasa Tamil.

Sebelum pengkaji melaksanakan pendekatan pembelajaran dan memperolehi skor pencapaian pelajar daripada kumpulan rawatan, ujian pra diaplikasikan terlebih dahulu ke atas kedua-dua kumpulan kajian bagi memastikan kesetaraan dari segi pencapaian skor. Ujian pos diimplementasi selepas pendekatan pembelajaran berasaskan modul terhadap kumpulan sasaran dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan ujian ke atas pelajar dibuat menepati Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Tahun Lima SJKT. Item-item soalan yang dibina dalam bentuk objektif dan subjektif, selaras dengan panduan Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran Bahasa Tamil Tahun Lima, panduan guru-guru Panitia Bahasa Tamil, guru pakar SJKT serta Peperiksaan Pertengahan dan Akhir tahun-tahun lepas di sekolah kajian.

Pembinaan soalan hanya terhad kepada skop kajian ini iaitu berlandaskan peribahasa Tamil sahaja untuk memudahkan pengkaji membuat penilaian yang lebih terperinci (Nur Hafizah, 2011). Berdasarkan kajian ini, pengkaji menyediakan ujian berasaskan lima kriteria iaitu menulis maksud peribahasa, menulis dan melengkapkan peribahasa, mengisi tempat kosong, memilih peribahasa yang sesuai bagi situasi dan akhir sekali, menulis peribahasa berdasarkan gambar. Markah yang diperuntukkan bagi setiap bahagian ialah dua puluh peratus. Penyediaan soalan ditumpukan kepada aras rendah, aras sederhana dan aras tinggi. Item-item soalan dalam ujian yang dikendalikan adalah bersesuaian dengan tahap kemampuan dan kebolehan pelajar Tahun Lima. Hal ini adalah untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan pelaksanaan ujian bagi kedua-dua kumpulan pelajar. (Ku, Johnson Lim, 2011)

Responden kajian adalah dari dua kelas yang sedia ada mengikut penstrukturan pihak pentadbir sekolah. Kedua-dua kelas ini merangkumi responden perempuan dan lelaki. Ujian dilaksanakan kepada 60 orang murid iaitu seramai 30 orang murid dari kumpulan kawalan dan 30 orang murid dari kumpulan rawatan. Asasnya, murid-murid dari kedua-dua kelas ini dikategorikan melalui sistem pengelompokkan pelajar mengikut tahap pencapaian peperiksaan sekolah serta tahap pembelajaran dalam bidang akademik. Hal ini menjadikan tahap kedua-dua kelas ini adalah sama. Maka kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap ujian ini adalah holistik serta pemerolehan data melalui ujian-ujian dijalankan adalah memenuhi kesahan dan kebolehpercayaan.

Bagi menilai prestasi pencapaian murid dalam penguasaan peribahasa Tamil dalam ujian pra dan ujian pos, pengkaji menetapkan satu petunjuk bagi mengukur tahap pencapaian murid. Petunjuk tahap pencapaian bagi ujian pra dan ujian pos adalah seperti berikut:

Jadual 4.23


Tahap Pencapaian Dikira Berdasarkan Markah

Skor	Gred	Analisis	Kelayakan
85 – 100	A	Cemerlang	Lulus
70 – 84	B	Sangat Baik	Lulus
60 – 69	C	Baik	Lulus
50 – 59	D	Memuaskan	Lulus
40 -49	E	Lemah	Lulus
0 - 39	F	Sangat Lemah	Gagal

(Diadaptasi dan dimodifikasi daripada Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.7. Rekabentuk Ujian Pra dan Pos bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

Jadual 4.24

Pengagihan Skor Markah Penguasaan Peribahasa Tamil Dalam Kalangan Murid Tahun Lima SJKT Bagi Kelas Kawalan Dan Kelas Rawatan Berdasarkan Ujian Pra

Gred	Skor	Bilangan Responden (Kawalan)	Peratus (%)	Bilangan Responden (Rawatan)	Peratus (%)
A	85 – 100	0	0.0	0	0.0
B	70 – 84	8	26.7	10	33.3

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.24 *(sambungan)*

Gred	Skor	Bilangan Responden (Kawalan)	Peratus (%)	Bilangan Responden (Rawatan)	Peratus (%)
C	60 – 69	8	26.7	3	10.0
D	50 – 59	3	10.0	8	26.7
E	40 – 49	7	23.3	4	13.3
F	0 – 39	4	13.3	5	16.7
	JUMLAH	30	100	30	100

Gambar rajah 4.8 menunjukkan jumlah pencapaian mengikut gred dalam bentuk peratus. Analisis data menunjukkan tiada murid yang memperolehi Gred A dari kedua dua kumpulan rawatan dan kawalan. Analisis juga menunjukkan sebanyak 26.70% murid dari kumpulan kawalan dan 33.30% murid dari kumpulan rawatan memperoleh gred B dalam ujian pra. Pencapaian gred C adalah sebanyak 26.70% dari kumpulan kawalan dan 10.0% dari kumpulan rawatan.


Data juga menunjukkan peratus pencapaian gred D adalah sebanyak 10.0% bagi kumpulan kawalan dan 26.70% bagi kumpulan rawatan. Pencapaian gred E yang dikategorikan lemah mencapai 23.30% bagi kelas kawalan dan 13.30% bagi kelas rawatan. Sebanyak 13.30% dari kelas kawalan dan 16.70% dari kelas rawatan mendapat gred E, iaitu gred yang menunjukkan tahap penguasaan yang paling lemah.

Data secara keseluruhan menggambarkan peratus pencapaian ujian pra berada pada tahap kurang memuaskan dalam kalangan murid Tahun Lima. Tiada murid dari kedua-dua kumpulan berjaya memperolehi tahap skor pencapaian cemerlang dalam ujian pra ini. Selain itu, kumpulan rawatan menunjukkan jumlah pencapaian gred B dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

C sebanyak 43.30% sahaja jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan yang mencapai 53.40%, dengan perbezaan sebanyak 10.10%. Peratusan hasil pencapaian gred D, E dan F lebih tinggi di kumpulan rawatan, dimana pencapaian sebanyak 56.70% dicatatkan berbanding dengan kumpulan kawalan yang mencatatkan 46.60% dengan perbezaan sebanyak 10.10%.




Rajah 4.8. Peratus Bilangan Murid Bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan Mengikut Pencapaian Gred dalam Ujian Pra

Gambar rajah 4.9 menunjukkan bilangan murid dari kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan pencapaian ujian pra. Tiada pencapaian gred A dicatatkan di kedua-dua kelas. Sebanyak lapan murid, masing masing mendapat gred B dan gred C di kumpulan kawalan berbanding sebanyak 10 dan tiga orang murid bagi kumpulan rawatan. Tiga orang murid mendapat gred D di kumpulan kawalan manakala lapan orang murid mendapat gred yang sama dari kumpulan rawatan. Gred E dan gred

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

F mencatatkan tujuh dan empat orang murid dari kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan mencatatkan empat dan lima orang murid masing masing. Keputusan hasil dapatan ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan didapati berada pada tahap minimum.



Rajah 4.9. Bilangan murid bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan mengikut pencapaian gred dalam ujian pra

Jadual 4.25 dan Jadual 4.26 menunjukkan huraian analisis secara keseluruhan markah ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan beserta purata bagi setiap bahagian dalam ujian pra. Berdasarkan kedua-dua jadual di atas, purata pencapaian skor bagi bahagian pertama iaitu bahagian menulis maksud peribahasa adalah tertinggi dalam kumpulan kawalan iaitu sebanyak 7.10 dan kumpulan rawatan iaitu sebanyak 7.60 jika dibandingkan dengan bahagian-bahagian lain. Purata pencapaian skor kedua tertinggi bagi kedua-dua kumpulan adalah bahagian menulis dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melengkapkan peribahasa iaitu kumpulan kawalan mencapai purata sebanyak 5.73 dan kumpulan rawatan pula mencapai purata 6.13. Pencapaian purata terendah dalam ujian pra bagi kumpulan kawalan adalah bahagian isi tempat kosong iaitu sebanyak 4.83 manakala bagi kumpulan rawatan adalah bahagian menulis peribahasa berdasarkan gambar iaitu sebanyak 4.93.

Jadual 4.25

Analisis Soalan Penguasaan Peribahasa Tamil dalam Kalangan Murid Tahun Lima SJKT Kelas Kawalan Berdasarkan Setiap Aspek yang Diuji dalam Ujian Pra

Responden Kelas Kawalan	Menulis maksud peribahasa	Menulis dan melengkapkan peribahasa	Isi tempat kosong	Memilih peribahasa yang sesuai bagi situasi	Menulis peribahasa berdasarkan gambar	Jumlah markah
R1	6	7	6	7	6	**32**
R2	4	1	1	2	2	**10**
R3	8	4	3	4	3	**22**
R4	9	8	7	8	8	**40**
R5	7	4	3	3	3	**20**
R6	8	6	6	4	4	**28**
R7	6	4	3	4	3	**20**
R8	6	7	6	7	5	**31**
R9	8	8	5	6	6	**33**
R10	5	4	3	4	5	**21**
R11	1	3	1	0	0	**5**
R12	9	7	8	8	8	**40**
R13	7	7	7	7	7	**35**
R14	8	6	5	7	7	**33**
R15	6	5	4	5	5	**25**
R16	8	7	7	6	6	**34**
R17	9	8	7	8	8	**40**
R18	10	8	8	8	7	**41**
R19	9	8	6	9	8	**40**
R20	4	1	1	0	0	**6**
R21	7	6	3	4	4	**24**
R22	8	7	7	6	6	**34**
R23	10	8	8	8	8	**42**
R24	5	4	3	4	4	**20**
R25	8	6	4	5	4	**27**

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.25 *(sambungan)*

Responden Kelas Kawalan	Menulis maksud peribahasa	Menulis dan melengkapkan peribahasa	Isi tempat kosong	Memilih peribahasa yang sesuai bagi situasi	Menulis peribahasa berdasarkan gambar	Jumlah markah
R26	9	7	5	6	6	**33**
R27	8	6	5	7	8	**34**
R28	3	1	2	1	1	**8**
R29	10	8	8	8	8	**42**
R30	7	6	3	4	4	**24**
PURATA	**7.10**	**5.73**	**4.83**	**5.33**	**5.13**	**28.13**

Jadual 4.26

Analisis Soalan Penguasaan Peribahasa Tamil dalam Kalangan Murid Tahun Lima SJKT Kelas Rawatan Berdasarkan Setiap Aspek yang Diuji dalam Ujian Pra

Responden Kelas Rawatan	Menulis maksud peribahasa	Menulis dan melengkapkan peribahasa	Isi tempat kosong	Memilih peribahasa yang sesuai bagi situasi	Menulis peribahasa berdasarkan gambar	Jumlah markah
R1	8	6	5	6	6	**31**
R2	9	8	8	6	7	**38**
R3	9	9	7	8	7	**40**
R4	10	8	7	6	7	**38**
R5	8	5	4	5	4	**26**
R6	6	5	5	4	4	**24**
R7	9	8	5	6	6	**34**
R8	8	7	7	6	6	**34**
R9	6	4	4	5	4	**23**
R10	3	3	2	2	1	**11**
R11	10	7	8	8	7	**40**
R12	9	6	3	5	3	**26**
R13	6	6	3	3	5	**23**
R14	9	7	6	7	6	**35**
R15	5	4	3	3	4	**19**
R16	9	9	7	8	8	**41**
R17	8	5	6	4	4	**27**
R18	8	7	7	8	7	**37**
R19	6	4	4	5	4	**23**
R20	4	3	3	1	1	**12**
R21	7	6	4	5	6	**28**
R22	9	9	6	7	7	**38**

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.26 *(sambungan)*

Responden Kelas Rawatan	Menulis maksud peribahasa	Menulis dan melengkapkan peribahasa	Isi tempat kosong	Memilih peribahasa yang sesuai bagi situasi	Menulis peribahasa berdasarkan gambar	Jumlah markah
R23	8	6	3	5	3	**25**
R24	9	6	4	5	5	**29**
R25	10	8	7	8	7	**40**
R26	6	4	3	3	3	**19**
R27	7	6	5	4	4	**26**
R28	9	8	6	6	6	**35**
R29	4	3	3	2	2	**14**
R30	9	7	4	5	4	**29**
PURATA	**7.60**	**6.13**	**4.97**	**5.20**	**4.93**	**28.83**

Jadual 4.27 memaparkan data tentang purata keseluruhan bagi setiap aspek yang diuji mengikut kelas. Jumlah purata keseluruhan bagi kelas rawatan adalah tinggi sedikit berbanding dengan kelas kawalan dengan bacaan 28.83 dan 28.13 masing masing.

Berpandukan kepada kedua-dua jadual di atas, pengkaji mendapati bahawa purata keseluruhan berada di tahap kurang memuaskan. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa murid Tahun Lima mengalami kesulitan dalam pelbagai aspek seperti mengisi tempat kosong, memilih peribahasa yang sesuai bagi situasi serta menulis peribahasa berdasarkan gambar. Dalam kata lain, purata skor keseluruhan dan peratus pencapaian ujian pra memberikan keputusan yang agak membimbangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.27

Purata skor markah bagi ujian pra bagi kelas kawalan dan kelas rawatan

Aspek Diuji	Purata Skor Kelas Kawalan	Purata Skor Kelas Rawatan
Menulis maksud peribahasa	7.10	7.60
Menulis dan melengkapkan peribahasa	5.73	6.13
Mengisi tempat kosong	4.83	4.97
Memilih peribahasa yang sesuai bagi situasi	5.33	5.20
Menulis peribahasa berdasarkan gambar	5.13	4.93
Jumlah Keseluruhan	**28.13**	**28.83**

4.10.2 Pelaksanaan Sesi Intervensi berdasarkan Penggunaan Aplikasi *Quizlet* Dalam Pembelajaran Peribahasa Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajaran merupakan proses pemilihan pasti dan susunan mengenai maklumat, aktiviti, pendekatan serta media bagi membantu pelajar mengenal pasti matlamat pembelajaran serta pemilihan maklumat yang perlu diajar dari segi kesahihan dan susunan yang sesuai mengikut keperluan pelajar. Hal ini bertujuan mendapatkan tindak balas positif daripada pelajar (Salsidu, Azman & Abdullah, 2017).

Penggunaan *Quizlet* merupakan antara kaedah pengajaran berasaskan modul multimedia, di mana ianya boleh membantu dalam menangani masalah kefahaman serta penguasaan pelajar tentang sesuatu topik pembelajaran. Justeru, pengkaji mengintegrasikan teknik penggunaan modul berasas *Quizlet* ini dalam proses pembelajaran bagi menarik minat serta membantu murid dalam memahami dan menguasai topik peribahasa Tamil dengan lebih mudah dan terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Segmen ini menjelaskan tentang cara pengkaji mengimplementasi modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* yang merupakan medium utama penyampaian dan persembahan khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa Tamil di kalangan murid Tahun Lima di sekolah.

Dalam fasa pertama, pengkaji menjalankan dan merekod data ujian pra bagi menguji tahap kefahaman dan penguasaan peribahasa Tamil. Dalam fasa seterusnya, iaitu fasa intervensi, pengkaji mengaplikasikan modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dalam proses pembelajaran peribahasa Tamil bagi kelas rawatan. Proses PdPc ini dilaksanakan dengan bantuan guru subjek bahasa Tamil di kelas rawatan manakala PdPc di kelas kawalan pula dikendalikan dengan kaedah konvensional. Sesi PdPc berasaskan modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* ini akan dilaksanakan selama lapan minggu bagi kelas rawatan mengikut kesesuaian jadual guru subjek bahasa Tamil. Jadual 4.28 menyatakan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa Tamil di kelas rawatan berasaskan penggunaan *Quizlet.*

Jadual 4.28

Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa Tamildikelasrawatan dengan menggunakan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berasaskan Quizlet.

Minggu	**Tarikh**	**Masa**	**Aspek Pengajaran**
1	20 Januari 2021	30 minit	Membaca dan memahami peribahasa Tamil dan maksudnya melalui '*Flashcard Quizlet'* dan menjawab latihan. Set 1

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.28 *(sambungan)*

Minggu	Tarikh	Masa	Aspek Pengajaran
2	27 Januari 2021	30 minit	Membaca dan memahami peribahasa Tamil dan maksudnya melalui '*Flashcard Quizlet'* dan menjawab latihan. Set 2
3	03 Februari 2021	30 minit	Membaca dan memahami peribahasa Tamil dan maksudnya melalui '*Flashcard Quizlet'* dan menjawab latihan. Set 3
4	10 Februari 2021	30 minit	Membaca dan memahami peribahasa Tamil dan maksudnya melalui '*Flashcard Quizlet'* dan menjawab latihan. Set 4
5	17 Februari 2021	30 minit	Membaca dan memahami peribahasa Tamil dan maksudnya melalui '*Flashcard Quizlet'* dan menjawab latihan. Set 5
6	24 Februari 2021	30 minit	Membaca dan memahami peribahasa Tamil dan maksudnya melalui '*Flashcard Quizlet'* dan menjawab latihan. Set 6
7	03 Mac 2021	30 minit	Membaca dan memahami peribahasa Tamil dan maksudnya melalui '*Flashcard Quizlet'* dan menjawab latihan. Set 7
8	10 Mac 2021	30 minit	Membaca dan memahami peribahasa Tamil dan maksudnya melalui '*Flashcard Quizlet'* dan menjawab latihan. Set 8

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10.3 Pelaksanaan Ujian Pos Peribahasa Tamil

Setelah tamat sesi intervensi iaitu selepas lapan kelas, pelaksanaan ujian pos kepada murid dalam kelas kawalan dan kelas rawatan akan dilaksanakan. Murid-murid dikehendaki menyelesaikan kesemua soalan dalam ujian pos dalam tempoh masa sejam. Kandungan soalan dalam ujian pos adalah sama seperti dalam ujian pra, dimana perbezaan adalah dari segi penyusunan soalan sahaja. Hal ini bagi mengelakkan murid-murid daripada menghafal jawapan secara bulat-bulat dan menulis jawapan tanpa berfikir panjang.

Jadual 4.29

Pengagihan Skor Markah Penguasaan Peribahasa Tamil Dalam Kalangan Murid Tahun Lima SJKT Bagi Kelas Kawalan Dan Kelas Rawatan Berdasarkan Ujian Pos

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gred	Skor	Bilangan Responden (Kawalan)	Peratus (%)	Bilangan Responden (Rawatan)	Peratus (%)
A	85 – 100	2	6.7	6	20.0
B	70 – 84	9	30.0	12	40.0
C	60 – 69	8	26.7	7	23.3
D	50 – 59	3	10.0	2	6.7
E	40 – 49	4	13.3	2	6.7
F	0 – 39	4	13.3	1	3.3
	JUMLAH	**30**	**100**	**30**	**100**

Jadual 4.29 menunjukkan huraian data tentang pemerolehan markah oleh kumpulan murid dari kelas kawalan dan kelas rawatan selepas ujian pos. Sekiranya markah lulus ujian ditetapkan pada 40%, maka 86.70% dari kumpulan kawalan telah mencapai peratus kelulusan manakala seramai empat orang murid (13.30%) telah gagal dalam ujian yang sama. Sementara itu, kumpulan rawatan pula mencapai peratus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelulusan sebanyak 96.70% dan hanya satu orang murid (3.3%) didapati gagal. Secara keseluruhan, dapatan kajian dalam Jadual 4.29 menunjukkan bahawa peratus kelulusan ujian pos bagi kumpulan rawatan yang mengimplementasikan pendekatan pembelajaran berasaskan aplikasi *Quizlet* mencapai peratus kelulusan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah pembelajaran tradisional.

Jadual 4.30 menunjukkan jumlah pencapaian skor pelajar bagi setiap aspek yang diuji dalam kumpulan kawalan manakala Jadual 4.31 menunjukkan jumlah pencapaian markah pelajar bagi setiap aspek yang diuji dalam kumpulan rawatan selepas menjalani ujian pos. Gred penilaian bagi ujian pos adalah berdasarkan skor standard piawaian KPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.30

Analisis Data Penguasaan dan Pencapaian Skor Peribahasa Tamil dalam Kalangan Murid Tahun Lima SJKT bagi Kelas Kawalan Berdasarkan Setiap Aspek yang Diuji dalam Ujian Pos

Responden Kelas Kawalan	Menulis maksud peribahasa	Menulis dan melengkapkan peribahasa	Mengisi tempat kosong	Memilih peribahasa yang sesuai bagi situasi	Menulis peribahasa berdasarkan gambar	Jumlah markah
R1	6	7	6	7	6	**32**
R2	4	1	1	2	2	**10**
R3	8	4	6	4	5	**27**
R4	9	8	7	8	8	**40**
R5	7	4	3	3	3	**20**
R6	9	6	7	4	5	**31**
R7	6	4	3	4	3	**20**
R8	6	7	6	7	5	**31**
R9	9	8	6	6	8	**37**
R10	5	4	3	4	5	**21**
R11	1	3	2	0	0	**6**
R12	9	7	8	8	8	**40**
R13	7	6	8	7	7	**35**
R14	8	6	5	7	7	**33**
R15	9	5	6	5	5	**30**
R16	8	7	7	6	6	**34**
R17	9	8	7	8	8	**40**
R18	10	8	8	8	7	**41**
R19	9	8	6	9	8	**40**
R20	4	2	3	0	0	**9**
R21	7	6	5	4	6	**28**
R22	8	7	8	7	6	**36**
R23	10	9	10	8	9	**46**
R24	5	4	3	4	4	**20**
R25	8	8	7	5	4	**32**
R26	9	7	5	6	6	**33**
R27	8	7	8	7	8	**38**
R28	3	1	2	1	1	**8**
R29	10	9	9	8	9	**45**
R30	7	6	6	4	4	**27**
PURATA	**7.27**	**5.90**	**5.70**	**5.37**	**5.43**	**29.67**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.31

Analisis Data Penguasaan dan Pencapaian Skor Peribahasa Tamil dalam Kalangan Murid Tahun Lima SJKT bagi Kelas Rawatan Berdasarkan Setiap Aspek yang Diuji dalam Ujian Pos

Responden Kelas Rawatan	Menulis maksud peribahasa	Menulis dan melengkapkan peribahasa	Mengisi tempat kosong	Memilih peribahasa yang sesuai bagi situasi	Menulis peribahasa berdasarkan gambar	Jumlah markah
R1	9	7	7	6	7	**36**
R2	10	8	9	8	9	**44**
R3	9	9	9	8	10	**45**
R4	10	8	8	7	7	**40**
R5	8	7	7	7	8	**37**
R6	7	6	7	6	7	**33**
R7	9	8	6	8	8	**39**
R8	9	7	8	7	9	**40**
R9	8	7	6	5	5	**31**
R10	3	3	4	2	3	**15**
R11	10	9	9	9	9	**46**
R12	9	6	5	5	6	**31**
R13	7	7	8	3	7	**32**
R14	9	8	7	7	8	**39**
R15	6	4	6	5	4	**25**
R16	10	9	9	8	9	**45**
R17	8	8	7	8	8	**39**
R18	10	9	9	9	9	**46**
R19	8	4	4	8	6	**30**
R20	6	3	5	3	4	**21**
R21	8	6	9	7	8	**38**
R22	9	9	8	8	7	**41**
R23	8	6	7	6	5	**32**
R24	10	7	7	8	8	**40**
R25	10	8	9	8	9	**44**
R26	8	4	5	5	4	**26**
R27	9	7	8	8	8	**40**
R28	9	8	7	6	7	**37**
R29	5	3	5	2	6	**22**
R30	9	7	8	5	5	**34**
PURATA	**8.33**	**6.73**	**7.10**	**6.40**	**7.00**	**35.60**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara amnya, kertas ujian pos merangkumi lima aspek di mana setiap aspek mengandungi 10 soalan masing-masing. Daripada jadual 4.32 didapati purata bagi setiap aspek yang diuji dalam ujian pos bagi kumpulan rawatan memaparkan kadar purata yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan kadar purata kelas kawalan. Hal ini menunjukkan bahawa proses PdPc berorientasikan modul ini memaparkan prestasi yang lebih baik berbanding proses PdPc secara konvensional di dalam kelas. Kesimpulannya, konsep pengaplikasian modul ini bukan sahaja dapat membantu guru dalam menyampaikan pelajaran mereka dengan mudah dan lancar, malah ianya juga meningkatkan kecenderungan murid mengikuti proses pengajaran dan pemudahcaraan serta memudahkan pemahaman mereka dalam proses pembelajaran.

Jadual 4.32

Purata skor markah bagi ujian pos bagi kelas kawalan dan kelas rawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek Diuji	**Purata Skor Kelas Kawalan**	**Purata Skor Kelas Rawatan**
Menulis maksud peribahasa	7.27	8.33
Menulis dan melengkapkan peribahasa	5.90	6.73
Mengisi tempat kosong	5.70	7.10
Memilih peribahasa yang sesuai bagi situasi	5.37	6.40
Menulis peribahasa berdasarkan gambar	5.43	7.00
Jumlah Keseluruhan	**29.67**	**35.60**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.10.4 Dapatan Keseluruhan Ujian Pra dan Ujian Pos Peribahasa Tamil bagi Kelas Kawalan dan Kelas Rawatan

Jadual 4.33 menunjukkan dapatan keseluruhan ujian pra dan ujian pos peribahasa Tamil bagi kelas kawalan dan kelas rawatan.

Jadual 4.33

Jumlah Keseluruhan Skor Pencapaian Bagi Kelasa Kawalan dan Kelas Rawatan Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos


		Kelas Kawalan				Kelas Rawatan			
		Ujian Pra		Ujian Pos		Ujian Pra		Ujian Pos	
Gred	Julat Skor	Jumlah Murid	Peratus (%)	Jumlah Murid	Peratus (%)	Jumlah Murid	Peratus (%)	Jumlah Murid	Peratus (%)
A	85 – 100	0	0.0	2	6.7	0	0.0	6	20.0
B	70 – 84	8	26.7	9	30.0	10	33.3	12	40.0
C	60 – 69	8	26.7	8	26.7	3	10.0	7	23.3
D	50 – 59	3	10.0	3	10.0	8	26.7	2	6.7
E	40 – 49	7	23.3	4	13.3	4	13.3	2	6.7
F	0 – 39	4	13.3	4	13.3	5	16.7	1	3.3
	JUMLAH	**30**	**100**	**30**	**100**	**30**	**100**	**30**	**100**



Rajah 4.10. Kekerapan responden Tahun Lima Kelas Kawalan mengikut gred markah bagi ujian pra dan ujian pos peribahasa Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.11. Kekerapan responden Tahun Lima Kelas Rawatan mengikut gred markah bagi ujian pra dan ujian pos peribahasa Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10.5 Pengujian Hipotesis

Penganalisisan data kajian dibuat berdasarkan pembinaan setiap hipotesis kajian. Hipotesis bagi kajian ini dibuktikan melalui pelaksanaan ujian-t ke atas dua kumpulan bersandar iaitu skor pencapaian kelas rawatan dan skor pencapaian kelas kawalan dalam ujian pra dan ujian pos. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan proses modul pembelajaran peribahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi *Quizlet* melalui hasil daripada pengendalian ujian pra dan ujian pos.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10.5.1 Hipotesis Pertama

H_{o1} : Tiada perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan.

H_{a1} : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan.

Jadual 4.34

Ujian-t Perbezaan Min Skor Ujian Pra dan Ujian Pos Bagi Kumpulan Rawatan

Kaedah	n	Min	Sisihan Piawai	T	Signifikan
Pendekatan Berasaskan Modul peribahasa berdasarkan aplikasi Quizlet					
Ujian Pra	30	28.83	8.63	-12.441	0.000
Ujian Pos	30	35.60	7.93		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.34 menunjukkan hasil pelaksanaan ujian-t yang menguji perbandingan antara pemboleh ubah min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan. Berdasarkan Jadual 4.34 didapati bahawa t adalah -12.441 bersamaan dengan nilai signifikan (*2-tailed*) adalah 0.000. Hal ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pra dengan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan selepas murid dari kumpulan ini didedahkan kepada pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran berasaskan aplikasi *Quizlet*. Hal ini bermakna hipotesis alternatif diterima manakala hipotesis nul ditolak. Data ini menggambarkan bahawa penggunaan modul pembelajaran peribahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi *Quizlet* dapat meningkatkan pencapaian skor pelajar dari segi ujian.

4.10.5.2 Hipotesis Kedua

Ho_2 : Tiada perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan kawalan.

Ha_2 : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.35

Ujian-t Perbezaan Min Skor Ujian Pra dan Ujian Pos Bagi Kumpulan Kawalan

Kaedah	N	Min	Sisihan Piawai	T	Signifikan
Pendekatan Konvensional					
Ujian Pra	30	28.13	10.91	-4.323	0.000
Ujian Pos	30	29.67	11.02		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berpandukan hasil analisis ujian-t dalam Jadual 4.35, nilai t adalah -4.323 dan nilai signifikan (*2-tailed*) adalah 0.000 iaitu lebih kecil daripada nilai aras sgnifikan, ($p < 0.05$). Data ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan kawalan yang didedahkan kepada pendekatan pembelajaran secara konvensional. Oleh itu, hipotesis nul yang dinyatakan ditolak manakala hipotesis alternatif diterima.

4.10.5.3 Hipotesis Ketiga

Ho_3 : Tiada perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pos kumpulan kawalan dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ha_3 : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pos kumpulan kawalan dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan.

Jadual 4.36

Ujian-t Perbezaan Min Skor Ujian Pos Bagi Kumpulan Kawalan dan Ujian Pos Bagi Kumpulan Rawatan

Kaedah	n	Min	Sisihan Piawai	t	Signifikan
Pendekatan Konvensional	30	29.67	11.02	-2.313	0.028
Pendekatan Berasaskan Modul peribahasa berdasarkan aplikasi Quizlet	30	35.60	7.93		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.36 memaparkan data ujian-t bagi menguji perbezaan di antara min skor ujian pos kumpulan kawalan dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan. Jadual 4.36 menunjukkan t adalah -2.313 bersamaan nilai signifikan (*2-tailed*) yang diperoleh adalah 0.028 iaitu kurang daripada nilai aras signifikan, ($p < 0.05$). Hal ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pos kumpulan kawalan dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan. Maka hipotesis nul ditolak manakala hipotesis alternative diterima. Perbezaan pencapaian skor min dalam ujian pos bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan yang signifikan menyokong kenyataan Adenan Ayob (2010) yang mengungkap bahawa penggunaan teknik berasaskan ICT berupaya menyediakan persekitataran maya, interaktif dan berpotensi untuk menggiatkan pemikiran kritis dan kreatif murid, sekaligus memperoleh pencapaian yang cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.11 Kesimpulan

Fasa ketiga ini berkaitan pelaksanaan dan penilaian serta laporan dapatan kajian yang membandingkan keberkesanan pengajaran tradisional dengan kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Pengkaji membangunkan sebuah modul dengan menggunakan aplikasi yang baharu iaitu *Quizlet* dalam pembelajaran peribahasa Tamil bertujuan untuk menjadikan satu kerangka dan panduan kepada guru dan pembelajaran kendiri kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam fasa ini, proses pembangunan modul telah dinilai oleh pakar serta kebolehlaksanaan modul telah diuji berdasarkan temu bual, soal selidik dan ujian pencapaian yang dijalankan ke atas guru dan murid. Panel pakar kajian bersetuju bahawa kesemua komponen dalam modul ini sesuai dan buktinya ditunjukkan dalam *Fuzzy Delphi*. Dari segi pandangan guru dan murid pula, modul ini amat bersesuaian dan memberi kesan positif dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

Dengan ini, pengkaji mendapati penggunaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* memberi kesan yang lebih baik terhadap pembelajaran peribahasa Tamil. Hal ini dibuktikan dengan pencapaian prestasi yang semakin baik dalam ujian pos berbanding dengan ujian pra bagi kumpulan rawatan selepas didedahkan kepada pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAPATAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dan merumuskan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji berdasarkan analisis dapatan kajian daripada bab empat. Perbincangan dapatan kajian dalam bab sebelum ini dinyatakan secara menyeluruh dan akan dibincangkan di dalam bahagian ini berdasarkan persoalan kajian dan objektif. Selain itu, pengkaji turut mengemukakan cadangan dan penambahbaikkan yang berkaitan agar kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji akan datang. Kupasan daripada bahagian meliputi perbincangan daripada hasil kajian, rumusan kajian, cadangan kajian dan kesimpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Manakala secara khususnya, terdapat lima objektif yang dijawab dalam kajian ini. Pelbagai instrumen digunakan bagi menjawab lima objektif tersebut. Kajian ini adalah untuk membincangkan dapatan kajian yang terdiri daripada masalah dalam pembelajaran peribahasa Tamil di SJKT, analisis keperluan guru, reka bentuk dan pembangunan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* serta pandangan guru dan murid tentang pelaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Bab kelima adalah satu kesimpulan keseluruhan tentang modul yang dibina oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perisian *Quizlet* merupakan salah satu aplikasi yang dapat diakses secara atas talian dengan menggunakan peralatan teknologi seperti komputer, laptop, tablet dan lain-lain. Mengikut sejarah, perisian *Quizlet* mula dibangunkan pada tahun 2005 oleh seorang anak muda yang bernama Andrew Sutherland ketika beliau berusia 15 tahun.

Peribahasa kebiasaannya berbentuk sajak dan merupakan sastera klasik tertua dalam Kesusasteraan Tamil. Peribahasa Tamil merupakan cabang seni sastera lisan dalam budaya masyarakat India. Peribahasa Tamil juga dicipta hasil daripada pengamatan lapisan masyarakat terhadap keistimewaan alam semula jadi ciptaan Tuhan, serta mempunyai makna tersurat dan tersirat. Dalam pengajaran Bahasa Tamil, peribahasa dinyatakan sebagai salah satu komponen bahasa yang terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan serta intonasi, kosa kata dan peribahasa (KPM 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan 30 peribahasa yang disarankan dalam kurikulum sekolah rendah dalam kajiannya.

Kajian ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa pelaksanaan dan penilaian. Objektif pertama dan kedua terdapat dalam fasa satu, objektif ketiga terdapat dalam fasa dua manakala objektif keempat dan kelima pula terdapat di fasa ketiga. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik bagi soalan kajian pertama dan kedua, analisis *Fuzzy Delphi* (FDM) digunakan bagi menentukan kesepakatan modul dalam objektif ketiga. Instrumen temu bual digunakan bagi objektif keempat manakala ujian pra dan pos digunakan bagi objektif kelima. Pengujian hipotesis dibuat bagi mengenal pasti kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Pengkaji membangunkan satu modul berserta aplikasi dengan menggunakan aplikasi *Quizlet.* Aplikasi *Quizlet* ini merupakan salah satu teknologi baharu yang digunakan dalam PdPc peribahasa Tamil. Pengkaji membina modul peribahasa dengan aplikasi *Quizlet*. Kesemua peribahasa Tamil, maksud peribahasa tersebut berserta dengan gambarnya dimuat naik untuk membina perisian ini. Perisian ini merupakan hak cipta terpelihara pengkaji dan boleh dimuat turun di telefon pintar yang mempunyai pautan internet. Caranya sama seperti mana kita memuat turun perisian permainan ke dalam telefon bimbit. QR kod dan pautan disediakan oleh pengkaji. Murid-murid boleh menggunakan mana-mana satu cara untuk masuk ke dalam aplikasi tersebut. Selepas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

langkah ini, murid-murid telah berjaya masuk ke dalam aplikasi tersebut dan proses pembelajaran akan bermula. Selepas tamat pembelajaran, murid tersebut boleh menilai pengetahuan dan pemahaman berdasarkan sesi latihan yang turut disediakan di aplikasi tersebut. Hal ini menunjukkan keistimewaan modul dan perisian (*apps*) yang dibina ini boleh digunakan sebagai satu cara pembelajaran yang berterusan.

Pengkaji menggunakan 30 peribahasa Tamil yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah dari Tahun Satu hingga Tahun Lima dalam modul yang dibangunkan ini. Kumpulan sasaran kajian adalah murid-murid Tahun Lima dari SJKT. Sesi tutorial dan sesi latihan dimasukkan dalam bentuk visual ke dalam modul ini. Penciptaan modul ini mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini, di samping membawa perubahan baru dalam tatacara pembelajaran peribahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Maklumat Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan seramai 303 orang murid bagi soalan kajian pertama. Bagi soalan kajian kedua, seramai 185 orang guru terlibat. Bagi mendapatkan kesepakatan pakar, 10 orang responden dipilih untuk menilai kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Analisis Masalah yang Dihadapi oleh Murid dalam Pembelajaran Peribahasa Tamil

Dapatan kajian ini membincangkan soalan kajian pertama iaitu 'Apakah masalah pembelajaran peribahasa Tamil di kalangan murid-murid SJKT?'.Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik untuk mengenal pasti masalah dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Seramai 303 orang murid terlibat dalam kajian soal selidik ini dari enam daerah di Negeri Kedah.

Responden dalam bahagian ini merupakan murid-murid dari SJKT yang berumur 10 hingga 12 tahun. Pengkaji memilih murid-murid tahap dua kerana mereka merupakan calon yang akan menduduki peperiksaan di sekolah dan mereka sedar serta dapat memahami masalah yang dihadapi dalam pembelajaran mereka. Murid-murid tahap satu tidak mempunyai peperiksaan dan kedudukan mereka dinilai berasaskan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Selain itu, murid tahap satu juga dikuatiri tidak mengambil serius semasa membuat soal selidik, menjadikan data yang diperolehi mungkin bukan setepat yang dikehendaki.

Instrumen soal selidik tersebut dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu bahagian pengenalan, tahap pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah dari pandangan murid-murid, implikasi pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah dari pandangan murid-murid dan halangan pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah dari pandangan murid-murid. Dalam bahagian ini, pengkaji turut membincangkan masalah yang dihadapi oleh murid-murid Tahun Lima semasa pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Purata dan sisihan piawai keseluruhan bagi dapatan kajian ini mencatatkan nilai bacaan tinggi. Hal ini mendapati bahawa murid-murid menghadapi masalah dalam pembelajaran peribahasa Tamil di kelas. Murid-murid juga berpendapat bahawa mereka memerlukan satu pendedahan yang baharu untuk pembelajaran kendiri bagi meningkatkan tahap pemahaman mereka dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Malah ramai murid menyatakan bahawa mereka memerlukan satu pendekatan yang baharu berdasarkan ICT. Menurut Siti Salwa dan Jamaludin (2013) tahap kesediaan pelajar dalam penggunaan teknologi, pedagogi, dan kandungan (TPACK) dalam pembelajaran kurikulum di sekolah perlu diberi lebih penekanan. Item-item seperti penyelesaian kendiri masalah teknikal, mudah mempelajari teknologi yang baharu, gemar mencuba dengan teknologi sedia ada dan tahu tentang perbezaan teknologi terkini, mendapat respons yang positif daripada para murid. Selain itu, kajian Sharma dan Unger (2016) telah menyatakan bahawa penggunaan aplikasi permainan digital dalam PdP berupaya merangsang murid untuk lebih bermotivasi dalam proses pembelajaran.

Dari segi pandangan murid-murid, guru perlu berperanan sebagai fasilitator sewaktu pembelajaran peribahasa Tamil di kelas. Oleh yang sedemikian, pengkaji ingin membina satu modul berdasarkan penggunaan ICT yang boleh dijadikan sebagai pembelajaran kendiri murid-murid bagi menyelesaikan masalah murid-murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Menurut Jamalludin dan Zaidatun (2013) pengajaran dan pembelajaran menggunakan multimedia sering dikatakan amat berkesan berbanding dengan kaedah tradisional. Penggunaan multimedia seperti perisian multimedia mampu meningkatkan minat dan pencapaian pelajar dalam akademik. Secara keseluruhannya, pengkaji membangunkan satu modul pembelajaran peribahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* bagi membantu murid-murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

5.3.3 Keperluan Guru Terhadap Penyediaan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berdasarkan Aplikasi *Quizlet*

Dapatan kajian ini membincangkan soalan kajian kedua iaitu 'Apakah keperluan guru terhadap penyediaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*? Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji melaksanakan soal selidik bagi guru SJKT dengan menggunakan skala *Likert.*

Instrumen tersebut mengandungi empat bahagian, iaitu bahagian pengenalan, tahap pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah, implikasi pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah dan halangan pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah. Dalam bahagian ini, pengkaji turut membincangkan keperluan guru semasa pengajaran peribahasa Tamil dalam kalangan murid SJKT.

Data keperluan analisis keperluan modul pembelajaran Peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* diambil daripada 185 orang guru yang mengajar Bahasa Tamil di enam daerah di Negeri Kedah. Kepelbagaian guru yang mengajar bahasa digunakan dalam kajian ini. Antara kepelbagaian tersebut adalah lokasi guru berkhidmat, jantina guru, lingkungan umur guru, kelulusan akademik guru, pengkhususan guru yang mengajar bahasa Tamil, pengalaman guru yang mengajar Bahasa Tamil dan kelas yang mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil. Kesemua data ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikumpul untuk mendapatkan data yang tepat dan jitu tentang keperluan guru dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

Purata bagi bahagian pertama iaitu tahap pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah menunjukkan tahap sederhana tinggi iaitu 3.69. Implikasi pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah menunjukkan tahap yang tinggi iaitu 4.16 manakala halangan pengamalan pembelajaran peribahasa Tamil di sekolah turut menunjukkan tahap tinggi iaitu 4.28. Keputusan ini menunjukkan guru-guru bahasa Tamil menghadapi masalah dalam pembelajaran peribahasa Tamil di kelas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru masih menggunakan pendekatan hafalan dalam PdPc Peribahasa Tamil manakala hasil didik hibur serta kepelbagaian kaedah pengajaran masih kurang diberi perhatian. Menurut Abd.Aziz Abd.Talib (2007) teknik pengajaran konvensional menyebabkan topik menjadi tidak menarik, di samping menjadikan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian kepada pembelajaran. Hal ini turut dinyatakan oleh Fanny (2020) bahawa penggunaan aplikasi interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran mampu memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar dengan lebih gigih. Oleh yang demikian, pembinaan modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* ini merupakan satu pembelajaran interaktif yang menekankan pemikiran aktif pelajar dengan kandungan pelajaran yang menarik perhatian, pengekalan dan tujuan belajar. Aplikasi ini juga memberi maklum balas segera di mana pelajar boleh menggunakan pengetahuan baru untuk menyelesaikan masalah serta mempunyai lebih pilihan berkaitan dengan tugasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Komponen Utama Modul Berdasarkan Kesepakatan Pakar Menggunakan Kesepakatan Pakar Menggunakan *Fuzzy Delphi.*

Dapatan kajian ini membincangkan soalan kajian ketiga iaitu "Apakah pandangan pakar dan guru terhadap kesesuaia kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*?". Kajian ini dijalankan ke atas 10 orang penilai. Mereka terdiri daripada tiga orang pensyarah bahasa Tamil di Institut Pendidikan Guru (IPG) Ipoh, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kuala Lipis dan Institut Pendidikan Guru (IPG) Johor. Tujuh orang pakar lagi adalah guru dari SJKT. Daripada tujuh orang pakar ini, tiga orang pakar terdiri daripada guru berpengalaman yang mengajar bahasa Tamil melebihi 10 tahun. Seorang pakar lagi terdiri daripada guru ICT di SJKT yang mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun manakala seorang lagi pakar merupakan pemeriksa soalan UPSR. Dua orang pakar merupakan guru cemerlang Bahasa Tamil dan dua pakar terakhir terdiri daripada Ketua Panitia (KP) Bahasa Tamil. Seperti yang dinyatakan oleh Creswell (2017), anggota yang telah berkhidmat antara lima hingga sepuluh tahun boleh dikategorikan sebagai pakar. Jumlah pakar bagi kajian ini adalah bertepatan dengan Jones dan Twiss (1978) yang menyatakan bilangan pakar bagi kajian *Delphi* adalah antara 10 hingga 50 pakar. Hal ini turut dinyatakan oleh Adler dan Ziglo (1996) bahawa jumlah pakar adalah 10 hingga 15 orang sekiranya kesepakatan dan keseragaman pakar adalah tinggi.

Elemen komponen utama bagi pandangan pakar dan guru terhadap pembinaan modul ini dibahagi kepada tiga komponen utama iaitu kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul. Pengkaji menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan kesepakatan pakar bagi pembinaan modul ini. Hal ini sependapat dengan apa yang dinyatakan oleh Powell (2003) dimana beliau menyatakan kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Delphi merupakan kaedah yang sangat fleksibel untuk mendapatkan kesepakatan pakar. Hal ini kerana pusingan pertama *Delphi* diadakan untuk mengenal pasti sesuatu isu dengan soal selidik.

Data daripada 10 orang pakar tersebut dimasukkan ke dalam *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan kesepakatan pakar. Nilai konstruk (d konstruk) mencatatkan nilai 0.094. Nilai konstruk (d konstruk) diterima kerana nilai konstruk (d konstruk) yang diperolehi kurang daripada 0.2. Nilai threshold konstruk dalam tiga komponen juga menunjukkan nilai kurang daripada 0.2. Hasil dapatan ini disokong oleh Thomaidis (2006) dimana beliau menyatakan proses mengenal pasti nilai *Threshold* adalah amat penting bagi mendapat kesepakatan dalam kalangan pakar. Bagi mendapatkan konsessus pakar untuk setiap item, nilai threshold yang diperolehi tidak seharusnya melebihi 0.2. Kesemua nilai threshold (d) $\leq$ 0.2. Peratus konsessus pakar pula mencatatkan nilai melebihi 75%. Hal ini menunjukkan konstruk ini melepasi syarat dan diterima oleh panel pakar. Semua item dalam komponen utama diterima oleh panel pakar.

5.3.5 Pandangan Guru dan Murid Selepas Menggunakan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil.

Dapatan kajian ini membincangkan soalan kajian keempat iaitu 'Apakah pandangan guru dan murid selepas menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*?'. Soalan kajian keempat membincangkan pandangan guru dan murid terhadap penggunaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.* Instrumen yang digunakan dalam soalan kajian keempat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah temu bual separa struktur dan soal selidik ke atas guru bahasa Tamil dan murid-murid Tahun Lima yang terlibat dalam kajian ini.

Fasa ini dijalankan selepas proses kesahan modul dilaksanakan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul. Fasa ini juga menilai kekuatan dan kelemahan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* berdasarkan respon guru bahasa Tamil dan murid-murid Tahun Lima.

Terdapat tiga aspek yang ditekankan dalam temu bual bersemuka ini. Aspek tersebut merangkumi kefahaman terhadap modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet*, impak modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* dan kebolehlaksanaan modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Temu bual bersemuka ini dibuat bertujuan untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Instrumen soal selidik dijalankan bagi memperolehi kebolehlaksanaan modul pengajaran dan pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Soal selidik ini dibuat ke atas guru dan juga murid. Seramai 30 orang murid Tahun Lima dan 10 orang guru yang menggunakan modul ini terlibat dalam soal selidik ini.

Dapatan daripada pandangan guru terhadap kebolehlaksanaan modul menunjukkan penggunaan modul ini sangat berkesan ke atas murid-murid. Murid dari pelbagai tahap boleh menggunakan modul ini sebagai rujukan dan bahan latihan dalam pembelajaran peribahasa Tamil mereka. Modul ini boleh diaplikasikan di semua sekolah SJKT bagi meningkatkan prestasi murid dan juga sekolah. Bahan ini juga boleh dijadikan sebagai BBM bagi guru. Didapati juga penggunaan modul ini bukan sahaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi faedah kepada murid-murid Tahun Lima sahaja menggunakan modul ini, malah penggunaannya boleh diperluaskan kepada kesemua murid dari Tahun Satu hingga Tahun Lima.

Berdasarkan pandangan murid pula, modul ini sangat berkesan kepada mereka. Murid-murid suka modul tersebut dan seronok menggunakan modul itu menerusi penggunaan aplikasi baharu. Mereka juga minat belajar peribahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi yang dibina oleh pengkaji. Hal ini kerana murid-murid suka menggunakan gadjet seperti telefon pintar dalam pembelajaran harian mereka. Mereka suka modul ini berbanding dengan pembelajaran secara tradisional. Tambahan pula, modul ini boleh digunakan bersama dengan aplikasi di mana-mana jua. Murid-murid senang menggunakan modul ini di rumah tanpa bantuan sesiapa. Modul ini merupakan modul pembelajaran kendiri yang membantu murid-murid belajar dengan sendiri. Penilaian juga boleh dibuat oleh diri sendiri. Sesi tutorial dan juga sesi latihan juga dimasukkan dalam modul itu. Atas sebab sebab ini, pengkaji mendapati murid-murid gembira dan seronok menggunakan modul ini. Seperti yang dinyatakan oleh Roblyer dan Schwier (2003) penggunaan aplikasi *Quizlet* dapat meningkatkan produktiviti, menambah motivasi, menyokong pengajaran secara tidak langsung dan meningkatkan literasi maklumat di kalangan murid.

Berdasarkan pandangan murid-murid, teknik pembelajaran ini perlu diperluaskan lagi. Mereka percaya bahawa modul dengan aplikasi ini akan membantu bagi meningkatkan prestasi mereka dalam peperiksaan. Modul ini membantu mereka untuk senang mengingati peribahasa Tamil dan membantu dalam pembelajaran kendiri sebelum guru mengajar di sekolah. Hasil kajian Johan dan Eddy Luaran (2013) juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatakan penggunaan teknologi telah merevolusikan teknik pengajaran guru, kaedah pembelajaran pelajar dan secara keseluruhannya cara pendidikan dikendalikan yang sesuai dengan era masa kini. Dalam dunia pendidikan berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi, menurut Mohd Feham (2008) terdapat dua aspek yang seringkali menjadi bahan bagi proses PdPc ialah multimedia dan internet.

5.3.6 Kebolehlaksanaan Modul Pembelajaran Peribahasa Tamil Berdasarkan Aplikasi *Quizlet.*

Soalan kajian kelima adalah Sejauh manakah kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dalam kajian lapangan? Pengkaji menjawab soalan ini berdasarkan hasil pelaksanaan ujian yang mengukur tahap kefahaman dan penguasaan murid mengenai peribahasa Tamil. Segmen ini membincangkan tentang dapatan pelaksanaan ujian ke atas kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Terdapat tiga aspek yang dibincangkan dalam segmen ini iaitu mengenai tahap penguasaan ujian pra, tahap penguasaan ujian pos dan pengujian hipotesis melalui ujian-t terhadap kedua-dua kumpulan bersandar dalam kajian ini.

Justeru, kebolehlaksanaan modul pembelajaran peribahasa Tamil berasaskan Modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* adalah berlandaskan pembentukan hipotesis kajian ini. Antaranya adalah:

(i) signifikasi di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan rawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(ii) signifikasi di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pos bagi kumpulan kawalan

(iii) signifikasi di antara min skor ujian pos dan min skor ujian pos bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Berdasarkan dapatan kajian dalam ujan pra, terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Perbezaan purata skor markah dalam ujian pra di antara kedua-dua kumpulan ini adalah sebanyak 0.70. Perbezaan yang sedikit ini menyatakan bahawa murid-murid dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan mempunyai pemahaman dan penguasaan yang kurang tentang topik peribahasa Tamil. Ini terbukti dengan cara murid menjawab soalan-soalan dalam ujian pra dengan pengetahuan yang sedia ada. Dapatan juga menggambarkan bahawa murid berupaya menjawab soalan-soalan pada aras sederhana dan aras rendah.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa responden dari kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan mempunyai pengetahuan dan aras pemikiran yang hampir sama. Ini disokong oleh dapatan pemerolehan skor min secara keseluruhan dalam ujian pra oleh kumpulan kawalan sebanyak 28.13 manakala kumpulan rawatan sebanyak 28.83. Keputusan ujian pra ini menyatakan bahawa kedua-dua kumpulan berada pada tahap yang sama dari sudut kefahaman dan pencapaian khusus dalam aspek peribahasa Tamil.

Analisis pertama dijalankan adalah ke atas skor ujian penilaian penggal pertama Peribahasa Tamil bagi kedua-dua kumpulan. Analisis ini bertujuan untuk memastikan bahawa sampel daripada kedua-dua kumpulan adalah homogen. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang unsur bias dalam kajian ini. Dari segi keputusan ujian pos,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Sebelum pelaksanaan ujian pos, kumpulan rawatan didedahkan kepada pendekatan pembelajaran berasaskan aplikasi Modul peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* manakala kumpulan kawalan didedahkan kepada pendekatan pembelajaran secara konvensional. Proses ini dijalankan selama lapan minggu. Analisis data selepas lapan minggu ini mendapati ujian pos menunjukkan bahawa skor purata keseluruhan ujian pos bagi kelas rawatan adalah lebih tinggi berbanding dengan kelas kawalan. Perbezaan skor purata keseluruhan bagi ujian pos adalah sebanyak 5.93 di mana kumpulan rawatan mencapai skor purata keseluruhan sebanyak 35.60 manakala kumpulan kawalan adalah sebanyak 29.67. Hal ini membuktikan keberkesanan mengimplementasi modul peribahasa berdasarkan aplikasi *Quizlet* dalam topik peribahasa Tamil berbanding pengaplikasian kaedah konvensional dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas selaras dengan pencapaian murid.

Berpandukan hasil analisis data dalam Bab empat, dapatan menggambarkan keseragaman dari sudut min skor ujian pra dan ujian pos dalam kalangan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Data-data yang dikumpul dalam kajian ini dianalisis melalui pengaplikasian statistik inferensi iaitu ujian-t bagi menjawab ketiga-tiga hipotesis kajian ini. Secara keseluruhannya, hipotesis nul ditolak manakala hipotesis alternatif diterima bagi ketiga-tiga hipotesis dalam kajian ini. Hasil dapatan ujian-t dalam menjawab hipotesis kajian menyimpulkan bahawa peningkatan pencapaian pelajar melalui pendekatan aplikasi *Quizlet* bagi pembelajaran peribahasa Tamil adalah lebih baik berbanding dengan pembelajaran secara konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, pengkaji merumuskan bahawa aplikasi *Quizlet* yang berasaskan media ICT yang berperanan sebagai media pembelajaran interaktif sememangnya meningkatkan perhatian dan minat murid dalam mempelajari peribahasa Tamil. Aplikasi *Quizlet* mempunyai pelbagai jenis aktiviti yang menarik dan berwarna-warni bagi pembelajaran murid. Hal ini dinyatakan oleh Aszoura (2007) bahawa pelajar lebih berminat dan tertarik dengan kaedah penggunaan ICT sebagai satu medium pembelajaran disebabkan wujudnya paparan grafik yang berwarna-warni. Selain itu, Yusof & Tahir (2018) juga menyatakan bahawa pengintegrasian penggunaan media ICT menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan produktif di samping suasana yang kondusif dan penggunaan teknologi yang menggabungjalinkan teknik bunyi, gambar, video dan teks mampu menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan. Oleh yang demikian, aplikasi *Quizlet* yang mengaplikasikan ICT sebagai medium merupakan pendorong utama dalam menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih menceriakan dan menarik. Hal ini dinyatakan oleh Wong (2017) dalam kajiannya bahawa ICT boleh dianggap sebagai suatu medium berkesan bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran pada hari ini.

5.4 Implikasi

Penemuan kajian ini dapat memberikan implikasi kepada murid-murid SJKT dan juga guru-guru yang mengajar di SJKT. Kajian ini dibangunkan berdasarkan aplikasi seperti *Quizlet*. Pengkaji mencipta satu modul tersendiri dengan menggunakan aplikasi *Quizlet*. Aplikasi ini merupakan satu pembangunan dalam ICT. Pengkaji membangunkan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, hasil dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan kepada SJKT dalam membuat penambahbaikkan untuk meningkatkan lagi taraf dan kualiti PdPc di sekolah. Kajian ini secara tidak langsung meningkatkan pembelajaran kendiri murid-murid. Hal ini kerana, murid-murid boleh mempelajari peribahasa Tamil dengan bantuan aplikasi *Quizlet* dengan sendiri. Penciptaan dan penggunaan bahan seperti ini akan meningkatkan keyakinan dan minat murid-murid dalam proses pembelajaran mereka. Murid-murid senang menggunakan aplikasi ini kerana aplikasi ini tidak memerlukan pautan internet selepas dimuat turun. Secara langsung, masalah kekurangan data tidak akan wujud.

Murid-murid hanya memerlukan telefon pintar untuk menggunakan aplikasi ini. Apabila sekolah menjalankan proses pembelajaran dari rumah, kebanyakkan murid memiliki telefon pintar sendiri untuk melibatkan diri dalam pembelajaran secara atas talian ini. Banyak cawangan seperti YES.Moe turut memberikan telefon pintar secara percuma kepada murid-murid. Berdasarkan pandangan ini, pengkaji yakin bahawa ketiadaan telefon pintar bukan penghalang kepada hampir kesemua murid-murid.

Penciptaan pengkaji akan membantu bukan sahaja murid-murid Tahun Lima malah semua murid dalam pembelajaran peribahasa secara kendiri dan dalam penggunaan di sekolah. Bahan kajian pengkaji ini, amat membantu murid-murid pada masa Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP). Perintah Kawalan Pergerakkan ini merupakan satu situasi yang baharu dialami oleh semua masyarakat di Malaysia dan merupakan sejarah baru kepada Malaysia. Murid-murid menggunakan modul iaitu bahan kajian pengkaji dengan berkesan pada masa PKP ini. Modul pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* memberi implikasi yang baik kepada murid-murid SJKT.

Melalui kajian ini, guru-guru Bahasa Tamil dari SJKT serta pihak sekolah juga memperolehi implikasi yang baik dengan menggunakan bahan dan modul ciptaan pengkaji. Para guru mempelajari satu teknik dan pendekatan yang baharu dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Mereka mula mengajar dengan menggunakan teknik ICT. Mereka juga didedahkan dengan aplikasi ini. Mereka mula mengenali dan menggunakan teknologi ini dalam pembelajaran ini. Para guru bahasa Tamil boleh gunakan teknik dan pendekatan ini dalam pembelajaran sastera yang lain ataupun bagi mata pelajaran yang lain. Para guru boleh membentuk perisian dan modul mengikut kehendak mata pelajaran dan boleh diberikan kepada murid-murid secara pembelajaran kendiri. Penggunaan teknologi seperti ini akan membantu meningkatkan pembelajaran berasaskan ICT.

Di samping itu, pihak sekolah akan menerima satu teknik dan pendekatan yang baharu dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Mereka mula menggunakan perisian dan bahan ini dalam pengajaran peribahasa Tamil dengan menggunakan teknik ICT. Pihak sekolah didedahkan dengan teknologi baharu iaitu *Quizlet*. Pihak sekolah mula mengenali dan menggunakan teknologi ini dalam PdPc sekolah. Selepas memperolehi kebolehlaksanaan modul ini, pihak sekolah boleh aplikasi bahan ini dalam mata pelajaran lain terutamanya mata pelajaran yang lemah di sekolah itu. Teknik dan pendekatan ini boleh digunakan dalam pembelajaran lain ataupun bagi mata pelajaran yang lain. Pengurusan sekolah boleh membentuk perisian dan modul mengikut kehendak mata pelajaran dan boleh diberikan kepada murid-murid secara pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kendiri. Penggunaan teknologi seperti ini akan membantu meningkatkan pembelajaran berasaskan ICT di sekolah itu.

5.5 Kelebihan Modul Dan Perisian

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat banyak kelebihkan yang dinyatakan oleh guru-guru dan murid-murid yang menggunakan modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Pandangan pakar terhadap modul ini juga positif dan kandungan modul ini diterima oleh semua pakar yang terlibat. Modul ini meningkatkan kemahiran pembelajaran peribahasa Tamil dalam kalangan murid-murid SJKT. Murid-murid dan guru memperolehi satu teknik dan pendekatan yang baharu iaitu pembelajaran menerusi aplikasi *Quizlet*.

Pendedahan terhadap teknologi baharu merupakan salah satu kelebihan modul pengkaji. Modul pengkaji boleh digunakan secara manual dan bersama perisian. Perisian ini merupakan perisian yang boleh dimuat turun di telefon pintar dengan menggunakan internet seperti mana kita muat turun perisian permainan dalam telefon bimbit. Tetapi selepas dimuat turun pengguna tidak perlukan internet untuk menggunakan modul dengan perisian yang dimuat turun itu. Hal ini merupakan kelebihan modul pengkaji iaitu penggunaan tanpa talian internet selepas aplikasi *Quizlet* dimuat turun di telefon pintar pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas sahaja gambar di modul itu diimbas sesi tutorial dan sesi latihan juga sama seperti tutorial akan dipapar. Audio dan video yang terang merupakan kelebihan modul pengkaji. Keistimewaan dan kelebihan aplikasi yang dibina oleh pengkaji adalah muatannya kecil dan semua jenis telefon pintar boleh dimuat turun perisiannya. Kelebihan yang seterusnya, terdapat semua peribahasa Tamil yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah iaitu sebanyak 30 dari tahun satu hingga tahun lima dalam satu modul berserta dengan perisiannya. Sistem audio dan video dimasukkan dalam perisian yang dibina oleh pengkaji. Penciptaan pengkaji merupakan penciptaan inovasi yang tersendiri dan ini juga merupakan kelebihan modul ini. Secara tidak langsung, modul ini meningkatkan keyakinan murid-murid dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Minat terhadap pembelajaran peribahasa Tamil juga meningkat dan peratus pencapaian juga meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelebihan kepada guru pula, bahan ciptaan ini merupakan satu bahan bantu mengajar tambahan dalam PdPc mereka. Modul ini merupakan salah satu bahan pembelajaran kendiri dan guru menjadi fasilitator seperti yang dinyatakan dalam pembelajaran abad 21. Bahan ini bersifat mesra pengguna kerana ciri-cirinya yang istimewa dan mudah digunakan untuk membuat ulang kaji pelajaran. Murid-murid juga boleh mengurus masa dengan efektif kerana bahan ini senang digunakan di semua tempat.

Modul ini juga ringan dan kecil serta boleh membawa ke semua tempat. Kandungan juga berwarna-warni dan boleh digunakan secara manual tanpa perisian. Modul ini dan perisian ini boleh digunakan berulang-ulang sehingga murid-murid mahir dan pandaidalam pembelajaran peribahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara rumusannya, kelebihan modul dan perisian ini banyak berbanding dengan bahan bantu mengajar ICT yang lain. Bahan ciptaan pengkaji ini, amat berguna kepada murid-murid, guru, pihak sekolah dan juga masyarakat.

5.6 Kelemahan Modul Dan Perisian

Terdapat juga sedikit kelemahan dalam modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet*. Salah satu kelemahan dalam modul ini adalah penggunaan telefon pintar dan masalah internet. Internet diperlukan sewaktu perisian dimuat turun. Terdapat murid yang langsung tidak gunakan talian internet dan bukan semua murid ynag memperolehi telefon pintar. Malah, masalah ini dapat dikurangkan pada masa PKP. Hal ini kerana, PDPR dilaksanakan masa PKP dan kebanyakan murid memperolehi telefon pintar tersendiri dengan talian internet. Oleh yang demikian, kelemahan modul ini dapat dikurangkan dan kelemahan ini boleh dihapuskan. Kelemahan modul ini boleh dimansurkan dan ini bukan kelemahan yang berterusan. Walau bagaimanapun, semua golongan murid boleh menggunakan modul ini dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

5.7 Cadangan Dan Penambaikan Modul Serta Perisian

Mengikut kelebihan dan kelemahan kajian, pengkaji ingin menambahkan cadangan dan penambahbaikkan dalam kajiannya. Cadangan dari murid adalah kekurangan latihan dalam modul. Murid-murid berpendapat untuk tambahkan latihan dalam modul yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibina oleh pengkajinya. Terdapat 30 soalan dalam modul itu. Murid-murid yang menggunakan modul itu mencadangkan untuk tambahkan latihan bagi peribahasa Tamil yang susah sebagai latihan tambahan.

Cadangan seterusnya dari pakar penilai modul. Pakar berpendapat bahawa perkataan yang digunakan dalam modul itu susah untuk difahami oleh murid-murid. Pengkaji menggunakan perkataan yang berkaitan dengan teknologi dengan bahasa Tamil yang tulin tetapi kebanyakkan murid-murid biasa dengan bahasa Inggeris tentang teknologi. Pakar berpendapat supaya terangkan dulu perkataan sebelum dilaksanakannya.

Guru-guru pula memberi cadangan bahawa menggunakan teknik ini dalam bahagian sastera yang lain seperti seiyul, palamozhi, inaimozhi, marabuttodar, uvamaittodar dan iraitaikkilaivi. Guru matematik pula memberi cadangan untuk membangunkan modul seperti ini dalam pembelajaran sifir kerana teknik ini mampu meningkatkan kemahiran ingatan murid-murid.

5.8 Cadangan Kajian

Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan. Pengkaji mempunyai cadangan untuk memperkenalkan aplikasi yang sama di semua sekolah SJKT. Jika dilihat, penggunaan aplikasi ini telah pun digunakan di peringkat universiti, malah di negara negara maju yang lain. Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan untuk menawarkan aplikasi ini di sekolah menengah dan pendedahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkenaan aplikasi ini perlu diperluaskan dalam semua mata pelajaran untuk meningkatkan pengamalan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid-murid. Kursus seperti ini akan meningkatkan pembelajaran secara maya dan pembelajaran ICT dalam kalangan murid-murid dan juga guru-guru.

Berdasarkan cadangan lanjut berdasarkan modul, pengkaji berpendapat untuk menambah bilangan responden dalam kajian yang akan mendatang. Dalam kajian ini, sampel atau responden yang dipilih hanya daripada dua kelas iaitu kelas kawalan dan kelas rawatan, kedua-duanya dari Tahun Lima. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian sebegini dapat diperluaskan lagi ke atas sampel atau responden yang lebih ramai dengan melibatkan pelbagai kategori murid dan sekolah supaya hasil dapatan kajian akan lebih menyeluruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan atau teknik ini sesuai untuk semua warga pendidikan sama ada di sekolah rendah, menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian-kajian lanjutan dijalankan untuk melihat kebolehlaksanaan dan keberkesanannya di pelbagai peringkat pengajian, menggunakan pelbagai tajuk atau topik di dalam sukatan pelajaran dalam kesemua mata pelajaran. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam kajian ini, seperti kesediaan telefon bimbit kepada semua murid, tetapi hasil kajian telah menunjukkan bahawa pendekatan ini amat sesuai digunakan di dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Oleh itu, jika pengkaji yang akan datang berminat untuk menjalankan kajian lanjutan, maka dicadangkan agar mereka dapat mengambil perhatian akan isu ini dan cuba untuk mengurangkan kelemahan-kelemahan seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.9 Kesimpulan

Daripada analisis data yang telah dijalankan, pengkaji membuat kesimpulan bahawa modul pembelajaran peribahasa Tamil berdasarkan aplikasi *Quizlet* dapat membantu dalam mempertingkatkan prestasi pencapaian pembelajaran ke atas murid-murid Tahun Lima. Perkara ini jelas dilihat di dalam pengujian hipotesis nuk ketiga, iaitu terdapat peningkatan purata skor pencapaian ujian pos dalam kalangan kumpulan rawatan berbanding dengan kumpulan kawalan. Oleh itu, kaedah modul ini dapat membantu menyelesaikan masalah dalam pembelajaran peribahasa Tamil. Jelaslah di sini bahawa penggunaan pendekatan dan teknik ini amat memberangsangkan serta dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan dalam pembelajaran peribahasa Tamil.

Akhir sekali, didapati kajian ini mampu memberi sumbangan yang besar dalam pembelajaran peribahasa Tamil kerana pendekatan aplikasi *Quizlet* merupakan satu bahan bantu mengajar inovasi bagi murid-murid SJKT. Bahan mengajar ini akan menjadikan PdPc lebih interaktif dan menyeronokkan. Diharap guru-guru akan dapat merancang pengajaran secara lebih sistematik dengan bantuan aplikasi untuk menjadikan proses PdPc sesuatu mata pelajaran lebih mudah dan menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Halim Ali. (2019). Pemikiran Aras Tinggi (KBAT) dalam Bahan Multimedia untuk Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *International Journal of Modern Education,* 11(3), 31-51.

Abdul Ghafar Md. Din. (2003). *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abd. Sukor Shaari. (2005). *Motivasi Belajar dan Harga Diri: Hubungan dengan Pencapaian Akademik dan Kegiatan Kokurikulum Pelajar Sekolah Menengah.* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Abd.Aziz Abd.Talib. (2007). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.

Abu Bakar Nordin. (1994*). Developing A Scale in Effective Domain: A Procedural Model*. Terbitan Tak Berkala 5. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Adler M, Ziglio E. (1996). *Gazing Into the Oracle: The Delphi Method and its Application to Social Policy and Public Health*. London: Jessica Kingsley Publishers.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ainley, M. (2004). What Do We Know About Student Motivation and Engagement? Paper Presented at the Anual Meeting of the Australian Association for Research in Education, Melbourne 29November - 2 December. Diperoleh daripada http://www.aare.edu.au/04pap/ain04760.pdf

Aleimmah Ali. (2009). *Meningkatkan Penguasaan Tatabahasa Murid Tingkatan 3A Dalam Kemahiran Menulis dengan Mwnggunakan Kaedah Majalah Dalam Kelas*. Diperoleh daripada http://www.aliemmah.files.wordpress.com/2010/03/penguasaan_tatabahasa.pp

Arlindo Francisco Marcal. (2006). Pengaruh Motivasi Belajar dan Disiplin Diri terhadap Prestasi Belajar Karyasiswa Timor-Leste. Jakarta: *Jurnal Manajamen Public dan Bisnis*.17(4), 429-435

Arni Johan. (2012). Pembelajaran Peribahasa dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan*, 12(3), 62–78.

Aszoura. (2007). Mentoring Toward Technology Use: Cooperating Teacher Practice in Supporting Student Teachers. *Journal Of Research on Technology in Education*. 37(1), 85-110.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Azah Abdul Aziz & Jumaeyah Zainalabidin. (2018). Pembelajaran Peribahasa Melalui ICT. *Kertas Kerja Seminar Bahasa Melayu 2018: Pengajaran Inovatif Pemikiran Kreatif,* pp. 215-223. Anjuran Pusat Bahasa Melayu Singapura pada 13 Mac 2018.

Azhar Ab Wahab, Amirah Ahmad, & Siti Aishah Md. Arif. (2015). Pembangunan Aplikasi M-Pembelajaran Peribahasa Melayu Menggunakan Model ASSURE. *Symposium of International Language & Knowledge (SILK 2015): Languages in Diverse Contexts, Pedagogy and Creativity*, pp. 52–61. Anjuran Sekolah Seni Liberal, Universiti Walailak, Thailand pada 12–13 Jun 2015.

Baharudin, H. (2016). Penggunaan Perisian Quizlet.Com dalam Pembelajaran Kosa Kata
Bahasa Arab. *`A Jamiy: Jurnal Bahasa Dan Sastra Arab,* 9(1), https://doi.org/10.31314/ajamiy.9.1.1-15.2020

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran: Kurikulum Standard Sekolah Rendah, Bahasa Tamil Tahun Lima Sekolah Kebangsaan.* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Barbara Rogoff. (1999). Cognitive Development Through Social Interaction : Vygotsky and Piaget. *`A Jamiy : Jurnal Bahasa Dan Sastra Arab,* 9(1), 1. https://doi.org/10.31314/ajamiy.9.1.1-15.2020

Bloom, B. S., & Krathwohl, D. R. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals.* New York, NY: Longmans.

Catherine Cheah Ming Ming. (2007). *First Year Students' Perceptions Of Excellent Teachers.* Universiti Teknologi Malaysia.

